

LAPORAN TAHUNAN 2021

Universiti Malaysia Terengganu


Konsep Reka Bentuk

EKOSISTEM MARIN: Span Laut


Ekosistem marin merangkumi sekumpulan benda hidup dan bukan hidup yang saling berinteraksi bermula dari kawasan pesisir, permukaan laut dan dasar laut. Span laut, terkelas dalam filum *Porifera*, merupakan salah satu haiwan dipercayai wujud sejak lebih 500 juta tahun lampau dan terus mewarnai ekosistem marin hingga kini. Spesies span laut yang menghiasi muka hadapan buku ini dikenali sebagai *Yellow Tube Sponge* atau nama saintifiknya *Aplysina fistularis*. Selain keindahan warnanya, kewujudan span laut juga mengimbangi dan membersihkan ekosistem marin dengan menapis bakteria, plankton dan bahan-bahan organik lain melalui liang rongga dan dijadikan makanan. Span laut turut digunakan sebagai bahan penyelidikan khususnya dalam bidang bioteknologi marin yang mana bahan bioaktifnya berpotensi menjadi penawar kepada penyakit tertentu dan neutrasedutikal.

Kewujudan dan kepentingan span laut dalam ekosistem marin ini menggambarkan UMT sebagai salah sebuah universiti yang tersohor dan memberi impak positif kepada ekosistem pengajian tinggi negara. Ia juga mencerminkan kerjasama, kebersamaan dan saling bergantung warga dalam melonjakkan kecemerlangan UMT sebagai sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani global.

BILANGAN STAF MENGIKUT TARAF JAWATAN




STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (AKADEMIK)




Catatan: Termasuk Skim Latihan Khas Tenaga Akademik (Sepenuh masa) & Skim Latihan Khas Tenaga Akademik (Bersekutu)


STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (BUKAN AKADEMIK)




STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (AKADEMIK ANTARABANGSA) MENGIKUT NEGARA




STAF PELAKSANA



BILANGAN PROGRAM



BILANGAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH



Jumlah 10,012



FAKTA DAN ANGKA



LAPORAN TAHUNAN 2021

Universiti Malaysia Terengganu

Bidang Tujahan - Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik



INOS - Higher Institution Centre of Excellence (HICoE) dalam bidang Oseanografi dan Sains Marin



PASTEM-Pusat Asasi STEM UMT



Satu-satunya Hatcheri Krustasia di Malaysia



Stesen-stesen Penyelidikan - Pulau Bidong, Chagar Hutang (Pulau Redang), Tanah Bencha Setiu dan Tasik Kenyir



RV Discovery - Satu-satunya universiti yang memiliki kapal untuk penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran



MalTraC - Malaysia Maritime Logistic and Transport Centre - Pertama di Malaysia di kampus UMT



Sea Turtle Research Unit di Pulau Redang - Diiktiraf oleh UNESCO



WOW FACTOR

Survival Laut dan Penghayatan Warisan - Program unik untuk pelajar baharu



Santuari kuda laut pertama - diiktiraf oleh The Malaysia Book of Records



INOS Marine Database - Pertama di dunia diakreditasi sebagai Associate Data Unit (ADU) bagi program International Oceanographic Data and Information Exchange (IODE) oleh Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC) - Dianugerahkan oleh UNESCO



Pusat Latihan Pelayaran UMT



Simulator Pengendalian Kapal bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran



AKUATROP - Higher Institution Centre of Excellence (HICoE) dalam bidang Future Food: Sustainable Shellfish Aquaculture



SALIHIN-UMT TAF (Teaching Accounting Firm) - Pertama di Malaysia dan dunia hasil kerjasama UMT dan SALIHIN Chartered Accountant



Ocean Teacher Global Academy (OTGA) Regional Training Centre pertama di Asia Pasifik - Dianugerahkan oleh IODE UNESCO



ICoE - Industry Centre of Excellence Kluster Maritim



SOROTAN KEJAYAAN UMT 2021



UMT TERSENARAI DALAM TUJUH KATEGORI PENARAFAN OLEH TIMES HIGHER EDUCATION (THE) WORLD UNIVERSITY RANKINGS

THE World University Rankings – 1,201+
THE Emerging Economies University Rankings – 501+
THE World University Rankings by Subject: Physical Sciences – 801-1,000
THE World University Rankings by Subject: Life Sciences – 801+
THE World University Rankings by Subject: Engineering – 601-800
THE World University Rankings by Subject: Business and Economics – 501-600
THE World University Rankings by Subject: Social Sciences – 601+

UMT TERSENARAI DALAM TIMES HIGHER EDUCATION (THE) IMPACT RANKINGS

Buat julung kalinya UMT berjaya berada pada tempat 401-600 dalam THE Impact Rankings. Penarafan ini membuktikan inisiatif dan sokongan UMT terhadap Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDG) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



UMT BERADA PADA KEDUDUKAN 1,001-1,200 DALAM QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS

UMT terus bersaing di peringkat global dan mengekalkan kedudukannya dalam kalangan 1,200 universiti terbaik dunia dalam QS World University Rankings.

UMT MELONJAK KE TANGGA 167 DALAM QS ASIAN UNIVERSITY RANKINGS

Kecemerlangan UMT di peringkat global terus terserlah apabila berjaya melonjak 28 tangga berbanding tahun sebelumnya sekali gus menjadikannya tergolong dalam 25% universiti terbaik di Asia.





WEB OF SCIENCE

UMT CEMERLANG DALAM PENERBITAN TOP PAPERS DAN SITASI PER PENERBITAN.

Berdasarkan Web of Science, UMT mencatatkan peratusan tertinggi penerbitan Top Papers dalam penyelidikan kejuruteraan di samping menghasilkan sitasi per penerbitan kedua tertinggi dalam kalangan universiti di Malaysia.

TERSENARAI PADA TANGGA KE-204 TERBAIK DUNIA DALAM PENARAFAN UI GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKING ON SUSTAINABILITY.

Komitmen UMT dalam menyediakan persekitaran kampus yang kondusif dan lestari terus diiktiraf apabila melonjak 134 tangga berbanding tahun sebelumnya dalam penarafan UI GreenMetric World University Ranking on Sustainability



Congratulations

**ASSOCIATE PROFESSOR
DR MEISAM TABATABAEI**
(INSTITUTE OF TROPICAL
AQUACULTURE AND FISHERIES)

on being listed in the

**TOP 1% HIGHLY CITED RESEARCHERS 2021
(PUBLISHED BY CLARIVATE)**

from
Professor Dr. Mazlan Abd Ghaffar, FASc
UMT Vice Chancellor



PENYELIDIK UMT DIKTIRAF OLEH CLARIVATE SEBAGAI TOP 1% HIGHLY CITED RESEARCHERS 2021

Penyelidik UMT, Profesor Madya Dr. Meisam Tabatabaei menghasilkan penerbitan berkualiti yang menjadi rujukan sehingga tersenarai sebagai Top 1% Cited Researchers 2021

LIMA ORANG PENYELIDIK UMT TERSENARAI SEBAGAI TOP 2% SCIENTIST OLEH STANFORD UNIVERSITY

- Profesor Madya Ts. Dr. Mohamad bin Ismail, Profesor Ts. Dr. Lam Su Shiung dan Profesor Madya Dr. Meisam Tabataei – Bidang Kajian Tenaga
- Profesor Dr. Mohd Lazim bin Abdullah – Bidang Pemprosesan Imej dan Kepintaran Buatan
- Profesor Madya Dr. Amin Beiranvand Pour – Bidang Kejuruteraan Geologi dan Geomatik






UMT TUAN RUMAH KALI KEDUA BAGI THE MALAYSIA LAUNCH OF 2021 LANCET COUNTDOWN ON HEALTH AND CLIMATE CHANGE REPORT

UMT telah diberi penghormatan kali kedua sebagai hos pelancaran "The Malaysia Launch of the 2021 Report of the Lancet Countdown 2021 on Health and Climate Change". Ia merupakan pengiktirafan kepada UMT sebagai salah sebuah daripada kolaborasi 43 institusi akademik dan agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di seluruh dunia. The Lancet ialah sebuah jurnal berimpak tinggi, justeru penerbitan UMT dalam The Lancet ini telah meningkatkan jumlah sitasi penerbitan UMT di peringkat antarabangsa.

SPESIES HIDUPAN LAUT BAHARU DINAMAKAN SEMPERA NAMA PENYELIDIK UMT

Penyelidik UMT, Profesor Dr. Othman bin Ross, dari Fakulti Sains dan Sekitaran Marin mencatat sejarah apabila menemukan spesies baharu hidupan laut krustasia, Amphipoda, Nuuanuidae. Lebih membanggakan apabila spesies baharu ini dinamakan sebagai *Nuuanu othmani* sp. nov. sempena nama beliau yang berjaya menemui spesies ini.



ALUMNI UMT TERIMA ANUGERAH BERPRESTIJ UNITED KINGDOM'S DIANA AWARD 2021

Alumni UMT, Mogesh Sababathy merupakan salah seorang daripada tiga rakyat Malaysia menerima anugerah ini hasil penglibatan dan sumbangan aktif beliau dalam kerja-kerja sosial dan kemanusiaan. Beliau merupakan pengasas bersama Project Ocean Hope yang memberi perhatian kepada konservasi marin.

UMT DIKTIKRAF 5 BINTANG DALAM MyMOHES

UMT menerima pengiktirafan lima bintang dalam penarafan Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam (MyMohes) bagi tahun 2021 dan merupakan antara tiga universiti awam yang mendapat skor 100% berbanding 20 institusi pengajian tinggi dalam negara.



SEJARAH PENUBUHAN

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



FOKUS STRATEGIK

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



VISI

Universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global



MISI

Menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam



BIDANG TUJAHAN

Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik



SLOGAN

Terokaan Seluas Lautan,
Demi Kelestarian Sejagat



FALSAFAH

Ilmu dan amal yang berpadu berlandaskan keimanan kepada Allah adalah tonggak kepada usaha universiti dalam menyediakan modal insan yang berwibawa untuk kesejahteraan sejagat

An underwater photograph featuring three divers in the foreground and a fourth diver in the background. The divers are equipped with scuba gear, including masks, regulators, and BCDs. They are surrounded by a large school of small fish and several larger, colorful fish, including orange and yellow ones. The water is clear and blue. A semi-transparent blue diagonal band runs across the image, and the word 'Kandungan' is written in a white, cursive font at the bottom.

Kandungan



3 Sorotan
Kejayaan
UMT 2021

6 Maklumat
Korporat
UMT

95 Keunggulan
Penyelidikan
dan Inovasi

29 Laporan
Naib
Canselor

123 Pembangunan
Pelajar dan
Alumni

35 Laporan
Tadbir
Urus

147 Memacu
Pemindahan Ilmu
dan Jaringan
Industri

43 Kejayaan
dan
Pencapaian

163 Keterlihatan
Global

53 Pemerksaan
Bakat

177 Pemantapan
Citra

83 Kecemerlangan
Pembelajaran
dan Pengajaran

195 Kelestarian
Kampus

219 Kelestarian
Kewangan


NILAI-NILAI TERAS

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



TERAS PELAN STRATEGIK

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



KOMPLEKS PENYELIDIKAN INOS DAN AKUATROP





5 FAKULTI, 1 PUSAT PENDIDIKAN, 1 PUSAT ASASI

Fakulti Pengajian
Maritim (**FPM**)

Fakulti Sains dan
Sekitaran Marin (**FSSM**)

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kelautan dan Informatik (**FTKKI**)

Fakulti Perikanan dan
Sains Makanan (**FPSM**)

Fakulti Perniagaan, Ekonomi
dan Pembangunan Sosial (**FPEPS**)

Pusat Pendidikan Asas
dan Lanjutan (**PPAL**)

Pusat Asasi STEM (**PASTEM**)

4 INSTITUT PENYELIDIKAN

Institut Oseanografi
dan Sekitaran (**INOS**)

Institut Bioteknologi Marin
(**IMB**)

Institut Akuakultur Tropika
dan Perikanan (**AKUATROP**)


Institut Bioteknologi Tropika
dan Pembangunan Lestari
(**BIO-D TROPIKA**)


CARTA ORGANISASI

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Tarikh Kuat kuasa : 1 Oktober 2021

• SENAT
• MPU





Pusat Tanggungjawab Tier 1 = 35
Pusat Tanggungjawab Tier 2 = 9



CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

**KEBAWAHA DULI YANG MAHA MULIA
SULTANAH NUR ZAHIRAH,**

D.K., D.M.N., S.S.M.Z., S.S.M.T., D.K. (Kedah),

**Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order
of Chula Chom Klao (Thailand)**

SULTANAH TERENGGANU



PRO-CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN

**P.M.N., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S., S.J.M.K., S.I.M.P., S.P.M.P., S.P.D.K.,
D.P.M.S., D.H.M.S., P.G.D.K., D.P.M.J., J.S.M., P.M.P., D.G.S.M., A.M.N.,
S.M.W., S.U.M.W.**

Lembaga Pengarah Universiti



Pengerusi LPU
TAN SRI DATO' SRI
SHAMSUL AZHAR BIN ABBAS
P.S.M., S.P.M.S., S.P.S.K., S.P.M.T., D.I.M.P.
B.Sc. (USM), M.Sc. (Penn, USA)



Ahli LPU / Naib Canselor
PROFESOR DATO' DR.
NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR
D.P.M.T., J.S.M.
B.Sc. (New York), M.Sc. (Wales),
Ph.D. (UTM)
(Sehingga 12 April 2021)



Ahli LPU / Naib Canselor
PROFESOR DATO' DR.
MAZLAN BIN ABD. GHAFFAR
D.P.M.T.
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Newcastle),
Ph.D. (Wales)
(Menjalankan Fungsi Naib Canselor mulai 18 April 2021)
(Naib Canselor mulai 2 Ogos 2021)



Wakil Kementerian Kewangan
ENCIK MOHD SORI
BIN HUSAIN
B.Sc. (Hons) (UKM)



Wakil Silih Ganti
Kementerian Pengajian Tinggi
PROFESOR DR.
MOHD CAIRUL IQBAL BIN MOHD AMIN
B.Pharm (Hons), (Manchester),
Ph.D. (Pharmaceutics), (Manchester)
(Sehingga 16 Mac 2021)



Wakil Silih Ganti
Kementerian Pengajian Tinggi
PROFESOR MADYA DR.
MOHD SUZEREN BIN MD JAMIL
B.Sc. (Hons) (UKM),
M.Sc. (Chem) (UKM), Ph.D., (Sheffield)
(Mulai 17 Mei 2021)



Wakil Masyarakat
Y.M ENGU NAIMAH
BINTI ENGU TAIB
B. TESL (UPM)



Wakil Senat
PROFESOR DR.
FAUZIAH BINTI ABU HASAN
B.Sc. (Western Michigan),
M.Sc. (Western Michigan),
Ph.D. (Florida State)



Wakil Swasta
YB SENATOR IR. TS.
H.J. KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
B.Eng. (Hons) (UTP), M.Sc. (UTP)



Wakil Swasta
DATO' IR. DR.
SHAIK HUSSEIN BIN MYDIN
D.I.M.P.
B.Eng. (UTM), M.Sc. (USM), Ph.D. (UTM)



Wakil Swasta
DATO' WAN HISHAM
BIN WAN SALLEH
D.P.M.T., A.M.N.
B. Economics (East Anglia),
M. Economics (UPM)



Wakil Alumni
ENCIK MOHD KHAIRUL HAKIMI
BIN MOHD NAWI
B.Sc. (Hons), (UPM)



Wakil Berpengetahuan
dan Berpengalaman
ENCIK MOHD SHAHAR
BIN YOPE
A-Levels (UK), Foundation
and Level 2 ACCA (UK),
ACCA (Final Level) (UK)



Wakil Silih Ganti
Kementerian Pengajian
Tinggi
PUAN AIDAWATI
BINTI MISDAR
B.Sc. (Hons), (UKM)
(Sehingga 31 Januari 2021)



Wakil Silih Ganti
Kementerian Pengajian
Tinggi
PUAN NOOR HAPIPAH
BINTI SAMAT
B.Sc. (Hons), (UM)
(Mulai 26 Julai 2021)



Setiausaha
HAJI ZUKIFEREE
BIN IBRAHIM
LL.B (Hons), (IIUM),
LL.M (UnisZA)

Senarai Jawatankuasa Lembaga

Jawatankuasa Lembaga

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Tetap Kewangan

Jawatankuasa Pelaburan dan Endowmen

Jawatankuasa Pemilih Utama

Jawatankuasa Tatatertib (Staf)

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (Staf)

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar

Jawatankuasa Kebajikan Pelajar

Jawatankuasa Aduan Pelajar

Jawatankuasa Jaringan dan Kerjasama Strategik Universiti

Senat

PENGERUSI

Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar, D.P.M.T., FASc

B.Sc. (UPM), M.Sc. (Newcastle), Ph.D. (Wales)

Menjalankan Fungsi Naib Canselor mulai 18 April 2021

Naib Canselor UMT mulai 2 Ogos 2021

Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Hj Mokhtar, D.P.M.T., J.S.M

B.Sc. (New York), M.Sc. (Wales), Ph.D. (UTM)

Naib Canselor UMT sehingga 12 April 2021

AHLI

Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim

B.Eng. Mech. (UK), M.Sc. Adv. Mech. (UK), Ph.D. (UKM)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) mulai 8 Ogos 2021

Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar, D.P.M.T., FASc

B.Sc. (UPM), M.Sc. (Newcastle), Ph.D. (Bangor)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Sehingga 1 Ogos 2021

Profesor Madya Dr. Hafiz bin Zakariya

B.HSc. (Hons), IIUM, MA and Ph.D. (California, Santa Barbara)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi bin Ghazali

B. Tech. Polimer, M.Sc. (USM),

Ph.D. (Materials Engineering) (UniMAP)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik

Profesor ChM. Dr. Marinah binti Mohd Ariffin

B.Sc. (USM), M.Sc. (USM), Ph.D. (Glasgow)

Dekan, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Profesor Dr. Mohd Effendy bin Abd Wahid

D.V.M., Ph.D. (UPM)

Dekan, Fakulti Perikanan dan Sains Makanan

Profesor Ts. Dr. Mohd Shaladdin bin Muda

DPA (UiTM), B.Sc. (Indiana State), MBA

(Southern New Hampshire), Ph.D. (Lancaster)

Dekan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan

Pembangunan Sosial

Profesor Madya Ts. Dr. Mohamad Rosni bin Othman

B.Sc. (UPM), M.Sc. (KUSTEM), Ph.D. (Newcastle)

Dekan, Fakulti Pengajian Maritim

Profesor Dr. Asyraf bin Hj. Ab. Rahman

B.A. (Hons.) (IIUM), M.A. (Leeds), Ph.D. (Edinburgh)

Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Profesor Madya Dr. Mohd Fadzil bin Mohd Akhir

Dip. (UTM), B.Eng (Hons.) (HWU), Ph.D. (UWA)

Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Profesor Dr. Muhammad Ikhwanuddin @

Polity bin Abdullah

Dip., B.Sc. (UPM), M.Sc., Ph.D. (UNIMAS)

Pengarah, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan

Profesor Dr. Yeong Yik Sung

B.Sc. (UPM), M.Sc. (KUSTEM), Ph.D. (Ghent)

Pengarah, Institut Bioteknologi Marin

Profesor Dr. Marzuki bin Ismail

B.Sc. (Hons.) (USM), M.Sc., Ph.D. (UPM)

Pengarah, Institut Biodiversiti Tropika dan

Pembangunan Lestari

Profesor Ts. Dr. Noor Maizura binti Mohamad Noori

B.Sc., M.Sc. (UPM), Ph.D. (Manchester)

Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik dan Kualiti

Sehingga 30 September 2021

Pengarah, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik

Mulai 1 Oktober 2021

Profesor Madya Dr. Laili binti Haji Che Rose

B.Sc. (Hons.) (UPM), M.Sc. (UPM), Ph.D. (UEA)

Pengarah, Pusat Asasi STEM

Profesor Ts. Dr. Amiza binti Mat Amin

B.Tech. (USM), Ph.D. (Univ. of Leeds, UK)

Pengarah, Pusat Pengurusan Siswazah

Mulai 1 Oktober 2021

PROFESOR YANG DILANTIK

Profesor Ts. Dato' Dr. Aziz bin Deraman, D.P.M.T.
B.Sc. (Hons.) (UKM), M.App.Sci (Glasgow), Ph.D. (UMIST)
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik

Profesor Dr. Wan Mohd Norsani bin Wan Nik
B.Sc. (George Washington), M.Sc. (Bath), Ph.D. (UTM)
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik

Profesor Ts. Dr. Muhammad Suzuri bin Hitam
B.Tech. (Hons) (USM), Ph.D. (Leeds)
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik

Profesor Ts. Dr. Nora'Aini binti Haji Ali
B.Eng. (UTM), M.Sc. (UMIST), Ph.D. (UKM)
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik
Mulai 28 April 2021

Profesor Dr. Fauziah binti Abu Hassan
B.Sc. Econ. & Stats., M.Sc. (West Michigan),
Ph.D. (Florida State)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Profesor Dr. Nur Azura binti Sanusi
B.Econ (Hons), Ph.D. (UKM)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Profesor Dr. Yusliza binti Mohd. Yusoff
BBA (Hons.) (UPM), MBA (USM), Ph.D. (UiTM)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Mulai 21 Disember 2021

Profesor Dr. Hafiza Aishah binti Hashim
BAcc (Hons) (UiTM), MAcc (Glasgow), Ph.D. (Malaya)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Mulai 21 Disember 2021

Profesor Dr. Aziz bin Ahmad
B.Sc. (Hons), Ph.D. (UPM)
Profesor, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin
Mulai 28 April 2021

Profesor Dr. Wan Iryani binti Wan Ismail
B.Sc. (USM), M.Sc. (USM), Ph.D. (Cape Town)
Profesor, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin
Mulai 21 Disember 2021

Profesor ChM. Dr. Wan Mohd Khairul bin Wan Mohamed Zin
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Durham), Ph.D. (Durham)
Profesor, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin
Mulai 21 Disember 2021

Profesor Dato' Dr. Saharuddin bin Abdul Hamid, D.I.M.P., PAP, FIMarEST, MILT, M.I.K
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Tokyo), Ph.D. (Wales)
Profesor, Fakulti Pengajian Maritim

Profesor Dr. Najiah binti Musa
D.V.M, Ph.D. (UPM)
Profesor, Fakulti Perikanan dan Sains Makanan

Profesor Ts. Dr. Amiza binti Mat Amin
B.Tech. (USM), Ph.D. (Univ. of Leeds, UK)
Profesor, Fakulti Perikanan dan Sains Makanan
Mulai 28 April 2021 sehingga 30 September 2021

Profesor Dr. Abol Munafi bin Ambok Bolong
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Kochi), Ph.D. (Ehime)
Profesor, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan

Profesor Ts. Dr. Lam Su Shiung
BTech (KUSTEM), M.Sc. (UMT), Ph.D. (Cambridge)
Profesor, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan
Mulai 21 Disember 2021

Profesor Dr. Tengku Sifzizul bin Tengku Muhammad
B.Sc., Ph.D. (Wales)
Profesor, Institut Bioteknologi Marin

Profesor Dr. Fadzilah @ Adibah binti Abd Majid
Dip. (ITM), B.Sc. (Hons.) (Leeds), M.Sc., Ph.D. (Birmingham)
Profesor, Institut Bioteknologi Marin

Profesor Dr. Wan Izatul Asma binti Wan Talaat
LL.B (Hons.) (IIUM), M.Sc. (Law), Ph.D. (Law) (UPM),
IUCN WCEL
Profesor, Institut Oseanografi dan Sekitaran

AHLI YANG DIKO-OPT

Profesor Dr. Marzuki bin Ismail

B.Sc. (Hons.) (USM), M.Sc., Ph.D. (UPM)
Presiden, Persatuan Kebajikan Staf Akademik UMT (PASAK)

Profesor Madya Dr. Mohd Nazli bin Mohd Nor

BAcc (Hons.)(UKM), M.Sc. Acc. (UIA), Ph.D. (ECU)
Pengarah, Pusat Transformasi, Perancangan Strategik
dan Risiko

Encik Mohd Nor Shokri bin Hj. Abd Rahman

Dip. Islamic Studies (KUSZA), B.A. (Hons.) (UKM), M.Sc. (UPM)
Pengarah, Pusat Pembangunan Holistik dan Kokurikulum
Sehingga 30 September 2021
Pengarah, Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti
Mulai 1 Oktober 2021

Profesor Madya Dr. Akmalia binti Mohamad Ariff

BACct (Hons.) (UUM), Macct (UiTM), Ph.D. (Auckland)
Ketua Audit Dalam

AHLI EX-OFFICIO

Puan Azizah binti Hasan, C.A.(M)

BACct (UKM)
Bendahari

Tuan Haji Abu Hassan bin Ghazali

Post. Grad. Dip. In Lib. Science (UiTM)
Ketua Pustakawan

Dr. Fahirah Syaliza binti Mokhtar

LLB. (Hons.), LL.M, Ph.D. (UKM)
Penasihat Undang-Undang

SETIAUSAHA

Tuan Haji Zukiferee bin Ibrahim

LL.B (IIUM), LL.M (Unisza)
Pendaftar

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

PENGERUSI



**PROFESOR DATO' DR.
MAZLAN BIN ABD. GHAFFAR**

Menjalankan Fungsi Naib Canselor UMT
berkuat kuasa mulai 18 April 2021
Naib Canselor mulai 2 Ogos 2021



**PROFESOR DATO' DR.
NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR**

Naib Canselor
Sehingga 12 April 2021

AHLI-AHLI



**PROFESOR TS. DR.
MOHD ZAMRI
BIN IBRAHIM**

Timb. Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan fungsi
TNC P&I
mulai 8 Ogos 2021



**PROFESOR DATO' DR.
MAZLAN
BIN ABD. GHAFFAR**

Timb. Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
sehingga 1 Ogos 2021



**PROFESOR MADYA DR.
HAFIZ
BIN ZAKARIYA**

Timb. Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar
dan Alumni)



**PROFESOR DR.
FAUZIAH
BINTI ABU HASAN**

Pro Naib Canselor
(Hal Ehwal Korporat
dan Jaringan Industri)



**TUAN HAJI ZUKIFEREE
BIN IBRAHIM**

Pendaftar



**PUAN AZIZAH
BINTI HASAN**
Bendahari



**DR. FAHIRAH SYALIZA
BINTI MOKHTAR**
Penasihat
Undang-Undang



**TUAN HAJI ABU HASSAN
BIN GHAZALI**
Ketua Pustakawan



**ENCIK MOHD FAIZAL
BIN MOHD NOOR**
Menjalankan Fungsi Pengarah
Pembangunan dan Harta
sehingga 9 Mei 2021
Pengarah Pembangunan dan Harta
mulai 10 Mei 2021



**ENCIK MOHD IZHAM
BIN MOHD A. WAHID**
Ketua Penolong Pendaftar
sehingga 30 September 2021



**ENCIK SAYED MOHD TAMIMUDDIN
BIN SAYED IBRAHIM**
Ketua Penolong Pendaftar
mulai 3 Oktober 2021

SETIAUSAHA

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU SESI 2021/2022



Setiausaha Agung
NUR AISYAH FARHANAH BINTI ZAMRI
(018-3538977)



Yang Dipertua
NUR AMIRAH BT MOHD AGUS
(017-9506913)



Naib Yang Dipertua
MUHAMMAD AL-NURFIRDAUS
BIN NAZRI
(016-5507917)



Setiausaha Kehormat
BRENDON YUN MAN FOOK
(019-5352160)



Bendahari Kehormat
NUR SYAMIMI BINTI MOHD RUDIN
(018-9006041)



EXCO Multimedia & Penerangan
FATIM NURAZILAH BINTI AHMAD ZAMRI
(013-5004638)



EXCO Kelab & Persatuan
MUHAMMAD SYAFIQ RAFAE
BIN MOHD NOH
(018-9692074)



EXCO Akademik & Antarabangsa
NURIN FAQIHAH BINTI MAHADI
(019-9089894)



EXCO Kesukarelawanan & Kelestarian Kampus
NURDINI BINTI AHMAD
(013-5281846)



EXCO Keselamatan & Kesihatan
AMEERUL ISKANDAR BIN ABDULLAH
(016-2275267)



EXCO Keselamatan & Kesihatan
NURSHAZLEEN BT ESHAM
(011-12924374)



EXCO Kesusahawanan & Kerjaya
MUHAMMAD NUR AIMAN ALIFFE
BIN AS RAZAQ
(011-25991337)



EXCO Kehidupan & Kerohanian
AHMAD RUSTAIDI BIN CHE AYOB
(013-2623649)



EXCO Kebudayaan & Kesenian
AFDALINA BA BINTI BARAHIM
(011-31463005)




EXCO Sukan & Rekreasi
UMAR BIN MOHD YUSOF
(011-25521835)

"Keprihatinan Inklusif, Mahasiswa Holistik"

officialmppumt







The background of the slide is an underwater photograph. It shows a diver's leg in a blue wetsuit and a white fin on the left side. The bottom of the frame is covered with a dense field of yellowish-brown coral. The water is a deep blue. There are semi-transparent geometric overlays: a dark blue triangle on the left, a horizontal brown band across the middle, and a horizontal teal band at the bottom.

Laporan Naib Canselor



Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar, D.P.M.T., FASc
Naib Canselor

Beberapa tahun kebelakangan ini menyaksikan pelbagai cabaran yang terpaksa ditempuh oleh semua sektor di negara ini termasuklah sektor pendidikan ekoran penularan COVID-19.

Namun demikian, UMT tetap komited memacu kecemerlangan dalam pembelajaran dan pengajaran. UMT juga tekad menyediakan program pengajian yang berkualiti dan inovatif sejajar dengan bidang tujuhan ilmu kelautan dan sumber akuatik.

Alhamdulillah, sepanjang 2021 UMT telah menerima pelbagai pencapaian dan kecemerlangan yang signifikan, sama ada di peringkat nasional mahupun global. Kejayaan ini telah membuktikan UMT semakin berada dalam landasan yang kukuh, setanding dengan universiti-universiti terkemuka lain.

Buat pertama kalinya, UMT tersenarai dalam QS World University Rankings di kedudukan 1,001 sehingga 1,200 dan berada pada kelompok 200 universiti terbaik Asia bagi QS University Rankings Asia.

Terbaharu, UMT terus menyerlah dalam QS University Rankings Asia bagi penilaian untuk tahun 2022 apabila melonjak ke tangga 167 dan diiktiraf antara 22 Universiti Terbaik Malaysia.

Bagi penilaian berdasarkan The Times Higher Education (THE) World University Rankings, UMT berada di kedudukan 1,201+ untuk tahun 2022 manakala THE World Rankings 2022 by Subject, UMT mencatatkan kedudukan 801 sehingga 1,000 untuk subjek "Physical Sciences". Manakala subjek "Life Sciences" pula, berada di kedudukan 801+ yang merangkumi Pertanian, Perhutanan, Sains Biologi, Sains Veterinar dan Sains Sukan.

Penyertaan julung kali UMT dalam penilaian dan penarafan global The Times Higher Education (THE) Impact Rankings, membuahkan hasil yang membanggakan apabila UMT berada di kedudukan 401 sehingga 600 dalam kalangan 1,115 institusi yang dinilai daripada 94 buah negara.

UMT turut mencapai kejayaan membanggakan berdasarkan analisis data yang diperoleh bagi tahun 2017 sehingga 2021 dalam Essential Science Indicators of Clarivate, Web of Science (Engineering), di mana UMT dinilai sebagai Tertinggi Peratusan dalam Top Papers dalam kalangan universiti di Malaysia, and Kedua Tertinggi bagi Sitasi per Penerbitan (Citations per Paper).

Satu lagi pencapaian membanggakan ialah laporan yang dikeluarkan oleh Stanford University, iaitu senarai terkini 2% kategori "Most-Cited Scientists in the World", dengan lima orang penyelidik UMT daripada pelbagai disiplin berada di dalam senarai tersebut. Lima orang saintis tersebut ialah Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Ismail, Prof. Ts. Dr. Lam Su Shiung, dan Prof. Madya Dr. Meisam Tabatabaie dalam bidang kajian Tenaga, Prof. Dr. Mohd Lazim Abdullah dalam bidang Pemprosesan Imej dan Kepintaran Buatan, serta Prof. Madya Dr. Amin Beiranvand Pour, dalam bidang Kejuruteraan Geologi dan Geomatik. Mereka merupakan kelompok 2% teratas, daripada senarai lebih 150,000 saintis seluruh dunia dari pelbagai disiplin bidang. Selain itu, Prof. Madya Dr. Meisam Tabatabaie juga telah mendapat pengiktirafan oleh Clarivate bagi 1% Highly Cited Researchers.

Tidak kurang hebatnya keunggulan graduan yang dihasilkan oleh UMT apabila anak-anak pelajar dari Program Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti), telah

diiktiraf sehingga ke peringkat antarabangsa melalui pertandingan Anugerah The Hornbill 2021 yang julung kali dianjurkan oleh Climate Governance Malaysia (CGM) bersempena Climate Week New York melalui projek mewujudkan kawasan makan untuk gajah liar di rizab hidupan liar Tabin, Sabah.

Manakala Saudara Mogesh Sababathy dari Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, telah berjaya disenarai pendek sebagai 20 finalis Anugerah Commonwealth Youth Awards 2021 bagi kategori Excellent in Development Work 2021 atas kejayaan inisiatif program UMT Ocean Hope 2020.

Saya turut dijemput ke Parlimen Malaysia untuk membentangkan pandangan dan cadangan kepada ahli parlimen dalam Forum Road to COP-26 : How Climate Change Impacts Poverty? Dalam forum tersebut, UMT telah menyatakan kesediaan untuk mengetuai penyelidikan berimpak tinggi dalam persekitaran akuatik Malaysia melalui penubuhan Climate Change Adaption Laboratory dan hasil dapatan penyelidikan saintifik yang bernilai tinggi ini nanti diharapkan mampu memberikan manfaat untuk masyarakat dan negara dalam menangani isu perubahan iklim.

Pemilihan Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT Pulau Bidong oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) sebagai The 1st Asean Underwater Mini Landmark (AUMIL) dan penganjuran Asean Seminar on Preservation Protection of the Underwater Cultural Heritage telah menjadi penanda aras kepada kejayaan berkaitan kepentingan fungsi sesebuah stesen penyelidikan universiti ini kepada penyelidikan marin terutamanya dalam usaha memperkasa Pelancongan Pendidikan atau Edu-Tourism di Negeri Terengganu.

Segala usaha yang telah dicurahkan bagi mencapai segala kejayaan dan pengiktirafan ini tidak boleh terhenti begitu sahaja. Saya percaya, kecemerlangan dan fungsi universiti kita dapat diperhebatkan lagi untuk tahun 2022 demi manfaat masyarakat, bangsa dan pembangunan Negara.

Sesungguhnya, kejayaan dan pencapaian yang telah diperoleh ini menggambarkan bahawa perancangan universiti yang berpaksikan kepada Pelan Strategik UMT 2018-2022 telah mula membuahkan hasil.

Namun, kita perlu sedar bahawa kelestarian sesebuah pelan strategik yang cemerlang tidak akan berkeadaan statik dan perlu berubah mengikut keadaan semasa serta tuntutan masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, bermula 2022 UMT akan merangka Pelan Strategik UMT 2023-2027 dalam usaha meningkatkan prestasi UMT bersesuaian dengan cabaran dan tuntutan semasa negara terutamanya dalam usaha mendepani cabaran pandemik COVID-19.

Penyediaan Pelan Strategik UMT 2023-2027 ini akan disejajarkan dengan 10 Lonjakan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 serta seiring dengan Pelan Strategik Ekosistem Digital UMT 2021-2025.


Ia akan merangkumi tiga aspek utama iaitu mengenal pasti lima kepentingan utama universiti, mengembangkan keterlibatan dan penumpuan 11 "focus areas" universiti, dan mengenal pasti dan memperkasa fungsi tiga "enablers" utama universiti.

Perancangan UMT pada tahun 2022 akan selari dengan tujuh Strategi Utama, Rangka Tindakan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi atau Sejahtera IPT, seperti yang telah dizahirkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dalam amanat beliau.

Saya menyeru agar seluruh Warga UMT Cemerlang bersama-sama berganding bahu demi memastikan kecemerlangan UMT seterusnya menuju sebagai peneraju universiti terfokus

(Malaysia Focus University – MFUN), yang bukan sahaja cemerlang dalam nic utama ilmu kelautan dan sumber akuatik malah membawa manfaat kepada komuniti, cemerlang dari aspek pendigitalan pendidikan serta menjadi pusat rujukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sama-sama kita berusaha dan bersatu hati memperhebat strategi demi kesejahteraan masyarakat, pembangunan bangsa dan Negara.





Laporan Tadbir Urus



TADBIR URUS UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Tadbir urus yang kukuh dan disokong oleh kepimpinan yang mantap dengan amalan pengurusan yang baik merupakan penyumbang kepada peningkatan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan. Tadbir urus yang baik juga dapat meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap keupayaan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melaksanakan objektif penubuhannya dengan berkesan.

Struktur Tadbir Urus Universiti

UMT telah ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) 2007 [P.U. (A) 27/2007] dan melaksanakan fungsinya berpanduan kepada Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu [P.U. (A) 29/2007].

Canselor dan Pro-Canselor

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu merupakan Canselor UMT, yang mempengerusikan Majlis Konvokesyen. Tan Sri Samsudin bin Osman pula merupakan Pro-Canselor, yang menjalankan apa-apa fungsi Canselor bagi pihak dirinya.

Lembaga Pengarah Universiti

Selaras dengan amalan tadbir urus yang baik, UMT komited memastikan diversiti dalam Lembaga Pengarah khususnya dari segi pengalaman, kemahiran, pengetahuan dan latar belakang industri untuk mencapai objektif yang optimum. Pada tahun 2021, UMT mempunyai 11 orang ahli Lembaga Pengarah seperti berikut:

- a. Pengerusi;
- b. Naib Canselor;
- c. Dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
- d. Seorang yang mewakili masyarakat setempat;
- e. Seorang profesor universiti yang dipilih oleh Senat;
- f. Lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni universiti dan seorang lagi yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu lembaga.

Lembaga Pengarah berfungsi sebagai badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti setakat kepada kuasa dalam Perlembagaan, Statut, Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan kepada pihak berkuasa, badan atau pegawai universiti.

Beberapa jawatankuasa telah dibentuk di bawah Lembaga Pengarah bagi membantu dalam melaksanakan fungsinya dengan lebih efektif seperti berikut:

- a. Jawatankuasa Pemilihan Utama;
- b. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko;
- c. Jawatankuasa Tetap Kewangan;
- d. Jawatankuasa Pelaburan dan Endowmen;
- e. Jawatankuasa Tatatertib (Staf);
- f. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (Staf);
- g. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar;
- h. Jawatankuasa Kebajikan Pelajar;
- i. Jawatankuasa Aduan Pelajar; dan
- j. Jawatankuasa Jaringan dan Kerjasama Strategik Universiti.

Senat UMT

Senat pula merupakan badan akademik bagi Universiti dan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain.

Dalam melaksanakan kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya, Senat telah menubuhkan lima jawatankuasa di bawahnya seperti berikut:

- a. Jawatankuasa Pembangunan Program Pengajian Universiti (JPPPU);
- b. Jawatankuasa Anugerah dan Hadiah;
- c. Jawatankuasa Tetap Ijazah Kehormat dan Profesor Emeritus;
- d. Jawatankuasa Salah Laku Akademik; dan
- e. Jawatankuasa Rayuan Gagal dan Diberhentikan.

Jawatankuasa Pengurusan Universiti

Jawatankuasa Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) bertanggungjawab menasihati Naib Canselor dalam menjalankan fungsi pentadbiran dan pengurusan Universiti. Keanggotaan MPU adalah terdiri daripada Naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pro Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Penasihat Undang-Undang, Ketua Pustakawan, Pengarah Pembangunan dan Harta serta Ketua Pegawai Maklumat.

Kawalan Dalaman

Bagi memantapkan tadbir urus UMT, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sebagai kawalan dalaman. Inisiatif ini termasuklah:

Penubuhan Bahagian Audit Dalaman

Bahagian Audit Dalam (BAD) merupakan entiti yang mempunyai fungsi bebas, yang bertanggungjawab menjalankan tugas audit kewangan dan audit pengurusan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi UMT.

BAD membantu UMT mencapai objektifnya dengan menilai dan menentukan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus; menentukan wujudnya akauntabiliti dan integriti pengurusan kewangan, pengurusan sumber dan program di semua peringkat; dan membendung salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan staf UMT.

Pada tahun 2021, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan termasuklah:

- a. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Kenderaan Air;
- b. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Penerbitan;
- c. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Kenderaan Darat;
- d. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Peralatan dan Kemudahan Sukan;
- e. Audit Khas: Kajian Audit Terhadap Kelestarian Tenaga;
- f. Audit Pengurusan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) Sesi 2020/2021;
- g. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Peralatan dan Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran;
- h. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Hal Ehwal Islam dan Kebajikan Pelajar; dan
- i. Kajian Audit Susulan Terhadap Pengurusan Sistem Aplikasi.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Bahagian ini dikawal selia oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko yang diwujudkan di peringkat Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini dianggotai oleh empat orang ahli Lembaga Pengarah dan turut dihadiri oleh Pengurusan Utama UMT.

Secara umumnya, jawatankuasa ini bertanggungjawab;

- a. mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman Universiti dan mencadang serta menasihati Lembaga berhubung dengannya;
- b. mengesan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga serta tatakelakuan staf dan boleh menyiasat sebarang ketidakakuran yang berlaku dalam Universiti;
- c. mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung pengurusan risiko Universiti;
- d. menentukan bahawa akaun disediakan dengan tepat dan pada masa yang ditetapkan dengan membuat kajian semula bagi memastikan terdapat peruntukan yang memadai terhadap tanggungan luar jangka dan hutang lapuk dan ragu; dan sebagainya.

Penubuhan Unit Integriti

Unit Integriti (UI) berfungsi sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di UMT selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 dan bertanggungjawab melaksanakan enam fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib. UI meletakkan objektif untuk menyepadukan pengurusan integriti

secara bersasar bagi memastikan inisiatif-inisiatif penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tatakelakuan dan tindakan punitif dapat dilaksanakan dengan lebih fokus, teratur dan berkesan.

Sebagai sebuah entiti yang bertanggungjawab dalam pengurusan integriti, unit ini dikawal selia sepenuhnya oleh Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) UMT yang dipengerusikan sendiri oleh Naib Canselor. UI UMT juga perlu menyampaikan pelaporan berkala kepada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan Unit Integriti di agensi awam di samping menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan Unit Integriti di peringkat pusat.

Sepanjang tahun 2021, UI UMT telah melaksanakan 29 inisiatif penginstitusian integriti melalui pelaksanaan program secara atas talian dan secara bersemuka berbentuk taklimat, latihan, ceramah, forum dan penerbitan poster. UI UMT juga telah mengorak langkah melakukan jalinan kerjasama bersama SPRM Negeri Terengganu, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Terengganu dan Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah Malaysia (ACeIO) dalam penganjuran program di peringkat negeri dan kebangsaan. UI UMT juga berkolaborasi rapat dengan UI universiti awam yang lain melalui Majlis Pegawai Integriti Universiti Awam (MPIUA) dan turut dilantik sebagai Pengerusi Biro Latihan dan Penyelidikan.

Bagi mengukuhkan lagi agenda integriti dalam kalangan pelajar UMT, Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) telah ditawarkan bermula pada sesi pengajian 2021/2022. Di samping itu, bagi merencanakan aktiviti penyelidikan yang berintegriti

tinggi di UMT, UI telah berjaya mendapatkan kelulusan menerima dan menggunakan Malaysia Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR) sebagai satu garis panduan

Polisi Pengurusan Risiko

Kesedaran dan kefahaman mengenai pengurusan risiko telah diberi penekanan dalam pelaksanaan aktiviti di UMT. Polisi Pengurusan Risiko UMT telah disediakan bagi memastikan pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan dan konsisten di UMT.



komprehensif dan menyeluruh sesuai dengan konteks amalan terbaik dalam penyelidikan dan memenuhi amalan piawaian antarabangsa.

UMT, melalui Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR) bertanggungjawab memantau pelaksanaan pengurusan risiko UMT. Semua aktiviti pengurusan risiko adalah berdasarkan punca kuasa daripada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti.



Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko

Polisi dan Prosedur

Selain itu, UMT telah mewujudkan pelbagai polisi dan prosedur lain bagi memastikan kawalan dalaman yang mantap dan sistematik. Usaha ini juga dapat membendung salah laku yang menyumbang kepada berlakunya penyalahgunaan, ketirisan, pembaziran dan ketidakadilan sehingga boleh menjejaskan reputasi UMT.

Antaranya adalah:

- Whistleblower Policy and Procedures For Universiti Malaysia Terengganu
- No Gift Policy
- Kod Etika UMT
- Kod Etika Ahli Akademik UMT
- Pengisytiharan kepentingan

HEBAHAN INTEGRITI SIRI 1/2021

LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

APAKAH PERNYATAAN AWAM ?
Apa-apa pernyataan atau ulasan yang dibuat kepada pihak akhbar/orang ramai/semasa memberi syarahan/ucapan awam/apa-apa penyiaran/penerbitan, tanpa mengambil kira caranya termasuk media-media sosial

PERATURAN 18 (1), JADUAL KEDUA, AKTA BADAN - BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 605) MENYATAKAN BAHAWA ADALAH MENJADI KESALAHAN SEKIRANYA PEGAWAI UMT:

1. membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh MEMUDARATKAN APA-APA DASAR, RANCANGAN atau KEPUTUSAN BADAN BERKANUN atau KERAJAAN tentang apa-apa isu	3. membuat apa-apa ulasan tentang KELEMAHAN APA-APA DASAR, RANCANGAN atau KEPUTUSAN BADAN BERKANUN atau KERAJAAN
2. membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh MEMALUKAN atau MEMBURUKKAN NAMA BADAN BERKANUN atau KERAJAAN	4. MENGEDARKAN APA-APA PERNYATAAN atau ULASAN, samada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain

MANA-MANA PEGAWAI UMT YANG MELANGGAR PERATURAN INI BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB

AKTA 605 AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB & SURCAJ) 2000

UNIT INTEGRITI | 09-6684440 | 012-9472400 | integriti@umt.edu.my | Aras 1, Bangunan Pentadbiran dan Canselor | Universiti Malaysia Terengganu | 21090 Kuala Nerus

JENIS-JENIS GANGGUAN

GANGGUAN SECARA FIZIKAL
Serlahan fizikal yang bertujuan seksual seperti memegang, memeluk, menggosok dan mendekati orang lain dalam jarak yang tidak wajar sehingga beresuk seksual.

GANGGUAN SECARA LISAN
Penggunaan bahasa lisan melalui perbualan, bercakap, berjenaka, membuat banyang-bayang, memberi kritikan atau komen yang berunsur seksual ke atas penampilan, pakaian, tingkah laku, tubuh badan seseorang sehingga mereka berasa terganggu.

GANGGUAN SECARA ISYARAT (BUKAN LISAN)
Sikap atau perlakuan Pegawai UMT yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsur seksual seperti menjeling, menggosok, mengimbas, menjilat bibir atau menggunakan bahasa isyarat yang lain.

GANGGUAN SECARA VISUAL
Menghantar nota, surat, e-mel, foto, poster, objek atau bahan sosial berunsur seksual melalui media elektronik atau media sosial seperti aplikasi Facebook, WhatsApp, Twitter dan Instagram.

GANGGUAN SECARA PSIKOLOGI
Mengapit secara seksual, mendorong, mendesak, mengutip atau memujuk seseorang bag memandu keinginan seksual Pegawai UMT sama ada melalui perbualan, surat, telefon, e-mel atau sebarang bentuk saluran komunikasi yang lain.

GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA
Merupakan satu kelakuan berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal yang menyebabkan seseorang yang berasa TERGANGGU, TERKINI atau TERURUT.

TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL

- Berani Bersuara
- Kumpul Bukti
- Mengemukakan Aduan kepada Unit Integriti
- Dapatkan Sokongan

HUKUMAN
Seseorang Pegawai UMT yang didapati bersalah melakukan gangguan seksual boleh dikenakan mana-mana satu atau sesa-ses gabungan dua atau lebih hukuman di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 sehingga boleh dikenakan HUKUM.

UNIT INTEGRITI | 09-6684440 | 012-9472400 | integriti@umt.edu.my | Aras 1, Bangunan Pentadbiran dan Canselor | Universiti Malaysia Terengganu | 21090 Kuala Nerus

Hebahan Integriti Siri 4/2021

LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM TERMASUK MEDIA SOSIAL

Apakah Pernyataan Awam ?
Apa-apa pernyataan atau ulasan yang dibuat kepada pihak akhbar/orang ramai/semasa memberi syarahan/ucapan awam/apa-apa penyiaran/penerbitan, tanpa mengambil kira caranya.

PERATURAN 18(1), JADUAL KEDUA, AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 605) MENYATAKAN BAHAWA ADALAH MENJADI KESALAHAN SEKIRANYA PEGAWAI UMT:

1. Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh MEMUDARATKAN APA-APA DASAR, RANCANGAN atau KEPUTUSAN BADAN BERKANUN atau KERAJAAN tentang apa-apa isu	3. Membuat apa-apa ulasan tentang KELEMAHAN APA-APA DASAR, RANCANGAN atau KEPUTUSAN BADAN BERKANUN dan KERAJAAN
2. Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh MEMALUKAN atau MEMBURUKKAN NAMA BADAN BERKANUN atau KERAJAAN	4. MENGEDARKAN APA-APA PERNYATAAN atau ULASAN, samada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain

Mana-mana Pegawai UMT yang melanggar peraturan ini boleh dikenakan TINDAKAN TATATERTIB

AKTA 605 AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (Tatatertib & Surcaj) 2000

UNIT INTEGRITI | 09-6684440 | 012-9472400 | integriti@umt.edu.my

HEBAHAN INTEGRITI SIRI 3/2021

GARIS PANDUAN STAF BEKERJA DARI RUMAH


PEKELILING KHAS COVID-19 BIL. 5 TAHUN 2021 FASA PERTAMA: 11 JUN 2021 - 14 JUN 2021

PATUHI. ARAHAN
Arahan bekerja dari rumah (BDR) telah dikeluarkan pada 18 Mac 2020 dengan mematuhi Garis Panduan Bekerja dari Rumah

- Senaraikan tugas yang dilakukan sepanjang BDR di ruangan catatan (MyNemo)
- Log masuk dan keluar kerja secara atas talian
- Pemantauan dari Pegawai Penyelia/Ketua PTJ
- Bersedia dihubungi bagi urusan kerja
- Bersedia ke pejabat sekiranya mendapat arahan
- Penerapan nilai integriti dalam diri
- Tidak melakukan aktiviti-aktiviti peribadi

"Melakukan perkara yang BETUL walau tiada siapa yang MELIHAT"

UNIT INTEGRITI | 09-6684440 | 012-9472400 | integriti@umt.edu.my | Aras 1, Bangunan Pentadbiran dan Canselor | Universiti Malaysia Terengganu | 21090 Kuala Nerus



A diver in full scuba gear is shown underwater. The diver is wearing a black wetsuit, a mask, and fins. A GoPro camera is attached to the diver's chest. The diver is holding a clipboard with a pen in their left hand and a red and white object in their right hand. The background is a deep blue ocean with bubbles rising. There are teal and orange semi-transparent geometric overlays on the image.

Kejayaan dan Pencapaian

muhammad.suf@umt.edu.my



PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA UMT TAHUN 2021

PENGENALAN

Tahun 2021 menyaksikan peningkatan UMT dalam semua kategori penarafan. Buat julung kali, UMT disenaraikan dalam penarafan Times Higher Education (THE) World University Rankings pada kedudukan 1,201+ dan kekal dalam QS World University Rankings pada kedudukan 1,001-1,200 serta tersenarai dalam 200 universiti terbaik di Asia menerusi penarafan Quacquarelli Symonds (QS) Asia University Rankings 2022.



THE Emerging Economies University Rankings

THE World University Rankings by Subject: Business and Economics

501-600

THE World University Rankings by Subject: Physical Sciences

801-1000

THE World University Rankings by Subject: Social Sciences

601+

THE World University Rankings by Subject: Life Sciences

801+

THE World University Rankings by Subject: Engineering

601-800




UMT menetapkan 10 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2021 berpandukan Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 sebagai

mekanisme pengukuran penilaian prestasi universiti termasuk penarafan oleh badan-badan penarafan kebangsaan dan antarabangsa.

1 	2 	3 	4 	5 
Peratus kebolehpasaran graduan (GE);	Nisbah penerbitan artikel jurnal terindeks per pensyarah;	Nisbah sitasi kumulatif per pensyarah;	Jumlah perolehan geran penyelidikan;	Bilangan produk penyelidikan yang berjaya didaftarkan sebagai harta intelek;
6 	7 	8 	9 	10 
Nilai projek perundingan bersama industri;	Bilangan komuniti yang terlibat dengan program pemindahan ilmu;	Peratus bakat akademik antarabangsa;	Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa; dan	Peratus penjanaan pendapatan berbanding perbelanjaan operasi.

KPI 1: Kadar Kebolehpasaran Graduan


Pencapaian kadar kebolehpasaran graduan (GE) tahun 2021 adalah 81.8% dan lebih tinggi berbanding sasaran 75% yang telah ditetapkan. Walaupun kadar GE UMT dicatatkan sebanyak 82.6% pada tahun 2020, namun sasaran bagi tahun 2021 dikurangkan mengambil kira faktor penularan pandemik COVID-19 yang masih berpanjangan. Pencapaian ini membuktikan graduan UMT masih berdaya saing dan mendapat tempat dalam pasaran pekerjaan walaupun dengan kelembapan ekonomi berikutan situasi pandemik COVID-19 yang melanda negara pada tahun 2021. UMT sentiasa berusaha memastikan kebolehpasaran graduan tidak terjejas menerusi insentif dan inisiatif secara menyeluruh di pelbagai peringkat. UMT juga telah mengambil langkah dengan lebih proaktif membina jaringan strategik bersama pemain-pemain industri dalam usaha memastikan graduan universiti ini tidak tercicir daripada pasaran pekerjaan.



Peratus Kadar Kebolehpasaran Graduan UMT

KPI 2: Nisbah Penerbitan Artikel Jurnal Terindeks per Pensyarah


Penerbitan artikel jurnal merupakan keperluan pengukuran prestasi UMT sama ada di peringkat universiti mahupun individu pensyarah. Ia turut menjadi cerminan kecemerlangan penyelidikan dan penerokaan ilmu yang dihasilkan. Pada tahun 2021, nisbah penerbitan artikel jurnal terindeks per pensyarah mencatatkan peningkatan iaitu 1.95 berbanding pencapaian 1.85 pada tahun 2020.



Nisbah Penerbitan Artikel Jurnal Terindeks per Pensyarah

KPI 3: Nisbah Sitasi (Kumulatif) per Pensyarah


Jumlah sitasi merupakan elemen pengukuran kualiti dan impak sesebuah penerbitan artikel yang menjadi rujukan kepada penyelidik lain. Kesungguhan para akademik UMT meningkatkan kecemerlangan dapat dilihat menerusi pencapaian yang sangat membanggakan pada tahun 2021 dalam nisbah sitasi (kumulatif) per pensyarah iaitu 38.48 berbanding sasaran 35.00 dalam PSUMT 2018-2022. Jumlah sitasi ini juga menunjukkan peningkatan yang konsisten sejak tahun 2019. Ternyata usaha UMT menerusi pembudayaan kolaborasi penyelidikan dan penerbitan bersama penyelidik kebangsaan dan antarabangsa telah membuahkan hasil khususnya dalam keberhasilan penerbitan dan sitasi.



Nisbah Sitasi (Kumulatif) per Pensyarah

KPI 4: Jumlah Perolehan Geran Penyelidikan

Jumlah perolehan geran penyelidikan pada tahun 2021 telah mencatatkan peningkatan iaitu RM18.14 juta berbanding RM17.67 juta pada tahun 2020. Perolehan geran penyelidikan pada tahun 2021 terbahagi kepada tiga kategori iaitu RM14.41 juta daripada sumber dana Kerajaan dan Universiti, RM2.08 juta daripada sumber swasta dan RM1.65 juta daripada sumber dana antarabangsa.




KPI 5: Bilangan Produk Penyelidikan yang Berjaya Didaftarkan sebagai Harta Intelek

Tahun 2021 menyaksikan kecemerlangan berterusan dalam inovasi menerusi pencapaian 113 bilangan produk penyelidikan yang berjaya didaftarkan sebagai harta intelek berbanding 103 pada tahun 2020. Pencapaian ini melebihi sasaran yang ditetapkan di dalam PSUMT 2018-2022 iaitu 60 produk penyelidikan. Pencapaian ini membuktikan kesungguhan para akademik UMT memastikan hasil penyelidikan dan inovasi mereka didaftarkan sebagai harta intelek dan berpotensi untuk dikomersialkan.




KPI 6: Nilai Projek Perundingan bersama Industri

Nilai projek perundingan bersama industri pada tahun 2021 telah mencatatkan penurunan iaitu RM1.53 juta berbanding RM1.76 juta pada tahun 2020. Penurunan ini telah dijangka ekoran penularan pandemik COVID-19 yang melanda negara dan dunia pada tahun 2021. Pencapaian ini tidak mencapai sasaran RM3.00 juta yang ditetapkan dalam PSUMT 2018-2022.




KPI 7: Bilangan Komuniti yang Terlibat dengan Program Pemindahan Ilmu

Bilangan komuniti yang terlibat dengan program pemindahan ilmu anjuran UMT menunjukkan sedikit penurunan iaitu 225 komuniti berbanding 236 komuniti pada tahun 2020. Angka ini walau bagaimanapun melebihi sasaran 200 peserta sebagaimana yang telah ditetapkan dalam PSUMT 2018-2022. Bersesuaian dengan situasi semasa COVID-19, program-program pemindahan ilmu UMT telah dilaksanakan secara fizikal dan dalam talian.




KPI 8: Peratus Bakat Akademik Antarabangsa

Peratus bakat akademik antarabangsa pada tahun 2021 menunjukkan sedikit penurunan apabila mencapai 11% berbanding 12% pada tahun 2020. Pencapaian ini tidak menepati sasaran yang ditetapkan iaitu 25% seperti dinyatakan dalam PSUMT 2018-2022. UMT akan lebih proaktif dalam usaha menarik lebih ramai pensyarah antarabangsa melalui pelbagai strategi yang akan dilaksanakan.



KPI 9: Bilangan Pelajar Antarabangsa

Jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa di UMT menunjukkan peningkatan apabila berjaya mencapai angka 591 orang berbanding 487 orang pada tahun 2020. Peningkatan signifikan ini disebabkan oleh pelaksanaan pelbagai inisiatif yang telah digariskan di dalam PSUMT 2018-2022 seperti strategi memperkenalkan insentif geran penyelidikan siswazah, transformasi sistem penyampaian dan fasiliti pelajar antarabangsa serta promosi yang lebih agresif.




KPI 10: Peratus Penjanaan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan Mengurus

Aktiviti penjanaan pendapatan menjadi agenda penting Universiti Awam bagi menampung keperluan perbelanjaan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan. Walaupun negara terjejas dengan penularan pandemik, peratus penjanaan pendapatan UMT menunjukkan sedikit peningkatan daripada 15.6% pada tahun 2020 kepada 15.8% pada tahun 2021. Namun begitu, pencapaian ini masih belum menepati sasaran yang ditetapkan dalam PSUMT 2018-2022 iaitu 16%. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan penjanaan pendapatan universiti antaranya adalah memperkasakan penjanaan pendapatan menerusi pakej sewaan aset, fasiliti dan teknologi, memperhebatkan aktiviti pendanaan melalui wakaf dan endowmen serta memantau prestasi pendapatan dan aktiviti penjanaan syarikat universiti.

KESIMPULAN

Secara ringkas, keterlihatan UMT semakin terserlah apabila berjaya mendapat tempat dalam pelbagai penarafan peringkat antarabangsa. Di sebalik cabaran mendepani pandemik COVID-19, warga UMT terus cekal dan mengambil pendekatan yang strategik untuk mencipta kecemerlangan dalam arena pengajian tinggi.



Peratus Penjanaan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan Mengurus





Pemeriksaan Bakat



PENGENALAN

Kecemerlangan bakat yang difokuskan dalam lonjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) 2015-2025 menjadi penanda aras dalam menghasilkan lebih ramai bakat cemerlang di negara ini umumnya dan UMT khususnya.

Pelan Strategik UMT 2018-2022 juga telah menggariskan beberapa inisiatif di bawah Teras Pemerkasaan Bakat bagi melahirkan modal insan berkualiti yang lebih relevan, dirujuk dan dihormati oleh masyarakat, industri dan antarabangsa.

PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2021, UMT mempunyai seramai 1,461 orang staf (bertaraf tetap) yang merangkumi 3 orang pengurusan tertinggi, 522 orang staf akademik, 219 orang staf bukan akademik (pengurusan dan profesional) serta 717 orang staf bukan akademik (pelaksana) dengan peratus pengisian perjawatan sebanyak 95%.



Pengisian Jawatan Berdasarkan Taraf Lantikan

Secara keseluruhannya, 81% daripada jawatan di UMT adalah bertaraf tetap, 15% bertaraf kontrak manakala 4% jawatan adalah bertaraf pinjaman, sementara dan sambilan. Dengan kapasiti pelajar seramai 10,012 orang, nisbah staf akademik kepada pelajar ialah 1:14.

Manakala, nisbah staf akademik kepada bukan akademik pula adalah 1:1.5. Nisbah ini merupakan nisbah yang munasabah bagi universiti yang berasaskan sains dan teknologi dan mempunyai dua buah kampus serta empat stesen penyelidikan di Chagar Hutang, Pulau Bidong, Tanah Bencah Setiu dan Tasik Kenyir.




Pengisian Jawatan Staf Berdasarkan Taraf Lantikan

Staf Akademik Berkelulusan Doktor Falsafah (Ph.D.)

Pengambilan staf akademik baharu adalah berdasarkan kepada dua strategi utama iaitu pengisian lompong bidang berdasarkan keperluan ideal nisbah pelajar kepada staf akademik mengikut program pengajian dan pengambilan calon felo akademik untuk tajaan Skim Latihan Akademik Muda (SLAM) berdasarkan pelan


penggantian. Pada tahun 2021, seramai 52 orang staf akademik baharu telah dilantik, iaitu 42 daripadanya adalah berkelulusan Ph.D. Berdasarkan bilangan staf akademik tetap dan kontrak (sepenuh masa), sebanyak 84% (525 orang) mempunyai kelayakan Ph.D., melebihi sasaran negara iaitu sebanyak 80%.



Staf Akademik Antarabangsa

Sehingga 31 Disember 2021, UMT mempunyai seramai 55 orang staf akademik antarabangsa sebagai usaha melestarikan pendidikan tinggi agar universiti lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pemilihan staf akademik antarabangsa adalah berdasarkan kepada


keperluan strategik untuk menyokong bidang tujahan, kepakaran tertentu dalam bidang kritikal, keupayaan menyumbang penerbitan berimpak tinggi di samping meningkatkan bilangan geran dan pelajar antarabangsa ke UMT.



KEMAJUAN KERJAYA

Pada tahun 2021 seramai 41 orang staf akademik telah mendapat peningkatan kerjaya berdasarkan kepada lima kefungsiian utama iaitu pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan dan penerbitan, pemindahan ilmu, pembangunan sendiri dan

kepimpinan akademik. Di samping itu, nilai kebersamaan, profesionalisme, sahsiah dan integriti juga diberi penekanan yang kritikal dalam proses kenaikan pangkat ahli akademik.



KENAIKAN PANGKAT TBK1 TAHUN 2021

Staf	Id	Jawatan	Tarikh Kuat Kuasa
AHMAD REDZUAN BIN AHMAD	UMT01368	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N22 PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI	1 SEPTEMBER 2021
ZULKARNAIN BIN YAHYA@MOHAMED	UMT01383	PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C32 FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KELAUTAN DAN INFORMATIK	1 SEPTEMBER 2021
SHAHROL IDHAM BIN ISMAIL	UMT01379	PENOLONG PEGAWAI SAINS GRED C32 FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS MAKANAN	1 SEPTEMBER 2021

Tahniah

TAHNIAH

Prof. Dr. Tengku Sifzizul bin Tengku Muhammad

Kenaikan Pangkat Secara Peningkatan Gred Ke Jawatan Profesor Gred Khas B (VK6)

Tarikh Kuat Kuasa : 16 Februari 2021


#UMTsejor OfficialUMT #HRUMT

Manakala bagi staf bukan akademik, 71 orang telah dinaikkan pangkat pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, seramai 18 orang adalah daripada kumpulan pengurusan dan profesional dan 53 orang lagi daripada kumpulan pelaksana. Penilaian kenaikan pangkat staf bukan akademik adalah berdasarkan kepada kecemerlangan dalam

tugas hakiki, sumbangan inovasi dalam pekerjaan, pengiktirafan kebolehan dan sumbangan luar tugas rasmi yang signifikan. Aspek sahsiah, keperibadian, integriti dan disiplin turut menjadi elemen penting dalam kriteria kenaikan pangkat.



Kenaikan Pangkat Staf Mengikut Kumpulan Jawatan



KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL DAN PERSATUAN IKHTISAS

Penglibatan staf dalam badan profesional dan persatuan ikhtisas berkaitan bidang kepakaran amat dititikberatkan oleh UMT. Pelbagai usaha telah dilaksanakan melalui program tindakan staf bersama industri bagi meningkatkan bilangan staf yang memperoleh sijil amalan profesional. Sehingga 31 Disember 2021, seramai 97 orang

staf akademik mempunyai keahlian badan profesional di peringkat kebangsaan dan 27 orang lagi di peringkat antarabangsa. Manakala bagi staf bukan akademik pula, seramai 31 orang mempunyai keahlian badan profesional di peringkat kebangsaan.

Statistik Kelayakan Profesional sehingga 31 Disember 2021

KEAHLIAN	STAF AKADEMIK	STAF BUKAN AKADEMIK
KEBANGSAAN		
Badan Profesional	97	31
Persatuan Akademik/Persatuan Berdaftar	219	3
JUMLAH	316	34
ANTARABANGSA		
Badan Profesional	27	0
Persatuan Akademik/Persatuan Berdaftar	105	1
JUMLAH	132	1

PENGIKTIRAFAN KECEMERLANGAN DAN PENGHARGAAN

Kecemerlangan dan kewibawaan staf merupakan cerminan kehebatan UMT. Ia dibuktikan melalui kejayaan staf UMT mendapat pengiktirafan kecemerlangan dan penghargaan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Majlis Anugerah Universiti

UMT juga telah mewujudkan pelbagai anugerah bagi memberi pengiktirafan kepada warga atas komitmen tinggi yang ditunjukkan dalam perkhidmatan. Pengiktirafan bakat UMT telah dizahirkan melalui penganjuran Majlis Anugerah Tahunan 2021 pada 11 April 2021. Seramai 295 staf UMT telah diraikan untuk menerima anugerah kecemerlangan yang melibatkan enam (6) kategori utama iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (136 orang), Penghargaan Kepada Pesara (20 orang), Anugerah Julangan Bakat (31 orang),



Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (5 orang), Anugerah Khas Naib Canselor (51 orang) dan Anugerah Safety First (52 orang).

Selain itu juga, UMT telah menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah Setia Bakti UMT 2021 pada 15 Disember 2021. Hadiah Setia Bakti merupakan penghargaan universiti atas jasa dan sumbangan warga yang telah berkhidmat melebihi 10 dan 20 tahun. Seramai 299 warga UMT telah menerima penghargaan pada majlis tersebut.

Senarai Penerima Anugerah Julangan Bakat Tahun 2020 sempena Majlis Anugerah Tahunan 2021

NAMA ANUGERAH	PENERIMA
Anugerah Kepimpinan Akademik (Muda)	Prof. Dr. Hafiza Aishah binti Hashim
Anugerah Bakat Cemerlang (Pengurusan dan Profesional)	Syed Mohammad Helmy bin Md Akhir
• Pengurusan dan Perkhidmatan	
Anugerah Bakat Cemerlang (Pengurusan dan Profesional)	Izhar bin Mohd Mustaat
• Teknikal	
Anugerah Bakat Cemerlang (Pelaksana)	Siti Khatijah binti Harun
• Pengurusan dan Perkhidmatan	
Anugerah Bakat Harapan (Pengurusan dan Profesional)	Amyra Suryatie binti Kamaruzzan
• Teknikal	

NAMA ANUGERAH	PENERIMA
Anugerah Bakat Harapan (Pelaksana) • Teknikal	Ahmad Najmi bin Ishak
Anugerah Kecemerlangan Sukan (Olahragawan)	Mohd Shukur bin Saad
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran • Pensyarah Senior	Prof. Madya Dr. Azizul Yadi bin Yaakop
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (Pensyarah Muda) • Kelompok Sains Tulen	Dr. Shalela binti Mohd Mahali
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (Pensyarah Muda) • Kelompok Sains Gunaan	Dr. Melissa Beata Martin
Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Tulen	Prof. Madya Ts. Dr. Ma Nyuk Ling <i>Development of Formaldehyde-Free Bio Board Produced from Mushroom Mycelium and Substrate Waste</i>
Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Gunaan	Dr. Effi Helmy bin Ariffin <i>Total Vulnerability of The Littoral Zone to Climate Change-Driven Natural Hazards in North Brittany, France</i>
Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Sosial	Prof. Dr. Yusliza binti Che Awang@Mohd Yusoff <i>Pathways Towards Sustainability in Manufacturing Organization: Empirical Evidence on the Role Green Human Resources Management</i>
Anugerah Makalah Terbaik Dalam JSSM	Dr. Wan Rafizah binti Wan Abdullah, Dr. Nurul Ashraf bin Razali, Nurafiqah binti Mohd Zikir <i>Effect of Thermo-Photocatalytic Process Using Zing Oxide on Degradation of Macro/Micro-Plastic in Aqueous Environment</i>
Anugerah Makalah Terbaik Dalam JSBD	Dr. Roswati binti Abdul Rashid, Dr. Radhiah binti Ismail, Zanzabila binti Nudin, Prof. Madya Dr. Roslina binti Mamat <i>Humor by Malaysia Japanese-Speaking Tour Guides During Tour Session in Cross-Cultural Context</i>
Anugerah Buku Ilmiah Terbaik UMT • Sains Tulen	Dr. Jagan Jeevan <i>Malaysian Seaport System First Edition</i>
Anugerah Buku Ilmiah Terbaik • Sains Sosial	Dr. Nazli bin Aziz <i>Parliament and Deliberative Practices Malaysia Under Barisan Nasional</i>

NAMA ANUGERAH	PENERIMA
Anugerah Pengurusan Pusat Tanggungjawab Terbaik (Kategori Pengurusan dan Perkhidmatan)	Pusat Pembangunan Holistik dan Kokurikulum (PPHK)
Anugerah Pengurusan Pusat Tanggungjawab Terbaik (Kategori Akademik dan Penyelidikan)	Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP)
Anugerah Inovasi Pengurusan Terbaik	UMT Sailing Team, Pusat Latihan Pelayaran
Anugerah Khidmat Komuniti Cemerlang	Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM)
Anugerah Pemindahan Teknologi	Prof. Madya ChM. Dr. Mohd Zul Helmi bin Rozaini
Anugerah Pemindahan Ilmu	Ts. Dr. Azizah binti Mahmood
Anugerah Kualiti Terbaik	Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
Anugerah Staf Antarabangsa Terbaik	Dr. Jumadil Saputra, FTKKI






KEBAJIKAN STAF

UMT amat prihatin terhadap hal ehwal kebajikan staf. Bagi menzahirkan keprihatinan ini, UMT telah mewujudkan Tabung Kebajikan Staf untuk membantu meringankan beban staf yang ditimpa musibah seperti kematian ahli keluarga, kebakaran tempat tinggal, kemalangan dan sebagainya. Pada tahun 2021 UMT telah menyalurkan sumbangan keseluruhan berjumlah RM9,000.00 kepada 28 orang staf yang terkesai ekoran pelbagai musibah yang dihadapi. Selain itu, Bantuan Mengurus

Jenazah berjumlah RM12,000.00 secara tunai juga telah disalurkan kepada empat orang waris staf UMT yang telah meninggal dunia sepanjang tahun 2021.


Warga UMT amat digalakkan untuk turut menyumbang ke dalam Tabung Kebajikan Staf agar jiwa membantu sentiasa mekar dan subur dalam diri warga UMT.



LATIHAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT

Penstrukturan keperluan latihan dan pembangunan staf UMT diperkemaskan dengan menggunakan pendekatan Model Pembelajaran 70:20:10. Model ini menerangkan bahawa pembelajaran secara formal memberi impak latihan kepada peserta sebanyak 10%, manakala

latihan secara pembelajaran sosial memberi impak latihan kepada peserta sebanyak 20% dan latihan yang diikuti melalui perkongsian pengalaman dan praktis di tempat kerja menyumbang impak latihan kepada peserta sebanyak 70%.



10%

Latihan Secara Formal
(*Formal Learning*)

Kursus Pembelajaran, Kelas dan Program Latihan
(*Learning Course, Classes and Training*)

143
Program

20%

Latihan Secara Pembelajaran Sosial
(*Social Learning*)

Program Komuniti, Jaringan, Seminar, Konferensi,
Coaching dan Pementoran
(*Communities, Networks, Seminar, Conference,
Coaching and Mentoring*)

276
Staf

70%


Latihan Secara Pengalaman
(*Experiential Learning*)

Praktis di tempat Kerja
(*On-Job Training*)

68
Staf

Model 70:20:10 Latihan dan Pembelajaran

Latihan Secara Formal (10% Impak Latihan kepada Peserta)




Latihan Secara Pembelajaran Sosial (20% Impak Latihan kepada Peserta)



Latihan Secara Perkongsian Pengalaman atau Praktis di Tempat Kerja (70% Impak Latihan kepada Peserta)

70% EXPERIENTIAL LEARNING



Program Bicara Nakhoda

Pada tahun 2021, UMT telah memperkenalkan Program Bicara Nakhoda yang mana ianya merupakan wadah atau medium bagi ahli Lembaga Pengarah UMT berkongsi ilmu atau pengalaman berkaitan bidang kepakaran masing-

masing bersama warga UMT. Pembuka tirai Siri pertama Bicara Nakhoda ini telah dimulakan oleh YBhg. Dato' Wan Hisham bin Wan Salleh yang merupakan Presiden Dale Carnegie Training Malaysia Sdn. Bhd.

Program BERSAMA AHLI LPU, UMT BICARA NAKHODA SIRI 1

From Survive to Thrive: Tipping the Balance to Support a Resilient Workforce During the COVID-19 Crisis and Beyond

JEMPUTAN
YBHG. DATO' WAN HISHAM BIN WAN SALLEH
PRESIDENT/CEO DALE CARNEGIE TRAINING MALAYSIA SDN. BHD.

MODERATOR
PROFESOR. MADYA DR. KHATIJAH OMAR

2 OGOS 2021 (ISNIN) | 10.00 PAGI

Anjuran bersama
Pusat Pemangunguran Bakat dan Inovasi (PPBI) dan Pejabat Komunikasi Korporat (PKK), Universiti Malaysia Terengganu

Program Wacana Kepimpinan

UMT telah mengadakan dua siri program Wacana Kepimpinan pada tahun 2021 melibatkan tokoh ternama berikut :

	
Prof. Datuk Dr. Asma binti Ismail Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM)	Dato' Ir. Haji Ahmad Murad bin Haji Omar Executive Chairman, Omahams Corporation Sdn. Bhd.
25 JANUARI 2021 (ISNIN)	8 DISEMBER 2021 (RABU)
TAJUK	TAJUK
Leadership Challenges in Higher Education Post COVID 19	Leadership in Vuca World : Malaysian Perspective

Program Bual Bicara Profesor

Program Bual Bicara Profesor UMT mula diadakan pada tahun 2020 sebagai platform kepada para profesor UMT berkongsi kepakaran, pengalaman atau pandangan bersama warga universiti dan

komuniti setempat. Pada tahun 2021, lapan siri Program Bual Bicara Profesor telah diadakan seperti berikut:

			
Prof. Dr. Nur Azura binti Sanusi	Prof. Dato' Dr. Anuar bin Hassan	Prof. Dato' Dr. Mohd Tajuddin bin Abdullah	Prof. Dr. Abd. Fatah bin Wahab
23 MAC 2021 (SELASA)	1 JUN 2021 (SELASA)	6 JULAI 2021 (SELASA)	24 OGOGS 2021 (SELASA)
TAJUK:	TAJUK:	TAJUK:	TAJUK:
Pemeriksaan Komuniti melalui Pemindahan Ilmu Berimpak Tinggi	Berbudi Kepada Air	Value Of Failure	Matematik kabur dan Masalah kompleks
			
Prof. Dr. Marzuki bin Ismail	Prof. Dr. Fauziah binti Haji Abu Hasan	Prof. Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim	Prof. Dr. Asyraf bin Haji Abd. Rahman
21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)	26 OKTOBER 2021 (SELASA)	16 NOVEMBER 2021 (SELASA)	14 DISEMBER 2021 (SELASA)
TAJUK:	TAJUK:	TAJUK:	TAJUK:
Dari Pegawai Sains ke Profesor: Satu Perjalanan Kerjaya	Leading Through Blue Oceans	Menggapai Impian Sebuah Negara Idaman yang Bersih dan Aman Sejahtera: Dari Perspektif Tenaga	Konsep Infaq Dan Pelaksanaannya Waktu Musibah

Program Mentor Bersama Anda

Program Mentor Bersama Anda merupakan satu program perkongsian pengalaman dan peranan skim-skim kefungsiian yang ada di UMT. Sebanyak enam program Mentor Bersama Anda telah diadakan melibatkan empat mentor dari skim kefungsiian bukan akademik iaitu Skim S

(Pustakawan), Skim F (Sistem Maklumat), Skim AL (Pegawai Laut) dan Skim U (Perubatan dan Kesihatan) serta dua mentor melibatkan skim kefungsiian akademik iaitu Skim DS (Pensyarah Universiti).

 Tuan Haji Abu Hassan bin Ghazali 24 JUN 2021 (KHAMIS) TAJUK: Membina Kerjaya memperkasa Wibawa: Penyampaian Perkhidmatan Dalam Era Pandemik, Memangkin Kelestarian Ilmu	 Prof. Dr. Noraznawati binti Ismail 12 JULAI 2021 (ISNIN) TAJUK: Paten; Satu Keperluan atau Pembaziran?	 Dr. Arnie binti A. Rahim 25 OGOS 2021 (RABU) TAJUK: Membina Kerjaya Memperkasa Wibawa: Kekal Sihat, Minda Cerdas
 Prof. Dr. Yeong Yik Sung 9 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS) TAJUK: How to Internationalizing in Your Academic Careers	 Rosnaldi binti Jusoh 22 DISEMBER 2020 (RABU) TAJUK: Polisi Keselamatan Siber - Tanggungjawab Bersama	 Afandi bin Abd Ghani @ Hasan 27 DISEMBER 2021 (ISNIN) TAJUK: Membina Kerjaya Memperkasa Wibawa: Bergerak ke Hadapan Bertunjangkan Laut, Berhualunkan Bintang

Program Kepimpinan Berfokus

Pada tahun 2021, UMT telah mula menggiatkan program kepimpinan bagi kelompok bakat kepimpinan UMT. Kelompok bakat kepimpinan UMT dibahagikan kepada UMT Top Leader (UMT TopLead) yang terdiri daripada Pegawai Utama dan Pegawai Kanan. Manakala UMT Future Leader (UMT Fuel) pula terdiri daripada Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah, Ketua Program, Pengerusi

Bidang dan pegawai bukan akademik Gred 48 ke atas.

Sebanyak empat program telah diadakan bagi UMT TopLead dan UMT Fuel pada tahun 2021 iaitu High Impact Leadership (Siri 1 dan 2), Developing Strategic Planning – The Five Steps Process dan Communication: Access to Success.



PROGRAM UMT TOP LEADER (UMT TopLead)

SIRI 1: DEVELOPING STRATEGIC PLANNING - THE 5 STEPS PROCESS

 29 - 30 September 2021 (Rabu -Khamis)
 9.30 Pagi - 12.30 Tengah Hari
 Aplikasi Cisco WEBEX

Capaian : Webex
<https://tinyurl.com/5z2kxucv> Meeting number : 170 023 5808
Password : PPBI2021k

KANDUNGAN PROGRAM:
I. Introduction to Strategic Planning
II. Strategic Analysis
III. Strategic Plan Development
IV. Strategic Plan Implementation
V. Strategic Plan Cascading
VI. Strategic Plan Review

PENCERAMAH

DR. AMAT TAAP MANSHOR
CEO & PRINCIPAL TRAINER
AJM ACADEMY CENTRE OF EXCELLENCE

Anjuran :
Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI)



PROGRAM UMT FUTURE LEADER (UMT Fuel)

SIRI 1 : HIGH-IMPACT LEADERSHIP

 12 APRIL 2021 | ISNIN
 9.00 AM - 4.30 PM
 Aplikasi Cisco WEBEX

Capaian : Webex
<https://umt.webex.com/umt/j.php?MTID=m4ab812af4fb632874062806928243bbe>

Meeting number : 184 577 0774
Password : PPBI2021

PENCERAMAH

DR. AMAT TAAP MANSHOR
CEO & PRINCIPAL TRAINER
AJM ACADEMY CENTRE OF EXCELLENCE

Anjuran :
Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI)




CUTI BELAJAR

Sehingga 31 Disember 2021, seramai 39 orang staf melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D.). Seramai tujuh orang pensyarah dan 23 orang Felo Akademik telah menerima tajaan bagi melanjutkan pengajian pada peringkat Ph.D. di pelbagai negara. Terdapat sembilan orang daripada kumpulan Pengurusan

dan Profesional bukan akademik turut menyahut seruan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat, iaitu dua orang pengajian peringkat Ph.D., empat orang pengajian peringkat Sarjana dan tiga orang mengikuti pengajian peringkat Sarjana Muda.

JADUAL CUTI BELAJAR					
	TEMPAT PENGAJIAN	PENSYARAH	FELO AKADEMIK	BUKAN AKADEMIK	JUMLAH
Doktor Falsafah	Dalam Negara	5	15	2	22
	Luar Negara	2	8	-	10
Sarjana	Dalam Negara	-	-	4	4
	Luar Negara	-	-	-	-
Sarjana Muda	Dalam Negara	-	-	3	3
	Luar Negara	-	-	-	-
		7	23	9	39



Malaysia
29



United Kingdom
5



Australia
2



Belgium
1




Belanda
1



Sweden
1

Bagi memastikan staf cuti belajar menamatkan pengajian dalam tempoh (graduate on time), Program Pembangunan Bakat Cuti Belajar dikenali sebagai PRO-CUBE dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi Webex. Program ini telah diadakan pada 29 dan 30 November 2021

melibatkan pihak pengurusan dengan 40 staf yang sedang mengikuti pengajian di dalam dan luar negara. Program pada kali ini memfokuskan kepada penyediaan perancangan pengajian yang sistematik dan penghasilan penerbitan berimpak.





KARNIVAL INOVASI@UMT

Penghasilan inovasi secara berterusan dan berimpak tinggi akan meningkatkan kecekapan sesuatu proses atau penyampaian perkhidmatan, sekali gus memastikan kelangsungan dan kemampunan dalam mengharungi cabaran ke arah menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi. Karnival inovasi@UMT 2021 yang merupakan tahun kedua penganjuran ini telah diadakan pada 19-23 Disember 2021 secara dalam talian dengan tema "Cakna Inovasi Pemangkin Generasi Lestari".

Pengucapnama bagi sesi perkongsian amalan inovasi yang djemput adalah Profesor Dr. Fauziah binti Abdul Rahim, Pengarah Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti Utara Malaysia, Profesor Madya Dr. Wan Zuhainis binti Saad, Pengarah,

Bahagian Kecemerlangan Akademik Jabatan Pendidikan Tinggi dan Puan Muhaslizawati binti Mohd Bakri, Penolong Pengurus Malaysia Productivity Corporation Cawangan Terengganu.

Pada tahun 2021, terdapat empat kategori telah dipertandingkan iaitu Amalan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (AIPP), Amalan Inovasi Pengurusan (AIPN), Amalan Inovasi Penyelidikan (AIPY) dan Amalan Inovasi Pelajar (AIPJ). Pertandingan amalan inovasi ini telah disertai oleh peserta dari dalam dan luar UMT. Berikut adalah jumlah penyertaan yang diterima mengikut kategori masing-masing:

BIL.	KATEGORI	JUMLAH PENYERTAAN	PINGAT DIMENANGI		
			EMAS	PERAK	GANGSA
1.	Amalan Inovasi Pengajaran & Pembelajaran (AIPP)	63	38	23	2
2.	Amalan Inovasi Pengurusan (AIPN)	65	35	16	4
3.	Amalan Inovasi Penyelidikan (AIPJ)	33	12	8	7
4.	Amalan Inovasi Pelajar (AIPJ)	43	10	16	9
JUMLAH		204	95	63	22

PENCAPAIAN SUKAN STAF

Di sebalik pandemik COVID-19 yang melanda negara, UMT mampu menyumbang kepada kejayaan negeri Terengganu dalam kejohanan MAKSAK Kebangsaan melalui dua acara sukan iaitu sukan bola sepak dan boling padang.

Penglibatan staf UMT dalam sukan ini telah membantu kontinjen Terengganu mendapat tempat kedua dalam acara bola sepak dan tempat ketiga bagi acara boling padang.



UMT juga telah berjaya mengadakan Kursus Pensijilan International Life Saver (ILS) dan Bronze Medallion melibatkan 15 orang staf.

BIL	NAMA	PTJ	NAMA JAWATAN	SIJIL
1	Kamal bin Talib	HEPA	Penolong Pendaftar Kanan (Sukan)	ILS
2	Aisamuddin bin A. Jalil	Pejabat Pendaftar	Pegawai Keselamatan Kanan	ILS
3	Harmi bin Hasan	HEPA	Pekerja Awam	ILS
4	Rosmanizan bin Resep	Pusat Ekosistem Digital	Juruteknik Komputer	ILS

BIL	NAMA	PTJ	NAMA JAWATAN	SIJIL
5	Helmi bin Khalil	HEPA	Pekerja Am	ILS
6	Mohd Shukur bin Saad	HEPA	Pembantu Belia dan Sukan	Bronze Medalion
7	Hafizudin bin Mohamad	HEPA	Pembantu Belia dan Sukan	Bronze Medalion
8	Siti Zainab binti Mat Zin	HEPA	Penolong Pegawai Belia dan Sukan Kanan	Bronze Medalion
9	Mohd Anuar bin Ali	HEPA	Pembantu Awam	Bronze Medalion
10	Mohd Azlan bin Mohd Putra	Penerbit UMT	Pembantu Penerbitan	Bronze Medalion
11	Dr. Gobithaasan Rudrusamy	FTKKI	Pensyarah	Bronze Medalion
12	Mohamad Khalies bin Hami Hamzah	PPPA	Pembantu Tadbir PO	Bronze Medalion
13	Mohd Nurzuhairy bin Che Mohamad	Pejabat Pendaftar	Pengawal Keselamatan	Bronze Medalion
14	Fathy Kameel bin Mohd Fadzil	PPPL	Pegawai Sains Kanan	Bronze Medalion
15	Mohd Khairul bin Ab.Ghani	Pejabat Pendaftar	Pengawal Keselamatan	Bronze Medalion

Senarai Penuh Penyertaan Staf dalam Program Sukan 2021

 Pingat Gangsa Kejohanan Boling Padang MAKSAK Kebangsaan 1-4 April 2021	 Pingat Perak Kejohanan Bola Sepak MAKSAK Kebangsaan 8-11/4/2021
Karnival Sukan Badan Berkanun Virtual Edition (Staf) 18-22 Ogos 2021 Secara Dalam Talian	Program Fit Malaysia X (Staf) Pertengahan Ogos – Pertengahan Oktober 2021 MAKSAK Malaysia
Kejohanan Boling Tenpin MAKSAK Terengganu 2021 7 – 9 November 2021 Coral Crown Bowl, Paya Bunga Square	Tempat ke-2 (Kategori Medal B) Kejohanan Golf Challenge 2021 3 – 4 Disember 2021 Kelab Golf Bukit Besi Dungun
Kejohanan Golf Antara Universiti Awam 2021 7 – 8 Disember 2021 Shah Alam, Selangor	

Penganjuran Program Sukan 2021

BIL.	KETERANGAN PROGRAM/ AKTIVITI	TEMPAT/ TARIKH	PENYERTAAN
1.	Program Webinar Gol: 1 Matlamat	17/01/2021 Atas Talian Webex/Youtube/ Facebook live	1,401 pelajar 152 Staf 6,583 tontonan
2.	Webinar Karyawan Tamu Sukan UMT Bersama Dato' Mohd Azizulhasni Awang	09/02/2021 Atas Talian Webex/Youtube/ Facebook live	684 pelajar 511 staf 1,195 tontonan
3.	Sport Complex Open Day (badminton, renang, bola tampar dan boling padang).	25/03/2021	350 pelajar
4.	Let's Get Fit	30 Mac, 1 Apr, 6 Apr, 7 Apr dan 12 Apr 2021	109 staf
5.	One Day Sport Webinar 2021 (OSWeb) Bersama Bekas pemain badminton Indonesia Taufik Hidayat dan Encik Nasiruddin bin Wan Idrus Ketua Pegawai Operasi Terengganu Cycling Team dengan tajuk 'Best Practises in Managing The Best Team'	25 Julai 2021 9.00 pagi- 12.00 tghri	151 pelajar 107 staf
6.	Webinar Desaiifer – Perjalanan Kejayaan dalam Sukan elektronik Panel Jemputan: Encik Muhammad Hafiz Sudin Pengulas Sukan E-Sport	9 Ogos 2021	"Perjalanan Kejayaan Dalam Sukan Elektronik" bersama Pengulas FIFA e Club World Cup 2021 Bersama TNC HEPA UMT
7.	One Day Sport Webinar 2021 (OSWeb) siri 2 Tajuk: amalan pengurusan sains sukan terbaik, urutan sukan dan kecederaan sukan. Panel: Prof. Dr.Sapto Adi, Prof. Dr. Ali Satia Graha dan Dr Ruliando Hase Purba Universitas Negeri Yogyakarta dan Universiti Negri Malang	24 Ogos 2021	Webinar Bersama tetamu dari Universitas Negeri Yogyakarta dan Universiti Negri Malang. Antara tajuk di dibincangkan ialah amalan pengurusan sains sukan terbaik, urutan sukan dan kecederaan sukan. 197 Pelajar 160 Staf
8.	One Day Sport Webinar 2021 (OSWeb) siri 3 dan Lawatan Karyawan Tamu Utama Pelawat Dato' Mohd Azizulhasni Awang	26 Ogos 2021	711 Pelajar 325 Staf
9.	Zumba Merdeka Semangat Patriotik 2021	31 Ogos 2021	70 Pelajar 18 Staf

BIL.	KETERANGAN PROGRAM/ AKTIVITI	TEMPAT/ TARIKH	PENYERTAAN
10.	Program Sembang Santai Wanita: Bukan Wanita Biasa	4 September 2021	6 Pelajar 105 Staf
11.	Kayuhan Berbasikal Hari Sukan Negara UMT 2021 (20km)	9 Oktober 2021	87 peserta
12.	Futsal Kesurga Hari Sukan Negara 2021	16 Oktober 2021	7 pasukan/PTJ 84 peserta



KESIMPULAN

Tahun 2021 menyaksikan UMT terus menggiatkan usaha untuk meningkatkan kapasiti bakat selari dengan PSUMT 2018-2022. Pembangunan kapasiti bakat secara holistik juga memberi ruang dan peluang kepada individu untuk bersaing dalam era globalisasi yang semakin mencabar dan dinamik.

Fakta dan Angka

95% **84%** **143**

pengisian waran
perjawatan

ahli akademik
berkelayakan
Ph.D.

program latihan

340 **204**


staf menghadiri
konferen/
seminar

penyertaan
dalam karnival
inovasi@UMT



The background is an underwater scene featuring a large, textured coral reef on the left side. A small, dark-colored fish is visible swimming in the upper right. The water has a deep blue-green hue. Overlaid on the image are several semi-transparent geometric shapes: a large yellow triangle on the left, a horizontal orange band across the middle, and a horizontal teal band at the bottom. The title text is positioned in the lower right area, overlapping the orange and teal bands.

Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran



PENGENALAN

Sepanjang tahun 2021, negara masih berada dalam Fasa Pelan Pemulihan Negara, pergerakan rentas sempadan dan kemasukan pelajar ke kampus masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan.

Berikutan itu, UMT masih melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui tiga mekanisme iaitu pembelajaran secara dalam talian, secara bersemuka dan secara hibrid tertakluk keperluan program masing-masing dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

PROGRAM PENGAJIAN

UMT menawarkan 33 program akademik iaitu 31 program di peringkat sarjana muda, satu program di peringkat diploma dan satu program di peringkat asasi. Namun terdapat satu program yang dibekukan untuk proses penjenamaan semula iaitu Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai).

Manakala sebanyak 36 program pascasiswazah di peringkat kedoktoran dan sarjana secara mod penyelidikan telah ditawarkan. Selain itu, UMT juga menawarkan sebanyak 11 program akademik di peringkat sarjana secara mod kerja kursus.

Maklumat program pengajian aktif tahun 2021 adalah seperti jadual di bawah:

PROGRAM AKADEMIK PRASISWAZAH		
FAKULTI	BIL	NAMA PROGRAM
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI)	1	SM Sains (Matematik Kewangan) dengan Kepujian
	2	SM Sains (Matematik Gunaan) dengan Kepujian
	3	SM Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian
	4	SM Sains Komputer dengan Informatik Maritim (Kepujian)
	5	SM Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) dengan Kepujian
	6	SM Teknologi (Alam Sekitar) dengan Kepujian
	7	SM Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi) dengan Kepujian
	8	SM Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian
	9	SM Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Senibina Kapal) dengan Kepujian

PROGRAM AKADEMIK PRASISWAZAH		
FAKULTI	BIL	NAMA PROGRAM
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM)	10	SM Sains (Sains Marin) dengan Kepujian
	11	SM Sains (Biologi Marin) dengan Kepujian
	12	SM Sains (Geosains Marin) dengan Kepujian
	13	SM Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian
	14	SM Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) dengan Kepujian
	15	SM Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian
	16	SM Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti) dengan Kepujian
	17	SM Sains Gunaan (Nanofizik) dengan Kepujian
Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)	18	SM Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) dengan Kepujian
	19	SM Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian
	20	SM Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan Kepujian
	21	SM Sains Gunaan (Perikanan) dengan Kepujian
	22	SM Sains Agroteknologi (Akuakultur) dengan Kepujian
	23	Diploma Perikanan
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS)	24	SM Perakaunan dengan Kepujian
	25	SM Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian
	26	SM Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian
	27	SM Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian
	28	SM Kaunseling dengan Kepujian
	29	SM Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian
Fakulti Pengajian Maritim (FPM)	30	SM Pengurusan (Maritim) dengan Kepujian
	31	SM Pengurusan Operasi Maritim dengan Kepujian
	32	SM Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) dengan Kepujian
Pusat Asasi STEM	33	Asasi STEM

PROGRAM AKADEMIK PASCASISWAZAH MOD PENYELIDIKAN			
BIL	KEDOKTORAN	BIL	SARJANA
1.	Doktor Falsafah Biologi dan Biokimia	1.	Sarjana Sains Biologi dan Biokimia
2.	Doktor Falsafah Perniagaan dan Pentadbiran	2.	Sarjana Sains Perniagaan dan Pentadbiran
3.	Doktor Falsafah Sains Komputer	3.	Sarjana Sains Sains Komputer
4.	Doktor Falsafah Pengeluaran Tanaman dan Ternakan	4.	Sarjana Sains Pengeluaran Tanaman dan Ternakan
5.	Doktor Falsafah Sains Bumi	5.	Sarjana Sains Sains Bumi
6.	Doktor Falsafah Ekonomi	6.	Sarjana Sains Ekonomi

PROGRAM AKADEMIK PASCASISWAZAH MOD PENYELIDIKAN			
BIL	KEDOKTORAN	BIL	SARJANA
7.	Doktor Falsafah Perdagangan Kejuruteraan dan Kejuruteraan	7.	Sarjana Sains Perdagangan Kejuruteraan dan Kejuruteraan
8.	Doktor Falsafah Sains Alam Sekitar	8.	Sarjana Sains Sains Alam Sekitar
9.	Doktor Falsafah Teknologi Perlindungan Alam Sekitar	9.	Sarjana Sains Teknologi Perlindungan Alam Sekitar
10.	Doktor Falsafah Perikanan	10.	Sarjana Sains Perikanan
11.	Doktor Falsafah Pemprosesan Makanan	11.	Sarjana Sains Pemprosesan Makanan
12.	Doktor Falsafah Kemanusiaan	12.	Sarjana Sains Kemanusiaan
13.	Doktor Falsafah Matematik	13.	Sarjana Sains Matematik
14.	Doktor Falsafah Sains Fizikal	14.	Sarjana Sains Sains Fizikal
15.	Doktor Falsafah Sains Sosial dan Tingkah Laku	15.	Sarjana Sains Sains Sosial dan Tingkah Laku
16.	Doktor Falsafah Khidmat Sosial dan Kaunseling	16.	Sarjana Sains Khidmat Sosial dan Kaunseling
17.	Doktor Falsafah Perkhidmatan Pengangkutan	17.	Sarjana Sains Perkhidmatan Pengangkutan
18.	Doktor Falsafah Perakaunan	18.	Sarjana Sains Perakaunan

PROGRAM AKADEMIK PASCASISWAZAH MOD KERJA KURSUS		
FAKULTI	BIL	PROGRAM AKADEMIK
Fakulti Sains Perikanan dan Sains Makanan	1.	Sarjana Sains (Akuakultur)
	2.	Sarjana Sains Perikanan Tropika
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin	3.	Sarjana Sains (Forensik Alam Sekitar)
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial	4.	Sarjana Kaunseling
	5.	Sarjana Pentadbiran Perniagaan
	6.	Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu)
	7.	Sarjana Ekonomi
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik	8.	Sarjana Sains Komputer
	9.	Sarjana Teknologi Maklumat
	10.	Sarjana Matematik
	11.	Sarjana Statistik Sains Marin

Kelulusan Program Baharu

Satu program akademik sarjana muda baharu telah diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) pada 9 Julai 2021 iaitu, Sarjana Muda Sains (Analitik Data) dengan Kepujian. Program ini akan ditawarkan pada sesi kemasukan 2022/2023.

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Secara keseluruhannya, enrolmen pelajar UMT adalah seramai 10,012 orang yang terdiri daripada 238 orang pelajar Asasi STEM, 8,268 orang pelajar prasiswazah dan 1,506 orang pelajar pascasiswazah. Daripada jumlah ini, seramai 591 orang adalah pelajar antabangsa. Manakala pengambilan baharu bagi tahun 2021 adalah seramai 3,147 orang yang terdiri

daripada 238 orang pelajar Asasi STEM, 2,520 orang pelajar prasiswazah dan 389 orang pelajar pascasiswazah.

Perbandingan jumlah pengambilan dan enrolmen pelajar mengikut peringkat pengajian bagi tahun 2021 dan 2020 adalah seperti jadual di bawah:

BIL		PROGRAM	PENGAMBILAN		ENROLMEN	
			2021	2020	2021	2020
PROGRAM ASASI						
1	Asasi STEM		238	220	238	220
PROGRAM PRASISWAZAH						
1	SM Pengurusan (Maritim) dengan Kepujian		113	139	494	512
2	SM Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) dengan Kepujian		22	40	127	144
3	SM Pengurusan Operasi Maritim dengan Kepujian		38	13	51	13
4	SM Sains Agroteknologi (Akuakultur) dengan Kepujian		44	48	125	152
5	SM Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan Kepujian		24	69	165	204
6	SM Sains Agroteknologi (Teknologi Lepastuai) dengan Kepujian		-	-	-	2
7	SM Sains Gunaan (Perikanan) dengan Kepujian		58	69	173	195
8	SM Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) dengan Kepujian		55	94	335	379
9	SM Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian		102	122	427	426
10	SM Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian		143	147	400	416
11	SM Kaunseling dengan Kepujian		86	137	447	496
12	SM Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian		151	177	469	468

BIL	PROGRAM	PENGAMBILAN		ENROLMEN	
		2021	2020	2021	2020
13	SM Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	146	157	429	436
14	SM Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	110	129	347	370
15	SM Perakaunan dengan Kepujian	192	206	752	729
16	SM Sains (Biologi Marin) dengan Kepujian	84	107	254	247
17	SM Sains (Geosains Marin) dengan Kepujian	24	40	96	75
18	SM Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) dengan Kepujian	69	72	178	175
19	SM Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian	102	117	309	314
20	SM Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian	104	114	310	305
21	SM Sains (Sains Marin) dengan Kepujian	86	95	255	210
22	SM Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti) dengan Kepujian	54	77	176	226
23	SM Sains Gunaan Nanofizik dengan Kepujian	22	-	22	-
24	SM Sains (Matematik Gunaan) dengan Kepujian	49	67	154	149
25	SM Sains (Matematik Kewangan) dengan Kepujian	68	93	236	256
26	SM Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi) dengan Kepujian	92	31	135	79
27	SM Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian	25	43	168	212
28	SM Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian	126	127	452	437
29	SM Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) dengan Kepujian	51	38	106	56
30	SM Sains Komputer dengan Informatik Maritim dengan Kepujian	52	65	190	204
31	SM Teknologi (Alam Sekitar) dengan Kepujian	82	56	184	196
32	SM Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Senibina Kapal) dengan Kepujian	24	31	51	30
33	Diploma Perikanan	122	144	251	248
Jumlah		2,520	2,864	8,268	8,361
PROGRAM PASCASISWAZAH					
1	Doktor Falsafah	101	176	745	658
2	Sarjana (Mod Penyelidikan)	206	152	618	613
3	Sarjana (Mod Kerja Kursus)	82	73	143	127
Jumlah		389	401	1,506	1,398

Graduan 2021

Jumlah pelajar yang bergraduat pada tahun 2021 adalah seramai 2,242 orang yang terdiri daripada 2,082 orang graduan prasiswazah dan 160 orang graduan pascasiswazah. Jumlah ini berkurangan sebanyak 22% berbanding tahun sebelumnya.

PERINGKAT PENGAJIAN	2021	2020
Doktor Falsafah	45	52
Sarjana (Mod Penyelidikan)	68	80
Sarjana (Mod Kerja Kursus)	47	72
Sarjana Muda	1,974 (Cemerlang: 282; Kepujian: 1,692)	2,559 (Cemerlang: 280; Kepujian: 2,279)
Diploma	108 (Cemerlang: 21; Kepujian: 87)	115 (Cemerlang: 29; Kepujian: 86)
Jumlah	2,242	2,878

Anugerah Pelajaran Diraja (BUMIPUTERA)



FATONAH BINTI MOHD ZAIDI (S48967)
SARJANA MUDA KAUNSELING

Anugerah Pelajaran Diraja (BUKAN BUMIPUTERA)



TAN SWE LAN (S52771)
SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (FIZIK
ELEKTRONIK DAN INSTRUMENTASI)



**Anugerah
Pingat Emas Canselor**
NUR SYAFIQAH BINTI MOHD MAULANA (S52437)
SARJANA MUDA SAINS GUNAAN
(PEMULIHARAAN DAN PENGURUSAN BIODIVERSITI)


**Anugerah Pro-Canselor
(Sains)**



MOHD 'ULUL 'ILMIE BIN AHMAD NAZRI
DOKTOR FALSAFAH FISILOGI

Bagi meraikan para graduan ini, UMT telah mengadakan Majlis Konvokesyen UMT Ke-19 pada Mac 2022. Pada majlis ini, UMT turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi kepada Tan Sri Mohammed Azlan bin

**Anugerah Pro-Canselor
(Sains Sosial)**



KAMELIA MOH'D KHIER AHMAD ALMOMANI
DOKTOR FALSAFAH PERAKAUNAN

Hashim, mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UMT dan Ijazah Kehormat Sarjana Sains Sosial kepada Dato' Mohd Azizulhasni bin Awang, atlet Keirin negara.



TAN SRI MOHAMMED AZLAN HASHIM
P.S.M, D.S.P.N



DATO' MOHD AZIZULHASNI AWANG
D.P.M.T, K.M.N, A.M.N

Penajaan dan Insentif Pengajian Pascasiswazah

Sebagai usaha untuk menarik lebih ramai pelajar pascasiswazah, UMT telah memperkenalkan program penajaan dan insentif yang terdiri daripada Biasiswa Tuanku Canselor (BTC), Biasiswa Universiti Malaysia Terengganu (BUMT)

dan Skim Insentif Pelajar Pascasiswazah (SIPP). Tempoh penajaan adalah selama 36 bulan atau enam semester merangkumi kemudahan-kemudahan berikut:

BIASISWA		KEMUDAHAN
Biasiswa Tuanku Canselor (BTC)	▪ Elaun bulanan RM3,000.00 ▪ Tajaan yuran konferensi RM5,000.00 ▪ Tajaan satu kali yuran tesis	
Biasiswa Universiti Malaysia Terengganu (BUMT)	▪ Elaun bulanan RM1,800.00 ▪ Tajaan yuran konferensi RM3,000.00 ▪ Tajaan satu kali yuran tesis.	
Skim Insentif Pelajar Pascasiswazah (SIPP)	▪ Pengurangan yuran pengajian dan yuran antarabangsa.	

Secara keseluruhan, seramai 79 orang pelajar telah menerima bantuan penajaan ini manakala jumlah penerima yang masih aktif setakat 31 Disember 2021 adalah seramai 43 orang. Daripada

jumlah ini, tiga orang adalah penerima BTC, 15 orang penerima BUMT dan 25 orang penerima SIPP.

KESIMPULAN

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pengajaran sepanjang tahun 2021. Kebenaran kemasukan pelajar ke kampus yang minima, sekatan perjalanan rentas sempadan, pelaksanaan aktiviti fizikal yang terhad dan terkawal telah memberi kesan kepada perancangan dan pelaksanaan inisiatif jangka panjang yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik UMT 2018-2022. Bagaimanapun, UMT telah menyesuaikan (beradaptasi) dengan pelaksanaan mengikut norma baharu untuk memastikan kualiti dan kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran terus utuh.

Fakta dan Angka

2,520

Pengambilan Pelajar
Baharu Prasiswazah

1,506

Enrolmen Pascasiswazah

2,242

Graduan

15%

Graduan Cemerlang



An underwater photograph of a coral reef. In the foreground, there is a large, branching coral structure. Several fish are visible: a large yellow and white fish on the left, a small yellow fish in the center, and several smaller, dark-colored fish swimming in the background. The water is clear and blue. A semi-transparent blue and white geometric shape is overlaid on the left side of the image.

*Keunggulan Penelitian
dan Inovasi.*



PENGENALAN

Ancaman pandemik COVID-19 yang masih menular telah memberi kesan dan mengubah rutin harian kehidupan termasuk landskap penyelidikan khususnya di universiti. Aktiviti penyelidikan telah dilaksanakan dengan mengadaptasi SOP norma baharu yang telah ditetapkan. Ini termasuklah aktiviti harian penyelidikan seperti kerja lapangan, persampelan dan eksperimen di makmal-makmal yang terhad. Malahan banyak aktiviti penyelidikan terpaksa ditangguhkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, di sebalik kekangan ini, UMT masih berupaya mengekalkan

kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi sepanjang tahun 2021.

Ini terbukti melalui status UMT yang bertaraf lima Bintang dalam Malaysia Research Assessment (MyRA) yang merupakan instrumen untuk mengukur pencapaian dan keupayaan Universiti di Malaysia dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (RDCI).

Bagi memperkasakan kecemerlangan penyelidikan, UMT telah menyalurkan dana khas yang berjumlah RM1.5 juta di bawah Skim Geran Dalaman UMT kepada penyelidik.



GERAN PENYELIDIKAN


Perolehan Geran Penyelidikan Tahun 2021

UMT telah berjaya memperoleh geran bernilai RM18.14 juta (201 projek) pada tahun 2021, meningkat sebanyak 2.7% berbanding RM17.67 juta (228 projek) pada tahun 2020. Geran Kerajaan dan universiti berjumlah RM14.41 juta merupakan penyumbang terbesar diikuti geran swasta/industri berjumlah RM2.08 juta dan geran antarabangsa berjumlah RM1.65 juta.

Buat julung kalinya, UMT berjaya memperoleh geran penyelidikan Strategic Research Fund

(SRF) dari MOSTI berjumlah RM3.1 juta. Projek penyelidikan bertajuk "Transforming Coastal Fisheries Through Model Prototype Design and Development of an Innovative Fishing Vessel" ini diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Felo Penyelidik Utama UMT. Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar, Naib Canselor UMT juga turut terlibat dalam projek ini sebagai Penyelidik Bersama.

Perolehan Geran Penyelidikan Bagi Tahun 2021



**JUMLAH
KESELURUHAN
RM18,141,343.40**

**201
BILANGAN PROJEK**



SWASTA/INDUSTRI
33 GERAN
RM2,083,600.00
(11.5%)

Garisan Automotive Sdn. Bhd.	1 Geran 30,000.00	Venator Asia Sdn. Bhd.	1 Geran 98,600.00
Private Partnership Research Grant (PPRG)	6 Geran 222,000.00	Corteva Agrosience Malaysia	1 Geran 50,000.00
The Chartered Institute Logistics and Transport Malaysia (CILTM)	3 Geran 45,000.00	Salihin Research & Innovation Lab	1 Geran 5,000.00
Canvio Sdn. Bhd.	1 Geran 60,000.00	Triplevs Venture Sdn. Bhd.	1 Geran 20,000.00
ALLTech Biotechnology Malaysia Sdn. Bhd.	1 Geran 120,000.00	McCormick Sdn. Bhd.	1 Geran 49,100.00
Harum Serantau Sdn. Bhd.	1 Geran 18,000.00	NRA Technology Sdn. Bhd.	1 Geran 10,000.00
ALS Technichem Malaysia Sdn. Bhd.	1 Geran 50,000.00	Casa Armada Sdn. Bhd.	2 Geran 370,000.00
Sime Darby Research Sdn. Bhd.	2 Geran 122,000.00	PETRONAS	1 Geran 270,000.00
Mersing Tourism Association (MTA)	1 Geran 5,000.00	Chemsain Konsulatant Sdn. Bhd	1 Geran 344,300.00
Scatec	1 Geran 49,900.00	DZS Marine Sdn Bhd	1 Geran 36,000.00
Sumai Engineering Sdn. Bhd	1 Geran 8,700.00	Juruukur Bakawali	1 Geran 10,300.00
DZS Marine Sdn Bhd	1 Geran 41,000.00	Juruukur Jiturunding Sdn. Bhd	1 Geran 48,700.00

ANTARABANGSA
24 GERAN
RM1,651,264.40
(9.4%)

Asian Species Action Partnership (ASAP), Singapura	1	40,000.00	The University of Tokyo, Jepun	1	62,577.40
UNESCO	1	10,224.98	International Partnership Research Grants (IPRG)	8	503,569.24
Yayasan Ganesha Nusantara, Indonesia	2	20,582.02	Wattime, Amerika Syarikat	1	283,095.57
Bangladesh Fisheries Research Institute	1	21,000.00	Fujian Institute for Sustainable Oceans (Xiamen University), China	1	244,288.21
The Education University of Hong Kong (EduHK)	1	43,412.09	The Sumitomo Foundation, Japan	1	34,562.70
Southeast Asia One Health University Network (SEAOHUN), Thailand	1	32,753.02	University of Economics Ho Chi Minh City (UEH), Vietnam	1	42,100.04
International Center of Genetic Engineering and Biotechnology (ICGEB), Italy	1	12,438.60	Kurita Water and Environment Foundation, Jepun	1	14,634.75
University of Cyprus, Cyprus	1	174,678.39	Ocean Park Conservation Foundation (OPCF), Hong Kong	1	111,347.39

Kerajaan

RM36,972,295 | **263** Bilangan Projek Aktif

65.8%

Universiti

RM12,798,302 | **253** Bilangan Projek Aktif

22.8%

Swasta/Industri

RM3,274,774 | **44** Bilangan Projek Aktif

5.8%

Antarabangsa

RM3,154,733 | **38** Bilangan Projek Aktif

5.6%

**JUMLAH
KESELURUHAN
RM56,200,104**

**598
BILANGAN
PROJEK AKTIF**

PERTANDINGAN PAMERAN PENYELIDIKAN PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Kejayaan Penyelidik dalam Pameran Penyelidikan

Aktiviti pameran dan pertandingan produk penyelidikan pada tahun 2021 adalah terhad berikutan penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia. Satu-satunya pertandingan yang disertai oleh UMT adalah Minggu Penyelidikan

Inovasi (MPI 2021) yang diadakan pada 10 Mac 2021. UMT menghantar penyertaan sebanyak 117 produk dan kesemuanya berjaya meraih pingat, iaitu 31 pingat emas, 41 pingat perak, 44 pingat gangsa dan satu Anugerah Utama.

Penyertaan dan Pencapaian UMT di Pertandingan Pameran Penyelidikan 2021

PERINGKAT
KEBANGSAAN
Minggu
Penyelidikan
Inovasi (MPI 2021),
10 Mac 2021



31



41



44



1

Kejayaan Pelajar Dalam Pameran Penyelidikan

Pelajar UMT juga sentiasa digalakkan menyertai pertandingan dalam pameran penyelidikan seiring dengan usaha pembudayaan inovasi penyelidikan dalam kalangan penyelidik. Pada tahun 2021, UMT telah menghantar beberapa pasukan pelajar untuk menyertai tiga pertandingan pameran penyelidikan peringkat kebangsaan yang diadakan secara maya iaitu Malaysia Technology Expo 2021 (MTE) pada

22 hingga 26 March 2021, Minggu Penyelidikan Inovasi 2021 (MPI) pada 28 Februari hingga 6 March 2021, dan e-Speech UMT 2021: "Innovation at Its Best" pada 14 Julai 2021.

Secara keseluruhannya pelajar UMT berjaya merangkul lima pingat emas dan satu anugerah khas Youth Silver Award.

Pencapaian Pingat Pelajar UMT

BIL	ANUGERAH/PINGAT	JUMLAH
Malaysia Technology Expo 2021, The 19th International Expo on Inventions and Innovations		
1.	Youth Silver Award	1
Minggu Penyelidikan Inovasi (MPI)		
1.	Emas	5
2.	Perak	2
3.	Gangsa	4
E-Speech UMT 2021 : " Innovation At Its Best"		
1.	Tempat ke-2	1
2.	Tempat ke-3	1
3.	Tempat ke-4	1
4.	Saguhati	7
Jumlah Keseluruhan		22



20 Years MTE 2021
Malaysia Technology Expo
 International Expo on Innovation and Technology

18-20 March 2021
 World Trade Centre Kuala Lumpur
www.mte.org.my

Concurrent Events
 Innovation Awards Programme 2021
 Future Edtech 2021
 Innovation Marketplace 2021
 Malaysia-Croatia Technology Exchange 2021

Innovation • Transformation • Growth



MTE 2021
Malaysia Technology Expo
 The International Expo on Innovation and Technology

VIRTUAL EVENT
22-26 March 2021

Innovation • Transformation • Growth

Malaysia Technology Expo 2021

MAJLIS PERASMIAN DAN PENUTUP SERTA PENGUMUMAN PEMENANG



UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



MINGGU PENYELIDIKAN
& INOVASI 2021

MPi
2021
MINGGU PENYELIDIKAN DAN INOVASI

10 MAC 2021 | 2.30 PM

SECARA LANGSUNG DI FACEBOOK RASMI:




**PUSAT PENGURUSAN
PENYELIDIKAN & INOVASI UMT**



<https://www.facebook.com/rmcumt/live/>

Menyatukan Minda Kreatif dan Kritis Dalam Memacu Inovasi Teknologi Terkini



Now i wired everything up for a short test.
You can hear the coil whine from the inductor on the laser driver.
This is possibly due to the driver being ran close to its limits.

Minggu Penyelidikan Inovasi (MPI)



E-Speech UMT 2021: “Innovation At Its Best”


INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

Harta Intelekt

Kecemerlangan UMT dalam inovasi terbukti melalui bilangan harta intelek yang berjaya didaftarkan termasuk paten, hak milik, rahsia dagangan, inovasi utiliti dan cap dagangan. Pada tahun 2021, sebanyak 113 produk penyelidikan telah didaftarkan sebagai harta intelek.

Bilangan Harta Intelekt (IP) yang diperolehi terus meningkat setiap tahun, hingga mencapai 113 IP pada tahun 2021. Jumlah ini termasuk bilangan tiga paten telah diluluskan, lima paten difailkan dan 80 hak milik yang didaftarkan.

Senarai Harta Intelek sepanjang tahun 2021



**JUMLAH
KESELURUHAN
113**

Perlesenan Produk

Produk hasil kajian penyelidikan juga kini mendapat kepercayaan industri untuk diketengahkan hingga ke pasaran. Sepanjang tahun 2021, enam produk penyelidikan berjaya dilesenkan berbanding hanya dua produk pada tahun 2020.

Senarai Produk Dilesenkan sepanjang tahun 2021

BIL.	NAMA PRODUK	NAMA SYARIKAT	PEREKA CIPTA	FAKULTI / INSTITUT
1	Stereo-fish underwater video system (stereo-fuvs)	Al-Qawiyah Enterprise Sdn Bhd	Prof. Dr. Zainudin bin Bachok	INOS
2	Image analysis software for fish abundance survey	Chembio Technology Sdn Bhd	Prof. Dr. Zainudin bin Bachok	INOS
3	Image calibration software for distance and size measurement	Al Nahdhah Sdn Bhd	Prof. Dr. Zainudin bin Bachok	INOS
4	MYROM20+	Origin Six Tech Sdn Bhd	Prof. Madya Dr. Mohd Fadzil bin Mohd Akhir	INOS
5	Coral mapping in shallow using spectral response in red, green, blue, infra-red and red-edge colour spectrum	Chembio Technology Sdn Bhd	Prof. Dr. Aidy @ Mohamed Shawal bin M Muslim	INOS
6	Nutraceutical Kit: High Nutrient Energy Bar & Honey Drink for Disaster Relief	Bayu Gagah Marketing (M) Sdn. Bhd	Prof. Dr. Wan Iryani binti Wan Ismail	FSSM

Pengkomersialan Produk

Sepanjang tahun 2021, sebanyak tiga produk penyelidikan telah berjaya dikomersilkan ke industri.

Senarai Produk Dikomersialkan Sepanjang Tahun 2021

BIL	NAMA PRODUK	NAMA SYARIKAT	PEREKA CIPTA	FAKULTI / INSTITUT
1	Germshield	UMT Jaya Holding Bhd.	Prof. Dr. Yeong Yik Sung	IMB
2	Nutraceutical Kit: High Nutrient Energy Bar & Honey Drink for Disaster Relief	Bayu Gagah Marketing Sdn. Bhd.	Prof. Dr. Wan Iryani binti Wan Ismail	FSSM
3	Smart Honeycomb for Keeping Stingless Bees	Bee Lab Sdn. Bhd.	Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak	FPSM




PENERBITAN

Bilangan penerbitan ilmiah UMT pada tahun 2021 meningkat kepada 1,620 berbanding 1,446 pada tahun sebelumnya. Artikel penyelidikan per pensyarah juga menunjukkan peningkatan

pada tahun 2021 iaitu 1.95 berbanding 1.85 pada tahun 2020. Selain itu, sitasi per pensyarah turut melonjak kepada 38.48 berbanding 25.74 pada tahun 2020.



Jumlah Penerbitan UMT sepanjang tahun 2021



PENCAPAIAN / PENGIKTIRAFAN PENYELIDIKAN UMT 2021

PENARAFAN 5 BINTANG PENILAIAN PENYELIDIKAN MALAYSIA (MyRA)

UMT berjaya memperolehi penarafan empat dan lima bintang buat pertama kalinya, masing-masing berdasarkan pencapaian pada tahun 2017 dan 2018, setelah berada di tahap tiga bintang sejak tahun 2010. Pencapaian MyRA UMT dijangka dapat dikekalkan pada penarafan 5 Bintang pada tahun 2019 hingga 2021, seiring

dengan peningkatan kuantiti dan kualiti penerbitan artikel penyelidikan.

Oleh itu, UMT terus optimis mendepani cabaran tahun 2022 bagi memastikan momentum positif terus ditingkatkan seterusnya melonjakkan pencapaian penyelidikan UMT ke tahap yang lebih cemerlang iaitu 6 Bintang.



PENGGOMERSIALAN PRODUK UMT

Buat julung kalinya, UMT berjaya menubuhkan empat buah syarikat pemula untuk memasarkan produk penyelidikan UMT yang telah sedia untuk dikomersialkan kepada pihak industri.

- Bee Lab Sdn. Bhd. – produk madu kelulut
- BioNexG Sdn. Bhd. – produk Photosynthetic Sulphate Bacteria (PSB)
- Sinavax Sdn. Bhd. – produk Mannheimia Haemolytica Vaccine (KUSTEMVax)
- VSG Labs Sdn. Bhd. – produk Marine Vehicle Operation Simulator Within Mobile Environment

Bagi melancarkan operasi syarikat ini, UMT telah mewujudkan Innovation Commercialization Entrepreneurship Hub (ICEHUB) UMT yang berfungsi sebagai hub bagi melaksanakan program inkubator dan pemacu syarikat pemula. Melalui program ini, syarikat pemula akan diberi pendedahan dan latihan untuk menghasilkan produk yang sedia untuk dipasarkan, memastikan tadbir urus syarikat dan strategi pemasaran yang berkesan serta mengatur sesi pitching bagi menarik minat pelabur luar. Syarikat pemula yang berjaya melalui program ini akan diberi status 'graduat' seterusnya memastikan pengkomersialan produk mereka akan lebih berjaya dan menjamin kelestarian syarikat pemula itu sendiri.



YBhg. Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak

Penubuhan syarikat Bee Lab Sdn. Bhd. bagi pengkomersialan produk madu kelulut secara komersial.

YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Shahrul bin Ismail

Penubuhan BioNexG Sdn. Bhd. bagi pengkomersialan produk Photosynthetic Sulphate Bacteria (PSB).

YBhg. Prof. Dr. Mohd Effendy bin Abd Wahid

Penubuhan syarikat Sinavax Sdn. Bhd. bagi pengkomersialan produk Mannheimia Haemolytica Vaccine (KUSTEMVax).

YBrs. Prof. Madya Dr. Ahmad Faizal bin Mohamad Ayob

Penubuhan syarikat VSG Labs Sdn. Bhd. bagi pengkomersialan produk Marine Vehicle Operation Simulator Within Mobile Environment.

Pharmaniaga Pasarkan Produk Madu Kelulut UMT Ke Serata Dunia

Pada 9 April 2021, syarikat gergasi farmaseutikal Malaysia, Pharmaniaga Berhad telah menandatangani perjanjian kolaborasi dengan UMT untuk kerjasama projek penternakan dan penghasilan madu kelulut pada skala besar. Kolaborasi ini bertujuan memenuhi permintaan madu kelulut yang amat tinggi bukan sahaja di pasaran tempatan bahkan di peringkat antarabangsa. Projek ini mensasarkan penghasilan 300 kilogram madu sebulan.

Projek kerjasama ini termeterai hasil inisiatif dan kejayaan Kumpulan Penyelidikan Lebah Kelulut UMT (Stingless Bee) yang telah aktif menjalankan penyelidikan lebah kelulut sejak tahun 2017. Kumpulan penyelidikan ini terdiri daripada 20 orang penyelidik pakar dalam pelbagai bidang kelulut seperti kajian tingkah laku lebah kelulut, kualiti madu, makanan mikrobiologi, genetik populasi, protein kimia, dan pembangunan produk berkaitan lebah.



PENGIKTIRAFAN DUA HICOE INOS DAN AKUATROP

Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) telah diberi pengiktirafan atas kejayaan cemerlang menyempurnakan program kebangsaan sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) Fasa I dan II (2012-2021). Majlis pentauliahkan ini telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad sempena Lawatan kerja di UMT pada 3 Oktober 2021.

Manakala Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) telah dinobatkan

sebagai HICoE KPT di bawah nic Future Food yang bertemakan Kelestarian Akuakultur Shellfish. AKUATROP merupakan satu-satunya pusat kecemerlangan penyelidikan yang ditauliahkan sebagai HICoE KPT pada tahun 2021 daripada 17 pusat kecemerlangan penyelidikan yang memohon. Pengiktirafan HICoE membolehkan AKUATROP menerima dana penyelidikan berjumlah RM6.75 juta bagi tempoh tiga tahun.



HICOE INOS BANGUNKAN SISTEM RAMALAN LAUT PERTAMA DI MALAYSIA

UMT melalui INOS sedang membangunkan aplikasi sistem ramalan laut yang dikenali sebagai Malaysia Marine Forecast System (MFAST). MFAST merupakan sistem operasi marin nasional yang pertama di Malaysia dan telah mula diuji semasa musim tengkujuh baru-baru ini untuk meramal gelombang di perairan Laut China Selatan. Sistem ini bakal menjadi

platform yang menawarkan ramalan data arus, gelombang dan suhu lautan bagi tempoh lima hari untuk kegunaan pelbagai sektor termasuk rekreasi, pelancongan, perikanan, penyelamatan, perkapalan serta industri minyak dan gas. Sistem ini bakal membantu negara untuk lebih bersedia menghadapi bencana dan keadaan ekstrem di lautan.



PENERBITAN UMT DIKTIRAF DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

1. UMT cemerlang dalam Top Ranked Papers, Web of Science (WoS) - Bidang Kejuruteraan

UMT telah dinilai dan berada pada kedudukan pertama (tertinggi peratusan penerbitan) dalam Top Ranked Papers dalam kalangan universiti di Malaysia dan kedua tertinggi bagi Sitasi per Penerbitan (Citations per Paper). Keputusan ini adalah berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Essential Science Indicators of Clarivate, Web of Science (Engineering) berpandukan data dari tahun 2017 sehingga 2021.



2. Lima Penyelidik UMT Diiktiraf Sebagai 2% "Most-Cited Scientists in The World"

Lebih membanggakan, lima orang saintis UMT tersenarai dalam kelompok 2% kategori "Most-Cited Scientists in the World" daripada lebih 150,000 saintis seluruh dunia dalam pelbagai bidang kepakaran. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Stanford University, lima orang saintis tersebut ialah Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Ismail, Prof. Ts. Dr. Lam Su Shiung,


dan Prof. Dr. Meisam Tabatabaie dalam bidang kajian Tenaga, Prof. Dr. Mohd Lazim Abdullah dalam bidang Pemprosesan Imej dan Kepintaran Buatan, serta Prof. Madya Dr. Amin Beiranvand Pour, dalam bidang Kejuruteraan Geologi dan Geomatik. Selain itu, Prof. Dr. Meisam Tabatabaie juga telah mendapat pengiktirafan oleh Clarivate bagi 1% Highly Cited Researchers.



Pengiktirafan Penerbitan Buku Terbitan UMT


Buat julung kali, lima judul buku penyelidikan terbitan Penerbit UMT telah terindeks dalam Book Citation Index (BkCI) oleh pihak Clarivate Analytics sebagai Core Collection Web of Science.

Pengiktirafan ini membuktikan buku-buku terbitan UMT berkualiti dan menjadi rujukan di peringkat antarabangsa.



*Malaysian Seaport System
First Edition*


Penulis: Dr. Jagan Jeevan
Tahun Terbitan: 2020
ISBN: 978-967-2417-96-5



*Fused Preference Relations
for Assessing Quality of Life
of a Community*

Profesor Dr. Mohd Lazim
bin Abdullah
Fatin Mimi Anira binti Alias


Tahun Terbitan: 2019
ISBN: 978-967-2320-53-1



*The Contribution of
Line Management in HRM*

Prof. Madya Dr. Nik Hazimah
binti Nik Mat
Intan Nur Fatin
binti Abdul Rani


Tahun Terbitan: 2019
ISBN: 978-967-2238-49-2



*Assessing Rural Telecentres
in Malaysia using
Program Logic Framework*

Dr. Marhaini binti Mohd
Noor

Tahun Terbitan: 2017
ISBN: 978-967-0962-94-8



*Light Emitting Diode Value Chains
Concepts, Challenges and Best Supply Chain Practices*

Suhana binti Mohezar
Mohammad Nazri bin Mohd Nor
Safiah binti Omar
Ainin binti Sulaiman

Penerbitan oleh pengarang luar (UM)

Tahun Terbitan: 2020
ISBN: 978-967-2320-60-9

Selain itu, dua judul telah diangkat sebagai pemenang Anugerah Buku Negara Tahun 2020/2021. Anugerah ini adalah anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara bersempena

Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 yang dinobatkan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).



JUDUL	MAKLUMAT BUKU	KATEGORI ANUGERAH
<i>Tasik Kenyir Stunning Beauty and Its Biodiversity</i>	Penyunting: Profesor Dato' Dr. Mohd Tajuddin bin Abdullah Nur Amalina binti Adnan Amirah Azizah Izzati binti Ahmad Tahun Terbitan: 2019 No. ISBN: 978-967-2200-80-2	Buku Sains Politik Terbaik
<i>Wow Beautiful Terengganu Malaysia</i>	Penulis: Profesor Dato' Dr. Noraïen binti Mansor Tahun Terbitan: 2020 No. ISBN: 978-967-2417-18-7	Buku Mewah Terbaik

Buat pertama kalinya juga buku terbitan UMT terpilih sebagai penerima Hadiah Sanjungan Buku (Karya Asli) dalam Anugerah Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) 2021. Anugerah ini merupakan anjuran bersama oleh PERSAMA,

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersempena Simposium Kebangsaan Sains Matematik Ke-28 (SKSM28) yang diadakan secara maya pada 29 Julai 2021.



JUDUL	MAKLUMAT BUKU	KATEGORI ANUGERAH
<i>Statistik Pentaabiran dan Analisis Data</i>	Penulis: Profesor Dr. Mohd Lazim bin Abdullah Dr. Aslina binti Nasir Tahun Terbitan: 2020 No. ISBN: 978-967-2939-00-9	Buku (Karya Asli) Hadiah Sanjungan

A vibrant underwater photograph of a coral reef. In the foreground, a large sea turtle with a distinctive black and white patterned shell is swimming towards the left. To its left, a colorful fish with a blue head and yellow body is visible. The reef is covered in various types of coral and smaller fish. The background is a deep blue, suggesting the open ocean.

KESIMPULAN

UMT telah mempergiatkan usaha memperkasakan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan perundingan serta memantapkan inovasi yang turut menjadi tunjang utama aktiviti penyelidikan universiti. Pencapaian UMT dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi terus meningkat apabila meraih pelbagai pengiktirafan dalam dan luar negara. Pencapaian ini juga merupakan batu loncatan untuk UMT terus bergerak ke hadapan ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah universiti unggul dalam menghasilkan karya penyelidikan berkualiti.

Fakta dan Angka

201 **RM18,141,343**

projek
penyelidikan

jumlah geran

1,554

penerbitan artikel
dan prosiding

38.48

sitasi per pensyarah

1.95

nisbah penerbitan
artikel journal
terindeks per
pensyarah

6

produk
dilesenkan
kepada
industri

3

produk
dikomersilkan
kepada
industri

113

harta intelek
didaftarkan

**Penarafan
5 Bintang**

Malaysia Research
Assessment (MyRA)

HICoE

penyelidikan
AKUATROP

INOS menerima

**Pentauliahahan
Penyempurnaan
HICoE**



The background is an underwater photograph of a coral reef. The top half of the image is a deep blue gradient, while the bottom half shows various coral structures in shades of blue, green, and brown. Overlaid on the image are several semi-transparent geometric shapes: a large light blue triangle on the left, a dark blue horizontal band across the middle, and a teal horizontal band at the bottom. The text is centered in the lower half, overlaid on the coral and the dark blue band.

*Pembangunan Pelajar
dan Alumni.*



PENGENALAN

Berhadapan dengan pandemik COVID-19 telah menjadikan warga universiti lebih kreatif dan inovatif khususnya dalam memastikan kelangsungan program pembangunan pelajar. Dalam menghadapi situasi yang mencabar ini, pihak universiti melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menyediakan pelbagai pelan tindakan dan strategi bagi memastikan program pembangunan pelajar universiti dapat dilaksanakan secara tersusun dan berkesan.

Pelbagai pengalaman dan cabaran telah ditempuhi dan didokumentasikan dalam dua buah buku terbitan UMT iaitu *Universiti Malaysia Terengganu Prihatin: Mengharungi Cabaran Pandemik COVID-19 (18 Mac - 31 Mei 2020)* dan *Perjuangan Yang Belum Selesai: Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMT Mendepani Cabaran COVID-19 (1 Ogos 2020 - 30 Jun 2021)*. Buku ini adalah hasil nukilan Profesor Madya Dr. Hafiz Zakariya, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan telah disempurnakan pelancarannya oleh Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada 3 Oktober 2021.



KEBAJIKAN PELAJAR

Kebajikan pelajar sentiasa menjadi keutamaan dalam usaha merealisasikan agenda pembangunan pelajar secara holistik di bawah cogan kata 'UMT Prihatin' dan 'HEPA Cakna'. Pelbagai bentuk bantuan kebajikan telah memanfaatkan para pelajar seperti bantuan komputer riba dan pelan data internet, pengagihan Baucar Makanan 'Food@Campus', program 'FoodBank@Campus', AOK dan Gerobok Rezeki,

Bantuan Khairat Kematian, Bantuan Pembayaran Yuran Pengajian, Bantuan Sara Hidup, Bantuan Rawatan Perubatan Hospital, pengurusan tuntutan insurans pelajar dan sebagainya.

Lebih daripada RM658,000.00 telah disalurkan bagi tujuan ini termasuk sumbangan daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, NGO dan individu.

PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR

Agenda pembangunan pelajar holistik telah direalisasikan melalui penetapan beberapa objektif strategik di peringkat universiti serta pelaksanaan pelbagai program berimpak tinggi untuk menggilap bakat dan memberi nilai tambah kepada pelajar bagi menyiapkan diri sebagai pemimpin cemerlang.

Penyertaan Pelajar dalam Pertandingan Inovasi

Para pelajar didedahkan dengan kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah, kemahiran penetapan matlamat, kerja berpasukan, pengurusan masa dan lain-lain. Selain itu, para pelajar juga telah diberi peluang dan menyertai beberapa pertandingan berorientasikan inovasi di peringkat kebangsaan sehingga mencapai kejayaan yang sangat membanggakan.

Bil.	Program	Tarikh	Bil.Peserta	Pencapaian
1	Malaysia Technology Expo 2021 - Alternative Kakf Hybrid Composites for Eco Design Army Helmet's Manufacturing	22 hingga 26 Mac 2021	5 orang pelajar	Youth Silver Award
2	Minggu Penyelidikan Inovasi (MPI) 2021	28 Feb hingga 26 Mac 2021	14 orang pelajar	5 pingat emas 2 pingat perak 4 pingat gangsa
3	E-Speech UMT 2021 : "Innovation At Its Best"	25 April hingga 5 Mei 2021	10 orang pelajar	Penyertaan
4	Young Talent MonStar Awards 2021	25 November 2021	1 orang pelajar	Top 10 Awards

Kepimpinan Pelajar

Universiti telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti perkongsian dan pendedahan ilmu kepimpinan yang melibatkan barisan Majlis Kepimpinan Pelajar (MPP) universiti. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:



Program Bual Bicara Kemanusiaan–Strive 4 Palestin 3 Julai 2021

Program ini menampilkan dua orang panel yang tidak asing lagi dalam kerja-kerja kemanusiaan dan kesukarelawan di peringkat antarabangsa iaitu Dato' Dr Mustapha Ahmad Merican, Pengerusi NGO Antarabangsa dan saudara Muhammad Nadir Al Nuri bin Kamaruzaman, CEO Cinta Gaza Malaysia dan mendapat tontonan hampir 12,000 penonton melalui FB Live UMT. Ia membicarakan konflik yang berlaku antara pejuang Hamas dengan tentera rejim Zionis Israel serta membangkitkan kesedaran dalam kalangan orang Islam seluruh dunia berkenaan pembebasan Palestin.



Program KPO MPP UMT Sesi 2020/2021 29 April-1 Mei 2021

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan kepada ahli Majlis Perwakilan Pelajar yang baru dipilih dan Sekretariat Pelajar dalam memahami tanggungjawab dan tugas mengikut portfolio masing-masing. Program ini juga menerapkan modul bercirikan kemahiran penyelesaian masalah, komunikasi berkesan, penampilan dan penataan imej.



Program Kem Kepimpinan Pelajar Diploma UMT 5 hingga 7 Disember 2021

Fokus utama program ini adalah berkenaan pementapan jati diri serta nilai-nilai kepimpinan melalui beberapa slot seperti perancangan kertas kerja program/aktiviti, penerangan Garis Panduan Aktiviti Pelajar, kepentingan komunikasi berkesan, kesilapan dalam komunikasi, peraturan dan kepatuhan etika serta latihan dalam kumpulan (LDK).

Program Jejak Khalifah Fasa 1 UMT 25 hingga 27 November 2021

Program ini dirancang untuk mengenal pasti pelajar yang berpotensi sebagai bakal pemimpin organisasi pelajar di UMT pada masa hadapan. Mereka didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang menguji minda dan ketahanan mental serta fizikal seperti pengurusan masa efektif, kemahiran menyelesaikan masalah, kepentingan komunikasi berkesan, kesilapan dalam komunikasi, peraturan dan kepatuhan etika, pengukuhan pasukan serta kaedah Neuro-Linguistic Programming (NLP).

Kesukarelawan Pelajar

UMT telah mengadakan beberapa misi kesukarelawanan bantuan pasca bencana banjir yang melanda di beberapa buah negeri pada tahun 2021 terutamanya di negeri Pahang. Aktiviti ini berupaya melatih dan menerapkan ciri kesukarelawanan dalam kalangan pelajar yang merupakan tonggak masa depan negara.

Misi Bantuan Banjir UMT 1 telah diadakan pada 25-27 Disember 2021 di Taman Inderapura, Kg Bukit Rangin dan Indera Sempurna, Kuantan, Pahang melibatkan 130 orang sukarelawan pelajar dan staf UMT. Manakala Misi Bantuan Banjir UMT 2 pula diadakan pada 28-29 Disember 2021 di Sungai Lembing dan Taman Bukit Rangin Aman, Pahang melibatkan 83 orang sukarelawan.



Kaunseling Pelajar

Dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19, pelbagai usaha dan inisiatif kreatif telah dilaksanakan selaras dengan Dasar Kesihatan Mental Negara untuk memastikan kesejahteraan emosi dan tahap kesihatan mental pelajar berada dalam keadaan terbaik. UMT telah menawarkan khidmat kaunseling dan pembangunan sendiri secara dalam talian melalui Webex, Facebook dan platform lain yang berkaitan.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 85 kes berkaitan isu kesihatan mental telah direkodkan. Sebanyak 25 kes daripadanya melibatkan sesi kaunseling manakala 60 kes sesi bimbingan. Bagi menangani dan mencegah isu ini, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan secara dalam talian.

484 sesi kaunseling dan bimbingan

Penyediaan bilik kaunseling yang kondusif dan terapeutik

56% (810 pelajar) mengikuti program dan perkhidmatan kaunseling



3 program outreach dilaksanakan

4 program pengukuhan akademik

17 program pembangunan sahsiah



WebCARE 1.0: Kenali Simptom & Bantuan Awal Kesihatan Mental
26 Mac 2021

Ujian Saringan Kesihatan Dass
4 Ogos 2021

WebCARE 2.0: Hentikan Derita Bersendirian
25 Ogos 2021

WebCARE 3.0: Berdamailah Dengan Diri Sendiri
30 Sept 2021

Ujian Saringan Dass (Depression Anxiety Stress Scale)
6 Okt 2021

WebCARE 4.0: Mental Koyak, Iman Tergugat
13 Okt 2021

WebCARE 5.0: Toxic Personality, Adakah Anda Orangnya?
23 Okt 2021

WebCARE 6.0: Anxiety – Normal Atau Satu Penyakit (Kenali Simptom & Teknik Solusi)
23 Nov 2021

Kuiz Kempen Kesedaran Kesihatan Mental
11 Dis 2021

Sukan dan Rekreasi

Walaupun industri sukan amat terkesan akibat penularan wabak COVID-19, UMT telah berjaya mengadakan 24 program sukan secara dalam talian melalui beberapa siri webinar sukan yang dikenali sebagai *One Day Sport Webinar (OSWEB)* 2021 bagi melahirkan pelajar yang holistik dan berdaya saing.

Universiti juga telah menganjurkan dua program sukan peringkat kebangsaan iaitu Seminar Pengurusan Sukan (SPS) 2021 pada 6-8 Disember dan UMT 3rd Monsoon Beach Challenge (MBC) 2021 pada 8-12 Disember 2021.

SPS 2021 melibatkan hampir 120 orang peserta dan penceramah jemputan daripada

pelbagai pihak seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN), dan Terengganu Cycling Team (TSG). Majlis Sukan Universiti Awam Malaysia (MASUM) turut membantu dalam penganjuran seminar ini.

Manakala MBC 2021 yang disertai hampir 370 orang peserta telah mempertandingkan tiga acara sukan iaitu bola sepak pantai, bola tampar pantai dan bola jaring pantai. Kejohanan ini mendapat suntikan dana sebanyak RM30,000.00 daripada KPT. Selain itu, KPT juga berhasrat menjadikan UMT sebagai hub dan penyelaras sukan pantai peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT).





Penyertaan Pelajar dalam Kejohanan Sukan

BIL.	KETERANGAN PROGRAM/ AKTIVITI	ACARA/PENCAPAIAN
1.	MOHE Virtual Challenge 16 Ogos-15 Oktober 2021	Larian Virtual (7km) Berbasikal Virtual (7km)
2.	MASUM Virtual Martial Arts Tournament 10-20 September 2021	Karate (Kata Individu) Taekwondo (Pomsae Individu & Speed Kick)
3.	AUSC Virtual Fit Challenge 13-20 September 2021	10 jenis senaman
4.	MASUM Online Chess Tournament 2021 20 September 2021	Catur
5.	MASUM Virtual Orienteering 2021 2-3 Oktober 2021	1 Pingat Emas & 1 Pingat Perak
6.	Masum E-Sports Championship 2021 8-18 Oktober 2021	MLBB Lelaki PUBG Lelaki PUBG Wanita
7.	MASUM Virtual Lawn Bowls Cup 2021 26-26 Oktober 2021	Tempat ke-4
8.	MASUM Virtual Cycling Challenge 2021 6-21 November 2021	-
9.	Kejohanan Bola Keranjang (3 on 3) Terengganu City Night Games 2021 Siri 3/2021 3 Disember 2021	Naib Johan
10.	UMT 3 rd Monsoon Beach Challenge 2021 9-12 Disember 2021	Bola Tampar Pantai: Tempat ke-3, Bola Jaring Pantai: Tempat ke-3 Bola Sepak Pantai: Tempat ke-3
11.	Kejohanan Golf Match Play IPT 2020 20-23 Disember 2021	Tempat ke-4 kategori Plate

BIL.	KETERANGAN PROGRAM/ AKTIVITI	ACARA/PENCAPAIAN
12.	Kejohanan Bola Jaring 5 on 5 Tertutup Terengganu 24-25 Disember 2021	Suku Akhir
13.	Kejohanan Badminton Silang BC 24-25 Disember 2021	Naib Johan

Tahniah
Kategori Individu Wanita
MASUM VIRTUAL ORIENTEERING 2021
Secara atas talian *(Online)* Anjuran
Majlis Sukan Universiti Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP).

EMAS
**Ainul Hidayah
bt Ahmad Rosli**
(Diploma Perikanan)

PERAK
**Anis Nabihah
bt Md Yunos**
(Diploma Perikanan)

**Coach
Shukri**

Permulaan yang cemerlang untuk TEAM ORIENTEERING UMT.
Ribuan terima kasih kepada pengurusan utama universiti yang sentiasa memberikan sokongan sepenuhnya
terhadap pembangunan sukan di UMT.

U N I V E R S I T I M A L A Y S I A T E R E N G G A N U

Pembangunan Sukan Pelayaran

Universiti sentiasa aktif melaksanakan program-program pembudayaan sukan pelayaran bagi melahirkan lebih ramai pelayar muda di Malaysia terutama dalam kalangan pelajar. Bagi merealisasikan usaha ini UMT telah menawarkan subjek Asas Pelayaran, Lanjutan Pelayaran dan Kejurulatihan Pelayaran di samping program pembangunan latihan pelayaran menggunakan

Kapal Layar Foundation F36 (Monsoon Cup Boat) di sekitar muara Sungai Terengganu. UMT juga sentiasa menjalin kerjasama erat dengan pelbagai agensi dan persatuan bagi melaksanakan program pelayaran sama ada di peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Kolaborasi Aktiviti Pelayaran



Asas Pelayaran merupakan buku rujukan yang dihasilkan bagi membantu pelayar baharu dan jurulatih dalam melaksanakan modul latihan asas pelayaran yang lebih sistematik. Buku ini mengandungi sembilan topik utama dan disusun mengikut sukatan pembelajaran setiap tahap (Tahap I-3). Buku ini ditulis dalam bahasa Melayu dan disertakan dengan gambar rajah supaya lebih mudah difahami oleh semua peringkat pembaca,

namun masih mengekalkan terminologi asas pelayaran dalam bahasa Inggeris. Semua topik dalam buku ini diterangkan secara teori dan praktikal. Antara topik utama adalah pengetahuan asas pelayaran dan kelautan, kaedah pemasangan bot, teknik pelayaran, tatacara pemakaian serta peraturan pertandingan.

Borang penilaian dan sijil tahap pencapaian pelayar turut disertakan di bahagian akhir buku ini dengan membahagikan kepada tiga tahap pencapaian. Pelayar yang telah menguasai setiap tahap perlu dinilai dan mendapatkan pengesahan jurulatih untuk memperoleh sijil pengiktirafan tahap pencapaian. Sijil ini juga perlu ditandatangani dan diperakui oleh persatuan atau kelab yang diiktiraf oleh Persatuan Pelayaran Malaysia. Penghasilan buku ini dapat memberi pendedahan kepada semua peringkat pembaca mengenai sukan pelayaran dan secara tidak langsung melayakkan mereka menerima sijil pengiktirafan mengikut tahap pencapaian sekiranya berjaya melengkapkan kesemua kriteria yang ditetapkan.



Penganjuran Program Peringkat Antarabangsa



Raja Muda Selangor International Regatta 2021
10 – 18 Disember 2021



Sesi Pengenalan Pengendalian Kapal Layar Monsoon Cup (F36) – Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
6 Disember 2021



Kejohanan Liga: UMT Terengganu E-Sailing League 2021

- Siri 1 (26-28 Februari 2021)
- Siri 2 (23-25 Julai 2021)
- Siri 3 (16-18 September 2021)
- Siri 4 (24-26 Disember 2021)



Terengganu Monsoon Challenge 2021 (TMC2021)
30 Disember 2021 – 2 Januari 2022



Program Zero to Hero : Sail to Tokyo
6 Julai 2021



Penyeriaan Kursus Kejurulatihan Pelayaran Tahap 1
1-4 Disember 2021

Kebudayaan dan Kesenian

Aktiviti kesenian dan kebudayaan tetap dilaksanakan sama ada secara bersemuka

atau dalam talian. Pada tahun 2021, sebanyak 17 program kebudayaan dan kesenian telah dilaksanakan.

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH
1.	Kalam Seniman Siri I (Tari Tradisional)	17 Februari 2021
2.	Ceritera Seni Budaya	10 Mac 2021
3.	Program Isolasi Siri I	1-18 Mac 2021
4.	Senam Seni dan Wayang Pacak	3 April 2021

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH
5.	Program Isolasi II	Mei – Jun
6.	Slot Merdeka@UMT.fm 'Menjiwai Kemerdekaan, Menghargai Keharmonian	29 Ogos 2021
7.	Konsert Virtual Gempak UMT	30 Oktober 2021
8.	Kalam Seniman Siri II (Legasi Gamelan Melayu)	19 Ogos 2021
9.	Pertandingan Deklamasi Sajak Ambang Merdeka	30 Ogos 2021
10.	Sembang Santai Ambang Merdeka	30 Ogos 2021
11.	Slot Khas UMT.FM 'Sembang Santai Bersama Naib Canselor'	30 Ogos 2021
12.	Cakna Anak Seni (CAS)	1 September 2021
13.	Slot Khas UMT.fm PITAS 'Sejahterakah Terengganu'	13 September 2021
14.	Forum Kemerdekaan: Merdekakah Kita?	15 September 2021
15.	Slot Khas UMT.fm 'Jangan Hanya Cakap, Buktikan'	20 September 2021
16.	Slot Khas UMT.FM 'Peluang Pekerjaan Lulusan Ijazah'	23 September 2021
17.	Konsert Virtual Gempak UMT	30 Oktober 2021

Bagi menzahirkan kecaknaan UMT terhadap penggiat seni yang terkesan akibat pandemik COVID-19, program Cakna Anak Seni (CAS) telah diadakan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha

Kerajaan Negeri Terengganu. Seramai 20 orang anak seni Negeri Terengganu telah dipilih untuk menerima sumbangan berupa barangan keperluan harian dan wang tunai.



Pencapaian dan Kejayaan dalam Kebudayaan dan Kesenian




Pertandingan Dikir Merdeka Manis FM (Secara Online & Solo)

Seorang pelajar UMT telah menjadi johan dalam pertandingan ini iaitu Aina Najiha binti Aizu, pelajar Tahun 3 Program Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)



Pengucapan Puisi Antarabangsa

Berlangsung secara live melalui Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka pada 27 dan 28 Jun 2021 jam 9.00 malam. En. Mohd Shahreezad bin Abd Satad (Pegawai Kebudayaan) telah berkarya dan menjadi salah seorang pemuisi pada malam tersebut



Pertandingan Dendangan Syair Patriotik IPT 2021, UKM

Seorang pelajar Tahun 3 (Program Pengurusan dan Pemuliharaan Biodiversiti) iaitu Nik Nur Syamimi binti Ramli telah mendapat Anugerah Khas Juri

Penerbitan Antologi Cerpen & Sajak COVID-19 'Satu Catatan Alam'

Penerbitan penulisan hasil karya warga UMT yang mengandungi enam cerpen dan 27 sajak dirangkumkan dalam buku tersebut.

Keusahawanan dan Kerjaya

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan juga Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025, UMT telah melaksanakan 36 program peningkatan kemahiran keusahawanan pelajar melibatkan 10,109 orang pelajar bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Antaranya ialah Kolaborasi KPT-MEDAC Program Idea, Product & Commercial (IPROCOM), MyAgrosis Cup 3.0

Peringkat Kebangsaan, Program Usahawan Perantis@TDC, Projek Keusahawanan Sosial@ Urban Community dan Latihan Siswa Commerce@ Asnaf 2.0 Projek CELCOM Siswa Mall.

UMT juga telah menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan dan mencapai kejayaan yang sangat membanggakan.



My Agrosis Cup 3.0

30 Nov 2021

Projek Daun Nangka

TEMPAT PERTAMA



Anugerah Keusahawanan KPT Kategori E- Anugerah Projek Keusahawanan Sosial Terbaik

21 Dis 2021

Cendawan Tiram

FINALIS

National Micro Enterprise Pitching Competition

13 Jun 2021

Projek Kawkopiku


TEMPAT KETIGA (KATEGORI MAKANAN)

KEBOLEHPASARAN GRADUAN (GE)

Pencapaian GE UMT pada tahun 2021 ialah 81.8% melebihi sasaran 75% yang ditetapkan. Pencapaian ini adalah hasil pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah pelajar. Daripada 2,132 responden, seramai 1,743 graduan telah bekerja.

Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah Virtual Career, Entrepreneurship And Skills

Festival 2021, Taklimat Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), Career Talk By PERKESO, How Creating Impactful LinkedIn Profile 2.0, Myfuturejobs X Perkeso, Latihan Intrapreneurship 101 (ETR 101), Bengkel Intensif Bersedia Cari Kerja, I-Talk: Self Marketing, Master of Video Maker Vresume, Career Talk: Start From Here dan How Creating Impactful LinkedIn Profile.





KOLEJ KEDIAMAN SEBAGAI PUSAT PEMBELAJARAN KEDUA

UMT sentiasa berusaha menyediakan persekitaran kampus yang kondusif serta dilengkapi infrastruktur dan infostruktur terbaik. Namun, UMT masih menghadapi kesukaran untuk menempatkan majoriti pelajarannya di kolej kediaman. Sehingga kini hanya 42% daripada keseluruhan pelajar ditempatkan di kolej kediaman. Berdasarkan nisbah yang ditetapkan oleh Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM), UA perlu menyediakan 70% tempat penginapan kepada pelajar. Buat masa sekarang, UMT telah mengambil inisiatif dengan menyewa beberapa buah kediaman berhampiran kampus untuk menempatkan pelajar.

Kolej Kediaman juga memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar cemerlang yang seimbang dari segi intelektual, kepimpinan, fizikal, emosi, sosial dan rohaniah bagi menjadikan mereka lebih kompetitif, inovatif, kreatif, atletik, berbudaya dan boleh menghadapi serta mengatasi cabaran.

Sebanyak 22 program pembangunan pelajar telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun

2021. Antaranya adalah Bimbingan Penulisan Kreatif (Puisi dan Cerpen) DBP-UMT, *Polish Your Marketing Skills 2.0 (Advertisement)*, Webinar Penanda Aras, *Teambuilding* Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) dan Jawatankuasa Pelajar Luar Kampus (JPLK), Bengkel Pemantapan Organisasi JPKK dan JPLK Sesi 2020/2021, Program Kasih Mahasiswa, Kuasai Ilmu Pembentangan dan Pertandingan V-Challenge.



Pengurusan Kemasukan Pelajar Era Pandemi COVID-19

Bagi mengekalkan “gelembung hijau” khususnya di persekitaran kolej kediaman, UMT telah menetapkan Standard Operating Procedure (SOP) bagi mengawal kemasukan pelajar dan pemantauan isolasi mengikut ketetapan Majlis

Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Proses pendaftaran masuk pelajar baharu sesi 2021/2022 ke kolej kediaman telah dijalankan melalui kaedah pandu lalu.



PEMERKASAAN ALUMNI

Pelan Hala Tuju Alumni UMT 2020-2023 (PEHTA 2020-2023) telah menggariskan pelbagai perancangan program yang membolehkan alumni kembali menyumbang kepada universiti serta bersama-sama berganding bahu meningkatkan kecemerlangan universiti. Pelbagai kejayaan telah dicapai pada tahun 2021.

- 858 orang alumni terlibat dalam program anjuran UMT
- 35,874 orang alumni berdaftar
- 26 orang alumni menyumbang kepada Tabung Endowmen
- 35 program mentor mentee dianjurkan
- 49 aktiviti bersama alumni
- 2 aktiviti bersama alumni antarabangsa

Alumni UMT Gah di Konvensyen Alumni Antarabangsa dan Pertandingan Inovasi (INACIX)

INACIX 2021 anjuran UTEM dan UTM telah diadakan pada 20 September 2021 bagi menghimpunkan semua alumni universiti awam di Malaysia yang berada di dalam dan luar negara. Konvensyen ini merupakan platform perkongsian idea, pengalaman dan amalan terbaik alumni dalam memberi sumbangan kepada universiti dan masyarakat.

Pada konvensyen ini, empat orang alumni UMT telah berjaya merangkul dua pingat emas dan satu pingat gangsa.



Program Bersama Alumni Antarabangsa

UMT telah melaksanakan dua program bersama alumni antarabangsa iaitu International Alumni Talks Series 2021 (IAT 2021) bertajuk “UMT Internationalization-Towards Sustaining the Global Employability” dan International Alumni Talk (2nd Series) bertajuk “Post Covid-19: Strategy, Adapt, Respond & Prosper for a Better Tomorrow”.



INTERNATIONAL ALUMNI TALK

UMT INTERNATIONALIZATION - Towards Sustaining the Global Employability

PANELIST

**WELCOMING
SPEECH**

Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Binti Haji Mokhtar
Vice Chancellor
Universiti Malaysia
Terengganu

MODERATOR

Prof. Dato' Dr. Saharuddin Bin Abdul Hamid
Director
Alumni Center
Universiti Malaysia Terengganu
Malaysia
Fisheries Science (1985)

Professor (Dr.) Eng. I. Abdul Majeed Mazzeeth
Professor
Department of Mechanical Engineering
South Eastern University of Sri Lanka
Sri Lanka
Maritime Technology (2011)

Dr. Usman Fikriyeh Abdul Wahid
Head of Department
Department, Agricultural & Food Environmental Engineering
Ramat Polytechnic Maiduguri
Nigeria
Soil Science (2019)

Assoc. Prof. Dr. Sukree Hajisamaila
Dean
Faculty of Science and Technology
Prince of Sangaia University
Tanzania
Fisheries Technology (1996)

*Special
Appearance*

Assoc. Prof. Dr. Ahmad Faisal Mohamad Ayob
Deputy
International Centre
Universiti Malaysia Terengganu

10 January 2020 (Sunday)
1430- 1630hrs (MYT)

ALUMNI CENTRE UMT

INTERNATIONAL ALUMNI TALK

Post Covid-19 : Strategy, Adapt, Respond & Prosper for a Better Tomorrow

PANELIST

MODERATOR

Prof. Dato' Dr. Saharuddin Bin Abdul Hamid
Director
Alumni Center
Universiti Malaysia Terengganu
Malaysia
Fisheries Science (1985)

CO - MODERATOR

Assoc. Prof. Dr. Ahmad Faisal Mohamad Ayob
Director
International Centre
Universiti Malaysia Terengganu

Dr. Bala Mahamoud Hussein AlWadi
CEO - Jordanian Society for
Entrepreneurship - Jordan
Senior Consultant at LEVENBERG
Company - Oman
Management (2020)

Dr. Olawole Olanre Fawehinmi
Lecturer
Fakulti of Business, Economics & Social Development
Universiti Malaysia Terengganu
Nigeria
Management (2021)

Mr. Mohammad Binitang Pamuncak
Lecturer
Tazkia Islamic University College
Bogor
Indonesia
Economy (2019)

Dr. Eid Hamoudah Ahmed Alkhatiba
Business Agent
International Student
Universiti Malaysia Terengganu
Jordan
Applied Linguistic (2020)

11 April 2021 (Sunday)
1430- 1630hrs (MYT)

ALUMNI CENTRE UMT

MYSTAR UMT

Mystar UMT adalah satu sistem merit yang mengukur keaktifan pelajar dalam menyertai program anjuran universiti merangkumi tujuh kategori iaitu kepimpinan, kesukarelawanan, kerohanian, keusahawanan, kerjaya, sukan dan kebudayaan. Sistem ini digunakan untuk merekod, mengemaskini dan mengawal selia aktiviti bukan

akademik yang menjadi pelengkap kepada transkrip akademik. Data daripada sistem ini juga digunakan sebagai salah satu kriteria pencalonan anugerah fakulti, anugerah tokoh siswa dan sebagainya. Pada tahun 2021, sebanyak 132 program direkodkan melalui sistem Mystar UMT melibatkan seramai 21,388 pelajar.



KESIMPULAN

Di sebalik ujian dan cabaran dalam mendepani situasi pandemik COVID-19, agenda pembangunan dan kebajikan pelajar tidak pernah diabaikan. Malah, UMT memberi perhatian tinggi dengan melaksanakan pelbagai inisiatif secara norma baharu demi memastikan kesejahteraan dan kecemerlangan pelajar.

Fakta dan Angka

81.8%

Kebolehpasaran
Graduan

RM658,000

Bantuan kebajikan pelajar

**10 pingat /
2 Anugerah**

Pertandingan Inovasi

24 24

Program
kaunseling
pelajar

Program
sukan dalam
talian

17

Program
kebudayaan

36

Program
keusahawanan
pelajar


35,874

Alumni berdaftar



The background features a close-up of a clownfish with orange and white stripes swimming near a sea anemone. The image is overlaid with several semi-transparent geometric shapes: a large teal triangle on the left, a horizontal brown band across the middle, and a teal horizontal band at the bottom. The text is centered in the lower half of the image.

*Memacu Pemindahan Ilmu
dan Jaringan Industri*



PENGENALAN

Program Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri semakin berkembang selari dengan pemesatan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) di seluruh dunia. Lebih menarik, ia masih meneruskan program inovasi sosial yang mengandungi elemen Sustainable Development Goals (SDG), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030), Dasar Komuniti Negara 2019 dan Dasar Industry4WRD. Program-program yang dilaksanakan adalah bersifat Quintuple Helix (Universiti, Kerajaan, Komuniti, Industri, Kelestarian).

Secara keseluruhannya, sejumlah RM676,091.60 telah diperuntukkan untuk membiayai 76 program pemindahan ilmu dan jaringan industri UMT. Daripada jumlah ini, sebanyak RM594,091.60 dikhususkan untuk program pemindahan ilmu manakala sebanyak RM82,000.00 dikhususkan untuk program jaringan industri.



KATEGORI DANA	SUMBER DANA	JUMLAH DANA	BILANGAN PROJEK
Program Pemindahan Ilmu			
KTAGS	Sumber Dalam Universiti	RM200,000.00	22
Program Pemindahan Ilmu Umum	Sumber Luar UMT	RM370,091.60	39
Yayasan Inovasi Malaysia	MOSTI	RM8,000.00	1
SULAM	Sumber Dalam Universiti	RM16,000.00	10
Jumlah penerima manfaat: 225 komuniti			
Program Jaringan Industri			
PPRN@UMT	Sumber Dalam Universiti	RM82,000.00	4
Jumlah industri terlibat: 4 industri			
Jumlah		RM 676,091.60	76

SOROTAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU

UMT telah memainkan peranan aktif dalam penyebaran ilmu dan teknologi menggunakan kepakaran dalaman bagi membantu komuniti

meningkatkan pendapatan dan taraf hidup. Sebanyak 72 program pemindahan ilmu telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021.

PROJEK BAJA.COM – PENGURUSAN SISA ORGANIK KEPADA TANAH SUBUR

UMT menghakupaya komuniti melalui kepakaran yang ada untuk membangunkan masyarakat setempat berdasarkan pendekatan inovasi sosial. Projek Baja.Com – Pengurusan Sisa Organik kepada Tanah Subur merupakan salah satu projek di bawah dana KTAGS 2021/2022 melibatkan komuniti dalam kalangan pengusaha cendawan di Kampung Tempinis dan kawasan sekitar Besut, Terengganu. Projek yang mendapat kerjasama erat dari Mushroom Hub ini memberi pendedahan tentang cara pengurusan sisa organik yang efektif di samping mempraktikkan

konsep “waste to wealth” dan “circular economy” yang dapat membantu menjana pendapatan tambahan kepada penduduk setempat. Usaha murni ini dapat membantu meningkatkan tahap kesedaran pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan komuniti pengusaha cendawan di samping mempelajari inovasi penghasilan baja berasaskan sisa penanaman cendawan. Projek ini menggabungkan kepakaran dari UMT, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Agensi Nuklear Malaysia.



PROGRAM CAKNA KUALA NERUS – INTERVENSI PSIKOSOSIAL KESEJAHTERAAN MENTAL DAN KEWANGAN PEKERJA DIBERHENTIKAN KERJA AKIBAT COVID-19

Mengambil kira keperluan golongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19, UMT memperkenalkan Program Cakna Kuala Nerus - Intervensi Psikososial Kesejahteraan Mental dan Kewangan Pekerja diberhentikan Kerja Akibat COVID-19. Projek ini memberi tumpuan kepada komuniti yang kehilangan pekerjaan akibat COVID-19 dengan melaksanakan beberapa siri bengkel pemindahan ilmu merangkumi intervensi psikososial, pengurusan kewangan, latihan kemahiran (jahitan,

refleksologi dan bekam, penghasilan pes dan sambal serta gunting rambut), ilmu keusahawanan dan kaedah pemasaran produk dan perkhidmatan terkini serta pendaftaran syarikat. Projek yang mendapat kerjasama erat dari Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera (i-MITS) dan Kolej Komuniti ini telah membantu peserta membina semula kehidupan dan membaik pulih ekonomi diri dan keluarga.



PROGRAM SERVICE LEARNING MALAYSIA-UNIVERSITY FOR SOCIETY (SULAM), UMT

Program Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM) telah memasuki tahun ketiga pelaksanaannya di UMT. Sehingga kini, sebanyak 14 program SULAM telah berjaya dilaksanakan melibatkan semua fakulti. Program SULAM menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti bagi memberi pengalaman

pembelajaran yang progresif mengikut disiplin dengan menyelesaikan permasalahan sebenar yang berlaku dalam komuniti. Berteraskan “Love, Happiness and Mutual Respect”, program SULAM telah berjaya memberikan impak positif kepada pelajar dan komuniti.



PROGRAM SULAM: PEMERKASAAN PEMAKANAN SIHAT DALAM KOMUNITI

Jumlah Dana : RM1,600.00

Program Pemerkasaan Pemakanan Sihat Dalam Komuniti merupakan penerapan elemen SULAM dalam kursus STM3207; Pemakanan Komuniti. Ia bertujuan untuk berkongsi ilmu berkaitan pemakanan kepada komuniti setempat. Pelajar juga turut mengaplikasikan ilmu teori di dalam kelas kepada komuniti bagi meningkatkan kesedaran mengenai pemakanan seimbang dan gaya hidup sihat. Perkhidmatan penilaian tahap status pemakanan semasa kepada komuniti

turut diberikan secara percuma. Pelajar turut menghasilkan video melalui aplikasi You Tube dan sesi webinar melalui aplikasi Webex sepanjang program ini berlangsung. Seramai 120 orang peserta terdiri daripada pelajar dari Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor, Institut Makanan Malaysia (Food Institute of Malaysia), Politeknik Sultan Ahmad Shah, Pahang, PASTEM, UMT dan Kolej Vokasional Tanah Merah, Kelantan terlibat dalam program ini.



SOROTAN PELAKSANAAN PROGRAM JARINGAN INDUSTRI

UMT komited memperkukuhkan hubungan kerjasama antara industri-akademia melalui jalinan kerjasama pelbagai pihak termasuklah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Syarikat Berkepentingan Kerajaan (GLC), Syarikat Multinasional (MNC), Badan Kerajaan dan

Badan Berkanun. Selain itu juga, UMT telah memperkenalkan Dana Dalam PPRN@UMT bagi membantu penyelidik UMT memperkasakan jaringan industri melalui projek yang boleh menyelesaikan permasalahan di industri.

DANA PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK – UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (PPRN@UMT)

Public-Private Research Network - Universiti Malaysia Terengganu atau PPRN@UMT merupakan model kerjasama strategik antara industri dan akademia. Dana PPRN@UMT menggunakan sumber dalaman UMT dan dipadankan dengan sumbangan daripada industri yang berkaitan.

PPRN@UMT adalah inisiatif untuk membangunkan ekosistem inovasi dalam

bidang strategik yang kritikal bagi pertumbuhan ekonomi negara. Penglibatan UMT membantu menyelesaikan masalah pelbagai pihak berkepentingan. Kumpulan sasar bagi projek yang dilaksanakan oleh PPRN@UMT ialah syarikat daripada pelbagai sektor ekonomi dan penyelidik UMT. Berikut adalah senarai penerima Dana PPRN@UMT:

BIL	TAJUK PROJEK	KETUA PROJEK	TEMPOH	RAKAN INDUSTRI	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)
1	Design and Prototype of Lightweight Ready-To-Use Potting Soil/Soilless Media Using Sawmill Dust and Kitchen Waste Compost	Prof. Dr. Fadzilah @ Adibah binti Abdul Majid	1 Tahun	Nabilah Outdoor Zone Services	20,000
2	Development of IR4.0 Integrated Smart Office Management System	Profesor Madya Ts. Dr. Ahmad Shukri bin Mohd Noor	1 Tahun	H TWO A Consultant Services	22,000
3	Crayfish Based Products; Commercial Application in Food Commodity	Prof. Madya Dr. Nurul Ulfah binti Karim	1 Tahun	Alamanda Ventures Sdn. Bhd.	20,000
4	Optimization of Passive Sampler Technique for Tracking COVID-19 Spread Through Wastewater Systems and Microplastics	Prof. Madya Dr. Yusof Shuaib bin Ibrahim	1 Tahun	ALS Technichem (M) Sdn. Bhd.	20,000

PUSAT KECEMERLANGAN INDUSTRI (ICOE) KLUSTER MARITIM

UMT melalui Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) Kluster Maritim telah melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE) yang dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Program ini bakal

melahirkan graduan UMT yang relevan dengan kehendak industri seterusnya meningkatkan peratus Kebolehpasaran Graduan UMT khususnya dalam bidang maritim.

PROGRAM “TOGETHERNESS IN MOVING FORWARD FOR MARITIME GLOBAL COMPETITIVENESS FORUM”

UMT telah bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), dengan sokongan Persatuan Industri Marin Malaysia (AMIM), Lembaga Pelabuhan Klang (PKA), Institut Maritim Malaysia (MIMA) dan Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA) bagi menganjurkan forum secara dalam talian yang bertemakan “Togetherness

in Moving Forward for Maritime Global Competitiveness”. Forum ini adalah manifestasi UMT sebagai universiti berfokus dalam bidang marin dan maritim dengan mengumpulkan pemain industri maritim di seluruh Malaysia. Objektif utama forum ini adalah untuk mengetengahkan idea-idea baru dalam mempertingkatkan industri

maritim negara, membincangkan isu-isu kritikal semasa sektor maritim daripada perspektif industri dan mengemukakan cadangan pewujudan industri maritim yang progresif. Forum yang pertama kali

diadakan melibatkan industri, kerajaan dan ahli akademik ini berjaya menarik lebih 350 peserta seluruh Malaysia.



PELANCARAN BUKU STRENGTHENING GOVERNMENT – UNIVERSITY – INDUSTRY – COMMUNITY COLLABORATION

Pelancaran buku “Strengthening Government – University – Industry – Community Collaboration” telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi pada 3 Oktober 2021. Buku ini merupakan rangkuman polisi dan garis panduan kepada Universiti Awam dalam melaksanakan jaringan kerjasama antara kerajaan, universiti, industri dan komuniti. Buku ini merupakan hasil sentuhan Dr. Riswadi bin Azmi bersama 22 penulis daripada 11 Universiti Awam yang merupakan Felo CEO@ Faculty Programme 2.0 Cycle 3.



MALIM INDUSTRI UMT

Bagi memperkasa hubungan universiti-industri, UMT telah melantik 20 orang tokoh di Malaysia dalam pelbagai bidang sebagai Malim Industri bagi membantu melonjakkan citra UMT di peringkat nasional dan global. Pelantikan Malim Industri penting sebagai penasihat terhadap

hala tuju dan perancangan strategik di antara UMT dengan industri, memberi bimbingan dan khidmat nasihat bagi meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran produk inovasi dan penyelidikan serta membantu memantapkan jaringan industri bersama agensi dan industri.

NO.	MALIM INDUSTRI	JAWATAN/ ORGANISASI	BIDANG KEPAKARAN
1	Dr. Sharoul bin Jambari	Ketua Pegawai Eksekutif Technology Depository Agency Berhad	Maritim
2	Dato' Rozabil bin Abdul Rahman	Group Managing Director Destini Berhad	Perkapalan
3	Dato' Kamarul Redzuan bin Muhamed	Ketua Pegawai Eksekutif Uzma Engineering Sdn. Bhd.	Kejuruteraan
4	Mr. Marco Neelsen	Ketua Pegawai Eksekutif Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.	Pelabuhan
5	Puan Mariatini binti Othman	Naib Presiden Kanan, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Sdn. Bhd.	Pengkomersialan
6	Dr. Harcharan Singh	Naib Presiden Kanan, Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd.	Penyelidikan, Pengkomersialan
7	Puan Nik Fazila binti Nik Mohamed Shihabuddin	Pengarah Urusan Kumpulan, Chemical Company of Malaysia Bhd. (CCM)	Pengkomersialan Produk
8	Encik Wan Nadhri bin Wan Fauzi	Ketua Pegawai Eksekutif Blue Archipelago Berhad.	Industri Akuakultur
9	Dato' Ir. Hj Ahmad Murad bin Omar	Pengerusi Eksekutif Omahams Corporation Sdn. Bhd.	Maritim
10	Datuk Mohamad Idham bin Nawawi	Ketua Pegawai Eksekutif Celcom Axiata Berhad	ICT & Perniagaan
11	Encik Mohamad Faisal bin Abdul Malik	Pengerusi, Capital Wealth Consult Consulting Group	Perakaunan & Perniagaan
12	Dato' Baidzawi bin Che Mat	Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	Pembangunan komuniti
13	Encik Mazlim bin Hussin	Ketua Pegawai Operasi, Kuantan Port Consortium (KPC)	Pelabuhan

NO.	MALIM INDUSTRI	JAWATAN/ ORGANISASI	BIDANG KEPAKARAN
14	Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil bin Mohamad Hani	Ketua Pegawai Eksekutif, Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)	Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan
15	Tuan Haji Mohamad Ghazali bin Muda	Pengerusi, GM Peladang Sdn. Bhd.	Pertanian moden
16	Encik Muhammad Lofty bin Abdul Karim	Ketua Pegawai Eksekutif, PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd.	Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan
17	Capt Sukhbir Singh a/l Gopal Singh	Pengarah, Bahagian Keselamatan Navigasi dan Komunikasi Maritim, Jabatan Laut Malaysia	Maritim
18	Ir. Dr. Nordin bin Ramli	Penyelidik Kanan, Mimos Berhad	Teknologi Maklumat
19	Dato' Capt. Abdul Rahim bin Abd Aziz	Pengarah, Hubungan Pelabuhan, Dialog Group Bhd.	Pelabuhan
20	Dr. Wan Ahmad Rudirman bin Wan Razak	Mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Terengganu Inc.	Pengurusan korporat dalam industri perhotelan, makanan, pertanian, sumber tenaga, petroleum dan kesihatan



UMT/CELCOM PENYERAHAN BANTUAN KEPADA PELAJAR UMT

UMT telah berkolaborasi dengan Celcom Axiata Malaysia yang merupakan Malim Industri UMT bersama-sama Malaysian Relief Agency dalam pelaksanaan program University Social Responsibility (USR) bagi membantu para pelajar yang terkesan akibat COVID-19. Bantuan berbentuk makanan dan kelengkapan kesihatan telah disampaikan kepada 100 orang pelajar UMT pada 12 Julai 2021.



Senarai Rakan Strategik UMT-Industri





PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI (USR)

Program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) menjadi salah satu agenda UMT bagi tujuan membantu komuniti setempat. Melalui program ini, warga UMT berpeluang berkongsi amalan terbaik projek-projek kesukarelawanan dengan masyarakat setempat. Walaupun pandemik

COVID-19 telah merencatkan program dengan komuniti secara bersemuka, UMT telah berjaya melaksanakan 100 program secara dalam talian dan 38 program secara bersemuka dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan.



PENYERAHAN BANTUAN KEPADA KOMUNITI NELAYAN SETIU DAN KUMPULAN WANITA NELAYAN (KUNITA)

Nelayan merupakan antara golongan yang amat terkesan dengan pandemik COVID-19. Justeru, UMT dengan kerjasama Universiti Multimedia (MMU), Kampus Melaka telah melaksanakan program USR dengan penyerahan kit bantuan

berupa jaket keselamatan dan set alat memasak kepada komuniti nelayan Setiu dan KUNITA. Penyerahan bantuan tersebut sedikit sebanyak membantu meringankan beban komuniti dalam menjalani kehidupan seharian.



KESIMPULAN

Pelaksanaan program Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan USR terus memberikan impak kepada kelangsungan UMT sebagai pusat penghubung universiti, industri dan komuniti. Terpalit dengan pandemik Covid-19 yang melanda dunia, UMT melalui PPIJI terus tekad untuk mempergiat aktiviti dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan banyak manfaat dapat dinikmati oleh semua pihak. Kerjasama dan sokongan yang mantap daripada semua pihak di UMT amat ditagih untuk untuk menjana perubahan dan kemajuan bersama dalam melonjak wibawa UMT bersama Komuniti dan Industri.

Fakta dan Angka

RM594,091.60

Dana Pemindahan Ilmu

RM82,000.00

Dana PPRN@UMT

20

Majlis Industri



An underwater photograph of a coral reef. In the foreground, a large, textured coral structure is visible. Below it, a yellow and white striped fish swims horizontally. To the right, a blue and white striped fish is partially visible. The background is dark and out of focus. Overlaid on the image are several semi-transparent geometric shapes: a large teal triangle on the left, a horizontal brown band across the middle, and a teal horizontal band at the bottom. The text 'Keterlihatan Global' is written in a white, cursive font across the lower part of the image, overlapping the fish and the teal band.

Keterlihatan Global



PENGENALAN

Sejajar dengan visi untuk menjadi universiti berfokus marin disegani global, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan agar UMT sentiasa terserlah di persada antarabangsa. Antaranya adalah meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa, memperkukuh jaringan kerjasama antarabangsa serta melaksanakan program-program berimpak tinggi bertaraf antarabangsa.




Pelajar Antarabangsa

Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa UMT pada tahun 2021 adalah seramai 591 orang yang terdiri daripada 32 orang pelajar prasiswazah dan 559 orang pelajar pascasiswazah. Bilangan ini meningkat sebanyak 21% atau 104 orang berbanding tahun sebelumnya. Antara strategi

yang telah dilaksanakan dalam meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa adalah mewujudkan insentif trial agent, student get student dan lecturer get student.



Enrolmen pelajar antarabangsa prasiswazah bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:-



Jaringan Antarabangsa

Dalam usaha memperluaskan jaringan kerjasama antarabangsa, UMT secara keseluruhannya telah merekodkan sebanyak 98 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian

(MoA) yang merangkumi 75 MoU dan 23 MoA. Pada tahun 2021 sahaja, sebanyak 22 MoU/MoA baharu telah dimenterai melibatkan 11 negara.




Program Mobiliti Pelajar

Program mobiliti merupakan antara inisiatif pengantarabangsaaan yang aktif dilaksanakan dalam usaha memperkukuh dan memperluaskan jaringan antarabangsa. Dalam keterbatasan menghadapi pandemik COVID-19, program mobiliti masih terus dilaksanakan sama ada secara bersemuka atau dalam talian.

Sebanyak 66 program mobiliti yang terdiri daripada 45 program mobiliti outbound dan 21 program mobiliti inbound telah dilaksanakan pada tahun 2021, meningkat sebanyak 78% berbanding tahun 2020. Program ini disertai seramai 200 orang pelajar pelbagai negara.

Jadual 1: Pelaksanaan Program Mobiliti




Program Berimpak Tinggi Antarabangsa

Penglibatan UMT dalam program berimpak tinggi bersama institusi luar negara terus dipergiatkan pada tahun 2021. UMT telah terlibat dan menjayakan sebanyak 379 berimpak tinggi yang

merangkumi 56 negara di dunia. Lima negara yang merekodkan bilangan aktiviti tertinggi bersama UMT adalah Indonesia, China, India, Singapura dan Jepun.

Rajah 5: Bilangan program berimpak tinggi mengikut negara bagi tahun 2021



Universiti Malaysia Terengganu Annual Symposium (UMTAS) 2021

UMTAS 2021 bertemakan "Acculturating Sustainable Research in Pandemic Paradigms" telah diadakan pada 23-25 November 2021 secara hibrid dengan penyertaan daripada 147 pembentang daripada dalam dan luar negara.



International Postgraduate Conference on Ocean Engineering Technology and Informatics 2021 (IPCOETI 2021)

Persidangan 1st International Postgraduate Conference on Ocean Engineering Technology and Informatics 2021 (IPCOETI 2021) telah diadakan pada 21-22 Jun 2021 secara maya. Bertemakan

"Shaping the Future Thinker", persidangan ini telah menarik penyertaan dari dalam dan luar negara khususnya dalam bidang teknologi kejuruteraan lautan dan informatik.



IPCOETI 2021

1st INTERNATIONAL POSTGRADUATE CONFERENCE ON
**OCEAN ENGINEERING
TECHNOLOGY & INFORMATICS**
21-22 JUNE 2021
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
VIRTUAL CONFERENCE

Call For Papers

The 1st International Postgraduate Conference on Ocean Engineering Technology and Informatics 2021 (IPCOETI 2021) is organised by Faculty of Ocean Engineering Technology and Informatics, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). The conference intended to provide a forum of discussion, sharing and dissemination of ideas and research findings among young researchers, especially postgraduate students in the fields that related to the topics of interests.

'SHAPING THE FUTURE THINKER'

TOPICS OF INTEREST

- A. Coastal and Ocean Engineering
- B. Maritime and Naval Technology
- C. Underwater Technology
- D. Automatic Control of Marine System
- E. Engineering Mathematics
- F. Emerging Energy Technologies
- G. Renewable Energy
- H. Environmental Technology and Sustainability
- I. Material and manufacturing technologies
- J. Software Engineering
- K. Intelligent Systems
- L. Any topic that is related to Ocean Engineering and Informatics.

IMPORTANT DATES

Abstract submission	: 15 Feb 2021
Acceptance Notification	: 28 Feb 2021
Camera Ready Abstract	: 30 Apr 2021
Registration & Payment	: 15 May 2021
Due Full paper Submission	: 30 May 2021
Conference	: 21-22 June 2021

The accepted full paper will be published in IOP Conference Series: Materials Science and Engineering (Scopus Indexed conference proceeding)

KEYNOTE SPEAKERS


**Professor Datuk
Ta. Dr. Aziz Deraman**
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)


**Professor Dr. Eng.
Petrica Vicarsone**
University of the Pacific


**Professor Alwan
Rukmanullo**
National University of Malaysia (UKM)


**Professor
Syarif Bakhti**
Universitas Muhammadiyah Semarang


**Prof. Dr. Mohd Nordin
bin Abdul Rahman**
Universiti Sultan Fajri, Johor Bahru (USF)


**Assoc. Prof. Dr.
Surotjo**
Sebelas Maret University (STEL) SURABAYA


**Assoc. Prof. Dr.
Hamdan Danyal**
Universiti Malaysia Perlis (UNMPP)


**Dr. Zanira
Yahya**
Universiti Malaysia Perlis (UNMPP)


**Mr. Zamzam Tash
Ahmed Ramly**
Universiti Sultan Fajri, Johor Bahru (USF)

FEES

RM400
Student / Local Participant

USD150
Student/ International Participant

CONTACT US

SECRETARIAT IPCOETI2021
FACULTY OF OCEAN ENGINEERING TECHNOLOGY AND INFORMATICS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
09-6683977 / 3220 / 3374
ipcoetiftkkl@umt.edu.my



International Postgraduate Conference on Science and Marine Environment (IPCoSME21)

1st International Postgraduate Conference on Science and Marine Environment (IPCoSME21) dengan tema "Environmental Sustainability Enhances Through the Collaboration of Sciences" telah berjaya dilaksanakan pada 17 Oktober 2021. Persidangan ini telah dianjurkan dengan

kolaborasi Marin and Coastal Resources Institute (MACORIN), Prince of Songkla University, Thailand. Seramai 158 orang peserta telah mengikuti 43 pembentangan perkongsian pengalaman dan dapatan penyelidikan oleh pelajar pascasiswazah daripada kedua-dua universiti.

1st IPCoSME
**INTERNATIONAL POSTGRADUATE
CONFERENCE ON SCIENCE AND MARINE
ENVIRONMENT 2021**

Theme
**Environment Sustainability Enhancement
Through The Collaboration of Science**

17 OCTOBER 2021 (Sunday)
Malaysia 0900-1800
Thailand 0800-1700

webex
by CISCO

PLENARY SPEAKERS

Asst. Prof. Dr. Ponlachart Chotikarn
Micrometeorology, Computer Modelling, Artificial Intelligence, Data Science, Internet of Things

Assoc. Prof. Ts. Dr. Vigneswary Sevakumaran
Microbiology and Nano-Biotechnology (Biological Science)

Seminar Antarabangsa Masyarakat Madani Alaf 21 (MADANI 2021)

Seminar Antarabangsa Masyarakat Madani Alaf 21 (MADANI 2021) telah diadakan pada 28-29 Disember 2021 dengan tema 'Kesejahteraan Masyarakat Teras Kelestarian'. Seminar tahunan kali ketiga ini melibatkan tiga sesi ucapnama oleh Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad bin Merican, International Islamic University Malaysia, Prof. Emeritus Dr. Yasin Dutton, Oxford Centre for Islamic Studies dan Prof. Dr. Yusny Saby, Universitas Islam Negeri Ar Raniry, Banda Aceh serta satu sesi pidato khas oleh Dato' Dr. Ahmad Ramzi bin Mohamad Zubir, PlanetMahir Sdn. Bhd.

Mādāni 2020
2ND INTERNATIONAL SEMINAR
ON MADANI SOCIETY 2020

Theme: Madani Society For A Prosperous Nation

1ST - 2ND DECEMBER 2020 | UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SUB-THEME : * Science And Technology * Education And Human Capital * Language, Culture And Heritage * Economics And Social Development *

IMPORTANT DATES

Submission Of Abstract : 30th September 2020
Submission Of Full Paper Deadline : 15th November 2020
Last Date Of Payment : 15th November 2020
Conference Date : 1st – 2nd December 2020

FEES

LOCAL INTERNATIONAL



International Conference in Science, Technology, Engineering and Mathematics (ICSTEM) 2021

UMT telah menganjurkan ICSTEM 2021 dengan tema "Integration and Implementation of STEM Education" pada 13-14 September 2021. Seminar kali ketiga ini dilaksanakan secara dalam talian dengan Kerjasama Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, (EPRD) Kementerian Pendidikan Malaysia. Seramai 794 peserta daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi telah terlibat dalam pembentangan lisan dan poster mengikut tema pedagogi, E-pembelajaran, penilaian, teknologi digital, amalan terbaik, kurikulum dan lain-lain. Sesi uaputama disempurnakan oleh dua saintis tersohor dalam bidang STEM iaitu Prof. Manabu Sumida dari Ehime University, Jepun dan Prof. Valarie L. Akerson dari Science Education Indiana University, United States.



KESIMPULAN

Pelbagai program dan aktiviti yang telah dilaksanakan memperlihatkan kesungguhan UMT dalam meletakkan UMT seiring dengan universiti-universiti terkemuka serta mampu bersaing di peringkat global. Jaringan kerjasama strategik antarabangsa, program-program berimpak tinggi serta penyelidikan bertaraf antarabangsa membantu UMT untuk terus cemerlang dan ini terbukti dengan pelbagai pengiktirafan yang telah diterima di peringkat global.

Fakta dan Angka

21%

Peningkatan
Enrolmen
Pelajar
Antarabangsa

98


Rakan
Kerjasama
Strategik
Antarabangsa

258

Program
berimpak
tinggi bersama
Rakan Strategik
Antarabangsa


66

Program
Mobiliti
Pelajar



The background features a school of fish, possibly snappers, swimming in clear blue water. The fish have silvery bodies with a prominent golden-brown lateral stripe. The image is overlaid with several semi-transparent geometric shapes: a large teal triangle on the left, a horizontal teal bar across the middle, and a horizontal blue bar at the bottom. A thin yellow line runs horizontally across the middle of the image, passing behind the teal bar.

Pemantapan Citra



PENGENALAN

Tahun 2021 melakar sejarah manis buat UMT melalui pencapaian dan kecemerlangan yang signifikan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Kejayaan ini telah membuktikan UMT berada pada landasan yang kukuh, setanding dengan universiti-universiti terkemuka lain.

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

Melalui sistem penarafan universiti yang diperkenalkan, UMT dari semasa ke semasa berjaya melonjak kedudukannya di dalam kelompok universiti terbaik negara mahupun di peringkat dunia dalam bidang tujuh Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik.

i. Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE)

Di peringkat Kebangsaan, UMT kini mempunyai dua HICoE dalam bidang tujuh. Terkini Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) dalam bidang Future Food – Sustainable Shellfish Aquaculture yang baharu menerima pengiktirafan sebagai HICoE pada akhir tahun 2020. Manakala Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) dalam bidang Sains Marin yang telah mendapat pengiktirafan sebagai HICoE pada tahun 2012.

ii. THE World University Rankings

Di peringkat antarabangsa pula, UMT telah tersenarai dalam THE World University Rankings 2021 pada kedudukan 1,201+. Selain itu, UMT juga berjaya mendapat penarafan THE World University

Melalui komitmen berterusan daripada warga, UMT telah mengecapi pelbagai kejayaan seiring dengan visi menjadikan UMT sebagai Universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global.

Rankings 2022 dalam beberapa subjek iaitu Business and Economics (tangga 501-600), Social Sciences (tangga 601+), Engineering (tangga 601-800), Life Sciences (tangga 801+) dan Physical Sciences (tangga 801-1000).

Penyertaan UMT dalam penilaian dan penarafan global THE Times Higher Education Impact Rankings juga membuahkan hasil yang membanggakan apabila UMT berada pada kedudukan 401-600 di antara 1,115 institusi yang dinilai merangkumi 94 buah negara.

iii. QS World University Ranking

Buat julung kalinya UMT tersenarai dalam QS World University Rankings pada kedudukan 1,001-1,200. Selain itu, UMT juga berjaya melonjakkan kedudukannya dalam QS Asia University Ranking 2022 dari tangga 195 ke 167. Peningkatan 28 anak tangga ini membuktikan kesungguhan UMT dalam menitikberatkan kualiti sistem akademik, penyelidikan dan pentadbiran. Pencapaian ini merupakan yang tertinggi bagi UMT sekali gus meletakkannya dalam senarai "Top 200" universiti terbaik di Asia.

iv. UI Greenmetric


UMT terus mengorak langkah dalam usaha membangunkan sebuah kampus lestari sejajar dengan kerangka PSUMT 2018-2023. Terkini, kampus UMT berjaya melonjak sebanyak 134 anak tangga di kedudukan 204 daripada 956 institusi dalam penarafan UI Greenmetric 2021.

Kejayaan ini adalah hasil kerjasama dan aspirasi warga dalam memastikan UMT kekal sebagai sebuah kampus lestari.

v. Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam (MyMohes)

UMT menerima pengiktirafan lima bintang dalam penarafan Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam (MyMohes) bagi tahun 2021 dan merupakan antara tiga universiti awam yang mendapat skor 100% dalam kalangan 20 institusi pengajian tinggi dalam negara.


MyMohes yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) bertujuan untuk menilai tahap kesediaan institusi pengajian tinggi bagi sistem penyaluran maklumat, simpanan data pelajar, staf dan penyelidikan.



KETERLIHATAN UMT MELALUI PLATFORM DIGITAL

Tidak dinafikan bahawa media baharu seperti Facebook, Instagram, Twitter, Telegram, TikTok dan juga YouTube mempunyai pengaruh besar kepada masyarakat.

Seiring dengan perkembangan tersebut, UMT turut memperkasakan platform digital dengan mempelbagaikan platform media sosial bagi mempromosikan UMT seterusnya meningkatkan citra dan keterlihatan UMT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Publisiti UMT di Media Massa

Kerjasama strategik antara UMT dan pihak media amat penting dalam menyohorkan UMT di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Publisiti dan liputan pihak media memberi implikasi besar dalam meningkatkan citra, imej dan reputasi UMT.

Sepanjang tahun 2021 sebanyak 614 liputan telah disiarkan melalui media massa sama ada media cetak, elektronik dan dalam talian. Manakala nilai Advertising Sales Rate (ASR) adalah sebanyak RM6,261,367.78.

Pemeteraian Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian

Dalam usaha memperkasakan kolaborasi akademik dan penyelidikan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa, UMT telah menggiatkan usaha jaringan kerjasama dengan agensi-agensi yang berpotensi untuk melonjakkan keupayaan UMT dalam bidang tujahan dan

bidang-bidang lain yang menyokong aspirasi, misi dan visi UMT.

Pada tahun 2021 UMT telah memeterai 22 MoU/MoA dengan agensi antarabangsa manakala 21 MoU/MoA dengan agensi dalam negara.

MoU

- Scotland's Rural College, Scotland
- Association Of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Binus University, Indonesia
- Can Tho University, Vietnam
- Kasetsart University, Thailand
- Mizoram University, India
- National University of Uzbekistan
- Solent University, United Kingdom
- Universitas Diponegoro, Indonesia
- Universitas Jember, Indonesia
- Universitas Muhammadiyah Tasikmalaya, Indonesia
- Universitas Negeri Malang, Indonesia
- Universitas Pamulang, Indonesia
- University of Saskatchewan, Kanada

MoU/MoA Luar Negara



MoA

- National Kaohsiung University of Science and Technology, Taiwan
- Qatar University, Qatar
- Universitas Diponegoro, Indonesia
- IPB University, Indonesia
- Mahasarakham University, Thailand
- WattTime, Amerika Syarikat
- Universitas Hasanuddin, Indonesia
- Virbac Vietnam Co., Ltd

MoU

- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah)
- Malaysian Maritime Academy Sdn. Bhd. (Mmasb)
- Malaysia Tourism Promotion Board (Tourism Malaysia)
- Pusat Pembangunan Sumber Manusia Terengganu
- Sealestial Marine Seaferer Training Centre Sdn. Bhd.
- Sina Resources Sdn. Bhd.

MoU/MoA Dalam Negara



MoA

- Alltech Biotechnology Malaysia Sdn. Bhd.
- KMT Food and Manufacturing Sdn. Bhd.
- Als Technichem (M) Sdn. Bhd
- Harry Cheah & Ippm Management (Ippm)
- Kasut U
- Konsortium Koperasi Komoditi Ukhwah Berhad
- Universiti Kebangsaan Malaysia, Rivers State University Dan AISMS College of Engineering Pune
- Sime Darby Plantation Research Sdn. Bhd.
- Sime Darby Plantation Research Sdn. Bhd. TDM Plantation Sdn. Bhd.
- Teraju Bumiputera Corporation
- Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)





PEMANTAPAN CITRA MELALUI PROGRAM BERIMPAK TINGGI

Naib Canselor UMT sebagai pembentang jemputan oleh Parlimen Malaysia sempena Forum Kebangsaan Perubahan Iklim

Naib Canselor UMT, Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar telah dijemput ke Parlimen Malaysia bagi membentangkan isu berkaitan perubahan iklim dalam "Forum Road to COP-26: How Climate Change Impacts Poverty?" pada 7 Oktober 2021. Dalam forum tersebut, UMT telah menyatakan

kesediaan untuk mengetuai penyelidikan berimpak tinggi dalam persekitaran akuatik Malaysia melalui penubuhan Climate Change Adaption Laboratory. Hasil dapatan penyelidikan ini bakal memanfaatkan masyarakat dan negara khususnya dalam menangani isu perubahan iklim.



Penganjuran Forum Maritim Kebangsaan

UMT Menjadi Hos Kali Kedua "The Malaysia Launch of The Lancet Countdown Report 2021"

UMT melalui AKUATROP telah diberi penghormatan sebagai hos "The Malaysia Launch of the 2021 Report of the Lancet Countdown 2021 on Health and Climate Change". Ini merupakan tahun kedua penglibatan UMT sebagai salah sebuah daripada 43 institusi akademik dan agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di seluruh dunia yang berkolaborasi dalam penganjuran ini.

Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad pada 22 November 2021. Antara penyampai ucap tama ialah Naib Canselor UMT,

Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar, Ketua Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air Malaysia, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ahli Lembaga Pengarah The Lancet Countdown, Profesor Dr. Elizabeth Robinson, dan Mr. Mark Stevenson, Pengarang dan Penasihat Kementerian Pertahanan United Kingdom mengenai keamanan, keselamatan dan perubahan iklim.

The Lancet ialah sebuah jurnal berimpak tinggi dengan nilai Impact Factor 79.32. Penerbitan UMT dalam The Lancet ini telah meningkatkan jumlah sitasi penerbitan UMT di peringkat antarabangsa.



UMT-OUC (CHINA) Webinar on Marine Studies: Climate Change Adaptation & Marine Biotechnology Series 2021

Pada 16 Disember 2021, UMT bersama Ocean University of China (OUC) telah menganjurkan Webinar on Marine Studies: Climate Change Adaptation & Marine Biotechnology Series 2021. Webinar ini mengupas isu-isu berkaitan perubahan cuaca dan bioteknologi marin yang sedang berlaku dan bagaimana ia berinteraksi dalam medium yang berbeza. UMT melalui Institut Bioteknologi Marin (IMB) secara aktif telah menjalinkan Memorandum Perjanjian (MoA) bersama OUC sejak dari tahun 2016.

UMT **MINISTRY OF HIGHER EDUCATION** **OUC**

UMT-OUC Webinar on Marine Studies:
Climate Change Adaptation & Marine Biotechnology
16 December 2021

Prof. Dr. Yu Zhi-Gang
President, OUC

Prof. Dr. Mazlan Bin Abd Ghaffar
Vice Chancellor, UMT

SPEAKERS

- Climate Change & Adaptation: Chemical**
Prof. Dr. Zhang Yu-Zhong
College of Marine Life Sciences, OUC
Assoc. Prof. Chm. Dr. Poh Seng Chee
Faculty of Science and Marine Environment, UMT
- Climate Change & Adaptation: Physical**
Prof. Ts. Dr. Mohd Fadil Mohd Akhir
Institute of Oceanography and Environment, UMT
Prof. Dr. Chen Xian-Yao
Key Laboratory of Physical Oceanography, OUC
- Climate Change & Adaptation: Biological**
Dr. Mohamad Nor Azra
Institute of Marine Biotechnology, UMT
Prof. Dr. Chi Zhen-Ming
College of Marine Life Sciences, OUC
- Marine Biotechnology**
Assoc. Prof. Dr. Tan Chun Hong
Faculty of Science and Marine Environment, UMT
Prof. Dr. Hu Xiao-Li
College of Marine Life Sciences, OUC

JOIN US Online webex

<https://umt.webex.com/umt/onstage/g.php?MTID=eda6f431a82c68cbf1611f56ab55f0848>
Event number: 2511 920 9698
Event password: Ag3SM8hRra3

For More Information, Please Contact:
Dr. Mok Wen Jye
mok.jye@umt.edu.my

Facebook
Institute of Marine Biotechnology UMT

Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT Pulau Bidong dipilih Sebagai ASEAN Underwater Mini Landmark (AUMIL) Yang Pertama

Kekuatan nic UMT dalam bidang ilmu kelautan terbukti apabila Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT Pulau Bidong dipilih sebagai The 1st ASEAN Underwater Mini Landmark (AUMIL) oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). UMT juga diberi kepercayaan untuk menganjurkan ASEAN Seminar on Preservation Protection of the Underwater Cultural Heritage dalam usaha memperkasakan pelancongan berasaskan pendidikan di Negeri Terengganu.



WOW 2021 – 7 CHAPTERS OF B.O.O.K

World Oceans Week (WOW) merupakan program tahunan UMT yang dianjurkan bersempena Hari Lautan Sedunia yang disambut pada 8 Jun setiap tahun di seluruh dunia. Berikutan Pandemik COVID-19, sambutan WOW 2021 telah dilaksanakan secara dalam talian. Program peringkat antarabangsa ini berjaya menarik penyertaan seramai lebih daripada 2,000 orang pelajar serta komuniti seluruh negara dan negara luar seperti United Kingdom, Australia, Indonesia, dan Brunei.

WOW 2021 kali ini cukup berbeza dengan penyampaian berkonsepkan narasi literasi kelautan dalam bentuk 7 Chapters of B.O.O.K (Beauty of Oceans Knowledge). Pelbagai aspek

ilmu kelautan disampaikan secara unik melalui bahan media yang dihasilkan sendiri oleh pensyarah dan pelajar UMT dalam bentuk video pendek, TikTok, poster infografik dan bahan ilmiah yang menghiburkan bermula pada 8 hingga 14 Jun 2021. Kuiz harian dan pertandingan Kuiz BOOK WOW peringkat antarabangsa menjadi acara kemuncak program ini. Kemunculan beberapa watak Animoji sebagai penglipur lara sepanjang tujuh hari BOOK WOW menambahkan keceriaan program. Antara watak Animoji yang dicipta dan dilakonkan sendiri oleh pensyarah UMT ialah watak Cik Cu serta watak Abu Fateh serta beberapa watak animoji ciptaan pelajar UMT sendiri.



Makmal Penyu UMT Pulau Redang Menjadi Tarikan Pengunjung

Pada 1 November 2021, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri bersama Pengurusan Tertinggi MOTAC telah melawat dan mendengar taklimat berkaitan produk inovasi sosial UMT iaitu SEATRU Turtle Lab. Makmal Penyu ini adalah cetusan idea hasil kerjasama erat antara Unit Penyelidikan Penyu UMT (SEATRU) bersama pihak Berjaya Corporation Berhad yang terjalin sejak tahun 1993. Makmal yang berdingding kaca sepenuhnya ini merupakan inovasi sosial berkonsepkan pelancongan berasaskan pendidikan yang terletak di lobi hotel The Taaras Beach & Spa di Pulau Redang. Makmal ini telah beroperasi sejak tahun 2018 dan merupakan

salah satu inisiatif UMT dalam memperkasakan kempen pemeliharaan dan pemuliharaan spesies penyu dalam kalangan penduduk setempat dan pelancong. Sehingga tahun 2021, lebih daripada 5,700 orang pelancong daripada 36 buah negara telah mengunjungi makmal ini.

Makmal Penyu UMT merupakan makmal pertama dan satu-satunya di Malaysia yang menggunakan konsep makmal terbuka untuk penyelidikan penyu. Lebih mengujakan, inovasi sosial ini telah berjaya memenangi pingat emas dan Anugerah Khas Juri semasa Minggu Penyelidikan dan Inovasi 2019.



Pelancaran UN-Ocean Decade@UMT

Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengisytiharkan tahun 2021 hingga 2030 sebagai United Nations Decade of Ocean Science for Sustainable Development – the “Ocean Decade”.

Program anjuran bersama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan UNESCO ini disambut di seluruh negara bermula Mac hingga April 2021 bagi menonjolkan peranan dan sokongan kerajaan terhadap kempen UN-Ocean Decade serta penglibatan UMT dalam menyokong agenda SDG-14 Life Below Water.

Pelancaran UN Decade of Ocean Science@UMT yang diadakan pada 25 Mac 2021 secara interaktif telah berjaya menarik penyertaan lebih 1,000 pelajar dari seluruh Malaysia. Para peserta diberikan pendedahan berkaitan kepentingan lautan melalui pelbagai aktiviti seperti kuiz KAHOOT, perkongsian pendek pengalaman daripada para saintis UMT, sesi syarahan oleh para saintis lautan terkemuka dunia, sesi literasi kelautan bersama aktivitis sosial pencinta laut dan sebagainya. Acara ini adalah sebahagian daripada usaha UMT untuk mempromosikan literasi lautan dalam kalangan masyarakat.

United Nations Decade of Ocean Science @ UMT

“Ocean Future - The Science We Need For The Ocean We Want”

25 MARCH 2021
9.00 am- 5.00 pm (MYT+8GMT)

LIVE STREAMING
@officialfssm @inosumt

Cisco Webex

WEBEX LINK
Meeting number: 184 359 9164
Password: MyOcean2021

United Nations Decade of Ocean Science @ UMT

PUBLIC LECTURE

25 MARCH 2021
2:30 pm - 3:50 pm (MYT+8GMT)

Speakers:
Speaker 1: Dr. Arvid Salomon, Head, Ocean Science, IOC, UNESCO
Speaker 2: Prof. Dr. Fengli Qiao, Vice Chairman, IOC, WESTPAC, First Institute of Oceanography (FIO), China
Title: Delivering Ocean Science Service for Ecosystem and Humanity

LIVE STREAMING
@officialfssm @inosumt

United Nations Decade of Ocean Science @ UMT

MORNING SESSION:
“OCEAN LITERACY - SECURING THE FUTURE THROUGH EDUCATION”

25 MARCH 2021
11:30 am - 1:00 pm (MYT+8GMT)

Speakers:
Khairun Nisa Zabidi, Lead for Malaysia & First British High Commission, Kuala Lumpur
Mohd Nizam Basiron, Head of National Resource Management, Petrosains (GSC)
Ridhima Pandey, Youth Climate Justice, India

LIVE STREAMING
@officialfssm @inosumt



Local varsities on global eco-friendly list

A total of 912 universities from 84 countries were involved in the exercise

UNIVERSITY Malaysia (UM) has been listed as the world's 32nd best university for campus sustainability.

Based on a ranking initiative launched by Universitas Indonesia in 2010 to highlight the importance of creating green, climate change, energy and water conservation, waste recycling, and green transportation, the 12 Greenpeace World University Ranking 2020 (GWRU) involved 912 universities from 84 countries.

The latest ranking was released last month.

In a Facebook post, UM expressed its delight as it jumped

new places higher than its rank in the previous year. UM has consistently proven its campus sustainability credibility by being the 8th most sustainable university in the Asian region.

According to the report, UM is placed within the top 10.7% with a self-recognition performance.

"Our appreciation goes to all members of the OSCA Coordination Committee and the UM Living Labs team under the patronage of UM Sustainability & Living Labs Secretariat for their unwavering support."


"The strong and continuous support has contributed significantly to the university's achievement throughout these remarkable years," it said.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) was in the 32nd position for campus sustainability.

In a WhatsApp chat, Prof. Dr. Wan Yusoff Wan Yusoff, UMT's Vice-Chancellor, said the university scored up 451 spots from the previous year.

"Congratulations and thank you to all the staff and students for their hard work, commitment and support in making UMT a green campus."

Prof. Dr. Wan Yusoff said the university's success was a testament to the university's commitment to sustainability and environmental stewardship.



Pensyarah UMT hasil produk tenaga guna roti lebah

Kuala Nerus: Roti lebah daripada lebah lebah yang sedang aktif di bangkang, kini diwujudkan menjadi bahan utama dalam penghasilan roti lebah yang dihasilkan oleh pensyarah UMT.

Prof. Dr. Wan Yusoff Wan Yusoff, UMT's Vice-Chancellor, said the university's success was a testament to the university's commitment to sustainability and environmental stewardship.

"The strong and continuous support has contributed significantly to the university's achievement throughout these remarkable years," it said.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) was in the 32nd position for campus sustainability.

In a WhatsApp chat, Prof. Dr. Wan Yusoff Wan Yusoff, UMT's Vice-Chancellor, said the university scored up 451 spots from the previous year.

"Congratulations and thank you to all the staff and students for their hard work, commitment and support in making UMT a green campus."

Prof. Dr. Wan Yusoff said the university's success was a testament to the university's commitment to sustainability and environmental stewardship.





Leatherback turtle sighted in Pulau Redang waters

KUALA TERENGGANU: The discovery of a leatherback turtle in the waters off Pulau Redang three days ago is an indication that conservation programmes conducted in Terengganu are successful.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Oceanography and Environment Institute Research Laboratory head Dr Mohd Uzair Rusli said the turtle was discovered by a fisherman near Pulau Lima in Pulau Redang.

"The fisherman, Raja Aizat Raja Abdullah, informed me that the leatherback surfaced briefly, but its gender could not be identified as it seemed too wild to approach.

"In his shock and excitement, he did not to record any video or photo, but based on his description, it definitely is a leatherback," he said yesterday.

For the record, leatherback landings have never been reported in

Pulau Redang, and they were last detected landing in Terengganu in 2017, at Rantau Abang, Dungun.

He said, however, inspection of eggs from two leatherback turtle nests which failed to hatch found the eggs were not fertilised.

The discovery also indicated that the number of male leatherbacks was at a very critical level.

He hoped authorities would monitor fishermen more closely as there were concerns that unregulated fishing activities would result in turtle deaths.

"Once the turtle enters our waters, it will remain here for two to three months to lay eggs, so monitoring during this critical period is very important.

"The same goes for the stretch of beach in Rantau Abang, where there should not be any disturbances that can disrupt turtle landings," Mohd Uzair said. — Bernama



PEOPLE | SUCCESS | LIFESTYLE

BUSINESSTODAY

Pharmaniaga's Amia Kelulut Honey

To Tap On The Sizeable And Growing Honey Market

pharmaniaga

Not your typical honey, Amia Kelulut (Amia) honey is a natural product distributed and marketed by Pharmaniaga Industry Sdn Bhd, a wholly-owned subsidiary of Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga). Made from 100% natural Kelulut honey, Amia undoubtedly has its own benefits, including its ability to improve energy level, anti-aging and wound healing amongst other health properties.

According to "Honey - Global Market Trajectory & Analytics" research by Global Industry Analysts, Inc., it is forecasted on opportunities and challenges in a significantly transformed post-COVID-19 that the global market for honey is estimated at US\$6.6 to (RM95.4) in the year 2020, and it is projected to reach a revised size of US\$10.3 by the year 2028, with a compound annual growth rate (CAGR) of 3.8% over the analysis period. In Malaysia, Kelulut honey has achieved RM13.6 million currently, and it has massive potential to reach as high as RM17.2 million, according to Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Business, Economics and Social Development Faculty Lecturer Prof Dr Nur Azzura Samad.

As a leading pharmaceutical company in Malaysia, Pharmaniaga places high importance on the quality and safety of all its products through stringent quality control and assurance process.

The utmost priority is the quality of the product as most consumers have a major concern on the purity of honey purchased and consumed. Hence, we are stringent in terms of quality

control procedures. We also invest in digital and marketing advertising to emphasise Amia's quality with a tagline of #madatransparansi," he said.

In a nutshell, Kelulut honey is produced by a rare stingless bee species in tropical regions across the globe, including one located in Bukit Larut, Terengganu, where Amia's site was carefully selected to ensure its purity to produce and pure.

In April this year, Pharmaniaga has established an exclusive collaboration with UMT to commercialise and produce stingless bee honey through a research and development project.

"This is desirable as a low moisture content helps preserve the freshness and quality of the honey. It also can be stored in ambient conditions."

"We are committed to continuously improving Amia's quality and to stay ahead in the market in order to provide our consumers with healthier Kelulut honey products. In this respect, we are now collaborating with academics in UMT. Meanwhile, we are also looking forward to explore more opportunities to collaborate with other universities," he said.

Amia is available in two varieties, namely "MultiFlora" and "Monoflora" (Acacia). It can be purchased at www.amia.my, Shopee, Lazada and 97 Watson branches AEON Shah Alam, AEON Bukit Tinggi and all AEON branches nationwide or via WhatsApp at 07 2608 5955. Amia Kelulut honey is also available through the alliance registered with PhytoPharma Sdn Bhd, a subsidiary of Pharmaniaga. For more information, please visit www.amia.my or follow Amia on Facebook, Instagram and YouTube channels.



KESIMPULAN

Kekangan yang dihadapi akibat penularan pandemik COVID-19 tidak menjadi halangan kepada UMT untuk terus menyerlahkan citranya di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Penarafan dan pengiktirafan yang diterima menjadikan reputasi UMT terus gah di mata dunia.

The background of the page is a vibrant underwater scene featuring a large, branching coral structure with pinkish-red polyps. Several small, yellow and blue fish are swimming around the coral. The water is a deep, dark blue, creating a sense of depth and tranquility.

Fakta dan Angka

167

QS Asia University
Ranking 2022

204

UI Greenmetric
2021

5

Bintang
MyMohes

197,777

likers Facebook Official UMT

22

MoU/MoA
Antarabangsa



An underwater photograph featuring a vibrant, multi-colored fish, possibly a Surge wrasse, swimming over a coral reef. The fish has a green head, a yellow-orange body with dark vertical stripes, and a blue tail. The background shows various types of coral, including a large, textured brain coral. The image is overlaid with semi-transparent teal and orange geometric shapes. The text 'Kelestarian Kampus' is written in a white, cursive font in the lower-left area.

Kelestarian Kampus



PENGENALAN

Persekitaran dan kemudahan yang kondusif merupakan faktor utama menyokong kesejahteraan warga staf dan pelajar dalam melaksanakan tugas dan menempuh sesi pembelajaran. Sehubungan dengan itu, UMT

komited melengkapkan prasarana kampus selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa termasuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan warganya.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

UMT sentiasa merancang dan melaksana projek pembangunan bagi memenuhi keperluan utama pengajaran dan pembelajaran merangkumi pembangunan di Kampus Induk, Kampus Bukit Kor dan stesen-stesen penyelidikan luar. Projek-

projek tersebut dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan dan mengurus yang telah disalurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Projek Pembangunan RMKe-11

KPT telah meluluskan sebanyak sembilan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tahun 2016 sehingga 2020 dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM134,554,000.00.

Jadual 1 : Kelulusan Peruntukan Pembangunan RMKe-11

BIL	TAJUK PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	STATUS
1	Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Kampus Bukit Kor	25,000,000.00	24,999,950.00	Masih dalam pembinaan
2	Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	9,000,000.00	9,000,000.00	Siap pada tahun 2019
3	Pembinaan Lingkaran Jalan dan Jambatan untuk Kemudahan Asrama PFI	8,112,000.00	8,112,000.00	Belum dilaksanakan
4	Pembangunan Lestari Stesen Penyelidikan Luar	3,000,000.00	3,000,000.00	Siap pada tahun 2021
5.	Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai	40,000,000.00	20,000,200.00	Penyediaan dokumen oleh JPS

BIL	TAJUK PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	STATUS
6.	Pembelian Peralatan Makmal Sains Nautika, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan.	8,600,000.00	8,600,000.00	Peringkat Pembekalan
7.	Penggantian Peralatan Makmal Usang	20,000,000.00	20,000,000.00	Peringkat Pembekalan
8.	Kemudahan Infrastruktur dan Infostruktur IR4.0 (Redesigning UMT's Education for Industry 4.0)	10,000,000.00	10,000,000.00	Peringkat Pembekalan
9.	Pembelian Peralatan Makmal untuk Melengkapkan Bangunan Baharu Institut Bioteknologi Marin	10,842,000.00	10,842,000.00	Peringkat Pembekalan
JUMLAH		134,554,000.00	114,554,150.00	

a) Pembangunan Stesen Penyelidikan Alami Tanah Bencah, Setiu

Agensi Pelaksana : Universiti Malaysia Terengganu
 Kos Projek : RM2,589,750.00
 Status Kemajuan Projek : Siap sepenuhnya (25 Oktober 2021)
 Fasiliti : Pejabat, Bilik Seminar, Makmal Basah & Kering, Kemudahan Penginapan (40 Pelajar)



Projek Menyokong Aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran

Beberapa projek yang menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran telah dilaksanakan bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelajar.

a. Kerja-Kerja Menaiktaraf Bangunan Kompleks Kuliah Lama

Agensi Pelaksana : Universiti Malaysia Terengganu

Kos Projek : RM1,688,000.00

Status Kemajuan Projek: Siap sepenuhnya (7 Julai 2021)

Fasiliti : 3 buah Dewan Persidangan, 2 buah Dewan Seminar dan 14 Bilik Seminar
Kapasiti : 1,573 org




b. Kerja-Kerja Membina, Menyiapkan, Mengujiterima dan Mentauliahkan Sistem Perubahan Iklim Di Makmal Perubahan Iklim dan Adaptasi untuk Institut Bioteknologi Marin, Universiti Malaysia Terengganu

Agensi Pelaksana : Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek : RM504,368.25
Status Kemajuan Projek : Siap sepenuhnya (31 Oktober 2021)



c. Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Pembelajaran Bagi IR 4.0 Di Bangunan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah Untuk Universiti Malaysia Terengganu

Agensi Pelaksana : Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek : RM1,251,971.00
Status Kemajuan Projek : Siap sepenuhnya (26 Januari 2021)



Pembangunan di Kampus Bukit Kor

Projek pembinaan Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Kampus Bukit Kor sedang dalam proses pembinaan struktur bangunan dan infrastruktur utama.

Agensi Pelaksana : Jabatan Kerja Raya

Kos Projek : RM25,000,000.00

Tarikh dijangka Siap : 28 November 2022

Status Kemajuan Projek: 62.81%

Fasiliti yang disediakan : Blok Pentadbiran, Blok Kuliah dan padang kawad (kapasiti 1000 org)



Projek Pembangunan RMKe-12



Projek Pembangunan RMKe-12

BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS PROJEK
1	UMT-menaiktaraf Infrastruktur Bangunan Sedia Ada Disebabkan oleh Mendapan Tanah	6,000,000.00	Penyediaan dokumen oleh JKR
2	Perolehan Peralatan dan Perabot Bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir	6,262,000.00	Peringkat pembekalan
3	Perolehan Peralatan dan Perabot Bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur	2,121,200.00	Peringkat pembekalan
JUMLAH		14,383,200.00	

EKOSISTEM DIGITAL

UMT sentiasa memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada warga universiti selari dengan Revolusi

Industri 4.0 (IR4.0). Pada tahun 2021, UMT telah melaksanakan pelbagai projek bagi menyokong pemantapan tadbir urus dan pembangunan prasarana ICT.

Penyelenggaraan Peralatan Rangkaian dan Sistem Pengkabelan di Zon Pentadbiran dan Zon Kolej Kediaman

Projek ini membolehkan kapasiti capaian oleh pengguna meningkat daripada kapasiti 100Mbps kepada 1000Mbps bagi rangkaian berwayar dan 54Mbps kepada 1300Mbps bagi rangkaian tanpa

wayar. Selain itu risiko gangguan perkhidmatan yang disebabkan oleh faktor perkakasan lama dan usang dapat dikurangkan.

Penyelenggaraan dan Penaiktarafan Jalur Lebar Internet UMT Bagi Tempoh 3 Tahun Bermula Tahun 2020 – 2023

UMT telah menaiktaraf perkhidmatan jalur lebar Internet selama tiga tahun bermula tahun 2020 – 2023 seperti berikut :

KAPASITI	LOKASI
5Gbps bagi Internet	UMT Kampus Utama, Kuala Nerus, Terengganu
500Mbps bagi Internet	Pusat Kesenambungan Bencana UMT (UMT Disaster Recovery Center) di TM Klang Valley Data Center (TM KVDC) CBJ 6, Cyberjaya, Selangor.

Penaiktarafan ini juga dilengkapi perkakasan khas keselamatan Internet Firewall dan FortiAnalyzer bagi memastikan kualiti dan keselamatan akses Internet oleh pengguna akan lebih selamat dan terjamin daripada sebarang ancaman siber.

Projek ini telah meningkatkan kapasiti akses Internet oleh warga UMT khususnya pelajar bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran secara maya (Online Learning) dapat dilaksanakan serta menjadikan UMT sebagai sebuah kampus digital.

Penyelenggaraan Peralatan Sistem Rangkaian Berteknologi Tinggi di Zon Akademik

Projek ini bertujuan memastikan kebolehupayaan dan kefungsi peralatan dan sistem rangkaian berteknologi tinggi berada pada tahap terbaik. Impak utama aktiviti dapat dilihat menerusi keupayaan menerima trafik komunikasi data dan internet yang konsisten oleh peralatan pengguna seperti komputer riba, komputer tablet, komputer desktop dan telefon pintar.

Penyelenggaraan dan Pelanjutan Waranti Sistem Sokongan Bekalan Kuasa Rak Rangkaian

UMT telah melaksanakan aktiviti penyelenggaraan dan pelanjutan waranti kepada sistem bekalan kuasa rak rangkaian di kampus. Sistem sokongan ini terdiri daripada 114 unit dan terbahagi kepada lima kategori utama mengikut beban kuasa yang diperlukan pada setiap rak rangkaian. Projek ini akan memanjangkan jangka hayat peralatan dan meminimumkan risiko kerosakan sistem rangkaian di dalam rak berkenaan sekiranya berlaku gangguan perkhidmatan elektrik daripada sumber utama.

Penyelenggaraan dan Pelanjutan Waranti Peralatan Utama Rangkaian

Pelaksanaan projek ini membolehkan keseluruhan peralatan rangkaian bebas daripada gangguan perkhidmatan dan mendapat jaminan perlindungan 24 jam daripada pengeluar produk. Projek ini juga dapat menjimatkan kos penyelenggaraan atau perolehan baharu.

Penyelenggaraan dan Pengurusan Komputer Sewaan Universiti


Melalui projek ini, peranti perkomputeran pengguna berada pada aras ketersediaan yang tinggi dalam melaksanakan tugas harian. Selain itu kos penyelenggaraan alatan ganti komputer universiti dapat diijamatkan sebanyak RM1,601,500.00.

Pembaharuan Lesen

Projek ini melibatkan pembaharuan Lesen Perisian Keselamatan Pengguna, Lesen Perisian Pengurusan Makmal Komputer dan Lesen Perisian Telesidang Berpusat Universiti. Pembaharuan lesen ini membolehkan kelangsungan operasi universiti.

PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI

Sistem Aplikasi Secara Web (Web Based)



Pembangunan Sistem dan Modul Aplikasi Baharu 2021

- Sistem Pengurusan Kontrak**
Pengurusan Kontrak Perolehan Universiti
- e-Stor**
Sistem Pengurusan Stor di PTJ UMT
- Fasiliti PED**
Sistem Tempahan Fasiliti PED
- CustCare Akademik**
Sistem Aduan Akademik
- MyUndi Fasa 1**
Sistem Pengurusan Pengundian untuk Majlis Perwakilan Pelajar.
- Sistem Pengurusan Penyelidikan (Fasa 1)**
Pengurusan penyelidikan dan inovasi secara atas talian
- SMP STEM Fasa 1**
Sistem Maklumat Pelajar Pusat Asasi STEM UMT
- Sistem Mobiliti Bakat Universiti (Fasa 1)**
Sistem Pengurusan Mobiliti Akademik UMT
- MyHarta**
Sistem Pengurusan Pengisytiharan Harta
- ePencen**
Sistem Pengurusan Pencen Staf Tetap UMT

Senarai penyelenggaraan sistem dan modul ditambahbaik bagi tahun 2021

- Sistem My3K**
Saringan Kesihatan untuk Kembali Ke Kampus
- Sistem e2KC**
Permohonan pelajar untuk kemasukan ke kampus
- Klinik Panel**
Sistem Pengurusan Klinik Panel UMT
- CustCare PED**
Sistem Aduan Pelanggan PED
- e-Bida**
Sistem Bidaan Nombor Pendaftaran Khas Kenderaan UMT secara atas talian.
- e-Konvo**
Sistem Pendaftaran dan Pengambilan Jubah Graduan
- e-Meeting**
Sistem Pengurusan Mesyuarat
- e-Profile (Scopus & WoS)**
Profil Akademik untuk (Scopus & WoS)

Aplikasi Mudah Alih UMT

MY3K
 Saringan Kesihatan untuk Kembali Ke Kampus

Profile Pelajar
 Maklumat Peribadi & Pembimbing Pelajar

Keputusan Peperiksaan
 Paparan Keputusan Peperiksaan Terkini

QR Kehadiran
 Pengimbas Kehadiran Pelajar Ke Kuliah

Panduan Telefon
 Panduan Telefon Kecemasan Pelajar

Jadual Kelas
 Paparan Jadual Mengikut Semester Terkini



CGPA Calculator
 Pengiraan CGPA Pelajar

Slip Peperiksaan Versi 2
 Paparan Slip Peperiksaan Terkini

e-Stiker
 Aplikasi Permohonan, Status Info Trafik, Status Pelekat Kenderaan Dan Kampaun Kenderaan

MyTime Versi 1
 Daftar Kehadiran Masuk & Keluar Staf

Custcare PED Versi 1
 Aduan Pelanggan PED

PENGURUSAN DATA


Pusat Ekosistem Digital memainkan peranan penting dalam pengurusan data raya universiti untuk tujuan penarafan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Ia membolehkan universiti merangka dan melaksanakan agenda strategik dalam memenuhi keperluan pemegang taruh.

Pelbagai penarafan telah disertai seperti Times Higher Education (THE) World University Rankings, THE Impact Rankings, QS World Rankings, UI Green Metric World University Rankings, Sistem Peningkatan Kualiti Data KPM (MyMoheS), Malaysia Research Assessment (MyRA) dan Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA).

KELESTARIAN KAMPUS (SUMBER ILMU)


UMT secara konsisten memastikan sumber maklumat sama ada berbentuk fizikal atau digital memenuhi keperluan setiap warga UMT. Sejumlah 3,090,896 judul (3,115,213 naskhah) bahan rujukan

terdapat dalam koleksi perpustakaan pada tahun 2021. UMT turut merekodkan jumlah pinjaman serta muat turun koleksi digital sebanyak 873,319 naskhah/unit sepanjang tahun.



Selain bahan bercetak dan tidak bercetak, UMT juga mempunyai 2.97 juta koleksi digital termasuk 21 judul jurnal elektronik yang dilanggan berasingan. Koleksi digital ini terkandung dalam 43 pangkalan data iaitu 20 pangkalan data jurnal

dan 21 platform buku elektronik telah dilanggan oleh UMT serta dua pangkalan data jurnal yang dilanggan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).



UMT *Institutional Repository* (UMT-IR)

UMT telah melaksanakan kerja-kerja pengimbasan bahan bercetak untuk dimuat naik ke sistem UMT *Institutional Repository* (UMT-IR) bagi

merealisasikan transformasi pendigitalan sumber rujukan. Sehingga kini, sebanyak 19,489 naskhah bahan telah dimuat naik ke UMT-IR.


Koleksi Bahan Dalam UMT-IR

BIL	JENIS BAHAN	JUMLAH PENERIMAAN NASKHAH
1	Tesis digital	1,515
2	Kertas soalan peperiksaan digital	5,811
3	Buku Digital	1,020
4	Laporan projek	5,165
5	Koleksi gambar digital	279
6	Keratan akhbar digital	1,068
7	Koleksi arkib	360
8	Minit mesyurat	672
9	Koleksi MyRA	3,009
10	Koleksi PSNZ	253
11	Bahan periklanan	54
12	Fail Arkib	60
13	Laporan Tahunan UMT	36
14	Koleksi UMTAS	1
15	<i>UMT Books Publication</i>	89
16	<i>Books Donation</i>	27
17	Galeri arkib	70
Jumlah		19,489

Perkhidmatan Pengguna

Sepanjang tahun 2021, seramai 78,875 orang pengguna telah mengunjungi perpustakaan UMT secara fizikal atau maya. Sebanyak 128,749 capaian akses media sosial telah direkodkan

dan 871,349 koleksi digital telah dimuat turun. Perkhidmatan pinjaman bahan juga telah merekodkan sejumlah 1,970 bahan.



Capaian perkhidmatan melalui platform digital dan kunjungan fizikal di Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ)

Selain itu, sebanyak 69 webinar berkaitan perkhidmatan pengguna dan lapan program bersama pelanggan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021. Antaranya adalah Jom Baca Bersama 10 Minit, Program Minggu Bersama Pelajar, PSNZ

Open Day, Research Outreach, program Promosi Keahlian Luar ke Open University Malaysia (OUM) dan program Guide to Getting Publish (GGP) : Academic Writing Using Latex.

Program-Program USR PSNZ

	Projek Wakaf Buku SMK Batu Rakit	Program Sumbangan Buku SK Kompleks Tembesu	Bengkel Pendigitalan Bahan PSS	Pameran PSS "UMT Sebagai Pusat Komuniti Setempat"
	14 Mac 2021	16 Mac 2021	14 Julai 2021	7-15 September 2021
	850 pelajar dan guru	623 pelajar dan guru	92 pelajar dan guru	503 murid dan 41 guru
	Tanggungjawab Sosial	Tanggungjawab Sosial	Pemindahan Ilmu	Tanggungjawab Sosial
	SMK Batu Rakit dan PSNZ UMT	SK Kompleks Tembesu dan PSNZ UMT	SMKA Dato' Haji Abbas, SMK Padang Kemunting, SMK Batu Rakit dan PSNZ UMT	SK Batu Rakit dan PSNZ UMT

Penganjuran Seminar Kebangsaan Pembantu Pustakawan 2021

Seminar Kebangsaan Pembantu Pustakawan (SKPP 2021) bertemakan “Peranan Pembantu Pustakawan dalam Pengurusan Maklumat Era Pandemik” julung kali diadakan pada 27 dan 28 Oktober 2021 secara dalam talian. SKPP 2021 merupakan platform bagi perkongsian pengalaman dan amalan terbaik institusi, agensi dan pusat sumber sekolah sepanjang fasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Ahli Majlis Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Dr. Ghazali Mohamed Fadzil, merupakan Pengucap tama bagi sesi bertajuk “Pengurusan Produktiviti dan Peningkatan Kompetensi Pembantu Pustakawan Malaysia di Era Pandemik”.

Antara amalan terbaik yang dikongsi adalah berkenaan perolehan bahan secara digital, perkhidmatan perpustakaan semasa pandemik, teknologi maklumat, aplikasi dan perisian serta pengurusan arkib digital. SKPP 2021 telah disertai seramai 942 orang peserta yang terdiri daripada Pembantu Pustakawan, Guru Pusat Sumber, pelajar sekolah, mahasiswa IPT dan juga individu yang berminat mendalami pengurusan perpustakaan termasuk penyertaan antarabangsa dari Universiti Brunei Darussalam



PERSEKITARAN SIHAT DAN SELAMAT

Kesihatan dan keselamatan merupakan dua faktor utama yang menjamin kesejahteraan warga melaksanakan tanggungjawab dalam persekitaran yang kondusif.

Bagi memastikan tahap kesihatan warga berada pada tahap yang optimum, UMT telah melaksanakan empat program utama merangkumi 28 aktiviti sepanjang tahun 2021.

Dalam memastikan persekitaran yang selamat, UMT tidak berkompromi dengan segala bentuk ancaman yang boleh memudaratkan warganya. Daripada kawalan perimeter kampus, keselamatan fizikal bangunan dan aset, keselamatan staf sehinggalah kini ke proses saringan kesihatan Pandemik COVID-19 sebelum masuk kampus sentiasa memerlukan komitmen tinggi.

Tahun 2021 telah menunjukkan kejayaan UMT dalam mengurangkan ancaman ketenteraman kampus sebanyak 63.6% iaitu daripada 33 kes pada tahun 2020 kepada hanya 12 kes pada tahun 2021. Kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa terjalin erat dalam menguruskan perihal keselamatan kampus. Kes yang melibatkan penjenayah luar diserahkan sepenuhnya kepada PDRM di samping peranan pasukan keselamatan yang sentiasa membuat pemantauan melalui CCTV, rondaan dan perisikan.

UMT mengamalkan 10 strategi keselamatan dalam memastikan warga sentiasa berasa selamat ketika berada di dalam kampus.

Dalam memperkasakan strategi keselamatan yang telah dirancang, beberapa operasi khas turut dilaksanakan dalam melengkapkan pemantauan seluruh kampus sepanjang tahun 2021.

19

Program Cakna dan Cegah COVID-19

3

Program Cakna dan Cegah Denggi


5

Program Jom Sihat

1

Program PKU Cakna Warga

- Ops Tebuk 8 kali
- Ops Roda 8 kali
- Ops Kad 12 kali
- Ops My3K sepanjang hari
- Ops Tapis 3 kali
- Ops kunci 3 kali



Bilangan Kes secara tertib telah menurun untuk 4 tahun berturut-turut

2018-2019: **TURUN 42.9%**

2019-2021: **TURUN 17.5%**

2020-2021: **TURUN 63.6%**



KESIMPULAN

Persekitaran kampus yang lestari menjadi lambang sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing. Pelbagai inisiatif seperti pembangunan fizikal, ekosistem digital, perpustakaan sebagai penyedia sumber ilmu, perkhidmatan keselamatan dan kesihatan telah diambil untuk mengukuhkan UMT sebagai sebuah kampus lestari. Ini bertepatan dengan slogan UMT, "Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat".

Fakta dan Angka

9 PROJEK RM134,554,000

Projek RMK-11

10

pembangunan
aplikasi web

11

pembangunan
aplikasi mudah alih

35

operasi keselamatan
kampus

28

program
kesihatan warga

Koleksi Perpustakaan Sultanah Nur
Zahirah (PSNZ):

3,090,896 judul (3,115,213 naskhah)



An underwater photograph featuring a fish with a dark, patterned body and a long, thin tail, swimming over a coral reef. The image is overlaid with semi-transparent geometric shapes in shades of teal and blue, creating a modern, artistic look. The text "Kelestarian Kewangan" is written in a white, elegant script font across the lower portion of the image.

Kelestarian Kewangan



PENDAHULUAN

Bagi mendukung hasrat kerajaan untuk mewujudkan sistem kewangan yang mampan khususnya dalam sektor pendidikan tinggi Malaysia, UMT telah merangka strategi kewangan lestari dengan menumpukan kepada pemerkasaan penjana pendapatan dan pengurusan kewangan berhemah.

PRESTASI KEWANGAN

Pendapatan keseluruhan kumpulan universiti bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 berjumlah RM260.41 juta berbanding dengan RM251.94 juta pada tahun 2020, meningkat sebanyak 3.37% atau RM8.48 juta. Manakala

perbelanjaan keseluruhan kumpulan UMT pada tahun 2021 ialah sebanyak RM246.27 juta berbanding dengan RM247.86 juta pada tahun 2020, menurun sebanyak RM1.58 juta (0.64%).

	2021 RM' Juta	2020 RM' Juta	Peningkatan/ (Penurunan) %
Pendapatan	260.41	251.94	3.37
Perbelanjaan	246.27	247.86	(0.64)

Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2021 dan 2020

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UMT bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2017 sehingga 2021 adalah seperti mana berikut:



	2021 RM' Juta	2020 RM' Juta	2019 RM' Juta	2018 RM' Juta	2017 RM' Juta
Pendapatan	260.41	251.94	248.75	241.74	257.72
Perbelanjaan	246.27	247.86	244.02	249.43	250.77
Surplus (Defisit)	14.14	4.08	4.73	(7.69)	6.95

Pendapatan dan Perbelanjaan UMT Bagi Tahun 2017 Sehingga 2021

Pendapatan

Daripada keseluruhan pendapatan kumpulan universiti, Pemberian Kerajaan merupakan sumber pendapatan utama berjumlah RM170.74 juta (65.56%). Komponen kedua terbesar ialah Pendapatan Yuran sebanyak RM23.01 juta (8.84%) diikuti Geran Tertunda Direalisasi

berjumlah RM43.82 juta (16.83%). Manakala Pendapatan Lain berjumlah RM22.84 juta (8.77%) pula adalah terdiri daripada pelbagai kategori pendapatan seperti faedah pelaburan, hasil sewaan, hasil aktiviti universiti dan sumbangan daripada individu serta agensi luar.





Komponen Pendapatan Universiti Tahun 2021 dan 2020

Perbelanjaan

Pada tahun 2021, perbelanjaan Emolumen merupakan perbelanjaan utama universiti berjumlah RM136.86 juta (55.57%) diikuti dengan perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM77.48 juta (31.46%). Manakala

belanja Susut Nilai direkodkan sebanyak RM19.82 juta (8.05%), Pemberian dan Kenaan Tetap sebanyak RM6.64 juta (2.70%) dan Perbelanjaan Lain sebanyak RM5.47 juta (2.22%).



Komponen Perbelanjaan Universiti Tahun 2021 dan 2020

Aset dan Liabiliti


Nilai keseluruhan Aset kumpulan universiti pada tahun 2021 adalah RM734.09 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak 0.51% atau RM3.72 juta berbanding aset tahun 2020 yang berjumlah RM730.38 juta. Manakala Liabiliti UMT adalah sebanyak RM123.04 juta menurun sebanyak

15% atau RM21.39 juta berbanding tahun 2020, iaitu RM144.44 juta. Secara keseluruhan, jumlah aset bersih UMT meningkat sebanyak 4.29% atau RM25.11 juta pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya.

	2021 RM' Juta	2020 RM' Juta	Peningkatan/ Penurunan %
Aset	734.09	730.38	0.51
Liabiliti	123.04	144.44	(15.0)
Aset Bersih	611.05	585.94	4.29


Kedudukan Aset dan Liabiliti UMT Pada Tahun 2021 dan 2020

Perbandingan kedudukan aset dan liabiliti UMT bagi tempoh lima tahun dari tahun 2017 sehingga 2021 adalah seperti mana berikut:




Perbandingan Kedudukan Aset dan Liabiliti UMT Tahun 2017 Sehingga 2021

Kedudukan komponen aset dan liabiliti pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti mana berikut:



Komponen Aset Pada Tahun 2021 dan 2020



Komponen Liabiliti Pada Tahun 2021 dan 2020

Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus

Pendapatan mengurus UMT bagi tahun 2021 berjumlah RM199.47 juta, meningkat sebanyak RM3.99 juta atau 2.04% berbanding RM195.48 juta tahun 2020. Daripada jumlah ini, RM175.86 juta adalah Pemberian Kerajaan, RM18.43 juta daripada Pendapatan Yuran dan RM5.18 juta daripada Pendapatan Lain.

KOMPONEN PENDAPATAN	2021		2020	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	175,864,808	88.16	169,219,192	86.56
Yuran	18,429,947	9.24	16,221,399	8.30
Pendapatan Lain	5,179,677	2.60	10,042,929	5.14
Jumlah	199,474,432	100	195,483,520	100

Pendapatan Mengurus Tahun 2021 dan 2020

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2021 berjumlah RM202.18 juta, menurun sebanyak RM7.84 juta atau 3.73% berbanding tahun

2020. Perbelanjaan Emolumen merupakan perbelanjaan tertinggi yang berjumlah RM136.31 juta atau 67.42%.

KOMPONEN PERBELANJAAN RM	2021		2020	
	%	RM	%	
Emolumen	136,313,314	67.42	132,630,180	63.15
Perkhidmatan & Bekalan	51,631,712	25.54	60,396,111	28.76
Pemberian & Kenaan	4,580,008	2.27	8,131,995	3.87
Susut nilai	3,060,137	1.51	2,972,229	1.42
Perbelanjaan Lain	6,597,395	3.26	5,894,333	2.81
Jumlah	202,182,566	100	210,024,848	100

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2021 dan 2020

Pendapatan dan Perbelanjaan Pembangunan

Pemberian Kerajaan untuk belanja pembangunan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM8.25 juta, berkurang sebanyak 74.49% atau RM24.09 juta berbanding RM32.34 juta pada tahun 2020.

Manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM26.43 juta, meningkat sebanyak 11.13% atau RM2.65 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu RM23.78 juta.

PROJEK	2021		2020	
	RM	%	RM	%
RMKe-12				
Menaik Taraf Infrastruktur Bangunan Sedia Ada Disebabkan oleh Mendapan Tanah	74,156	0.28	-	-
Perolehan Peralatan dan Perabot Bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir	9,970	0.04	-	-
Perolehan Peralatan dan Perabot Bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Kompleks Makmal Perikanan dan Akukultur	10,800	0.04	-	-
RMKe-11				

PROJEK	2021		2020	
	RM	%	RM	%
UMT-Pembinaan Stesen Penyelidikan Luar	782,148	2.96	1,285,534	5.41
UMT-Pembinaan Kompleks Pusat Pendidikan Dan Pembangunan Insaniah	8,210,031	31.06	5,167,463	21.73
UMT- Pembinaan Kompleks Makmal Perikanan Dan Akuakultur, PPSPA	3,147	0.01	453,698	1.91
UMT – Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai	308,519	1.18	286,920	1.21
UMT – Penggantian Peralatan Makmal Usang	9,770,853	36.97	5,197,226	21.85
UMT-Kemudahan Infrastruktur dan Infostruktur IR 4.0 (Redesigning UMT'S Education For Industry 4.0)	2,140,975	8.10	6,325,540	26.60
UMT-Pembelian Peralatan Makmal untuk Kelengkapan Bangunan Baru IMB	2,716,449	10.28	4,242,406	17.84
UMT- Pembelian Peralatan Makmal Sains Nautika, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	1,455,273	5.51	283,714	1.19
RMKe-10				
Pakej 2B (Bangunan Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan, Pusat Pengajian Siswazah)	327,670	1.24	210,043	0.88
Pakej 2D (Bangunan Pusat Islam)	441,270	1.67	-	-
Perolehan Peralatan Makmal, Pengajaran dan ICT	178,000	0.67	-	-
Pembinaan Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir			329,497	1.39
Jumlah	26,429,261	100	23,782,041	100

Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Projek Tahun 2021 dan 2020

INISIATIF PENJANAAN PENDAPATAN

Penjualan pendapatan universiti dilaksanakan melalui pengukuhan anak syarikat dan mengoptimumkan penjualan hasil melalui aset

dan fasiliti yang dimiliki oleh universiti. Antara beberapa program inisiatif penjualan yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

- Pengeluaran produk jualan cenderamata di bawah jenama rasmi UMT “Marmoris” dan “Spume”.

MARMORIS OUTLET
- ORIGINAL UMT -

MARMORIS | SPUME

CENDERAMATA JENAMA RASMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Pen Plastik RM2.90	Topi Memancing RM25.30	Botol Air SPUME RM15.60
Metal Pen + Kotak RM27.60	Buku Nota A5 RM17.80	Metal Keychain RM6.90
Pensil Warna RM15.20	Buku Rancangan RM45.90	Lanyard SPUME RM11.00
T-Shirt Penyu RM35.50	Payung MARMORIS RM39.90	Power Bank RM42.20
T-Shirt Ikan Lut Sinar RM50.00	Bantal SPUME RM27.80	Pemacu Pena USB RM32.90
Mask KF94 RM15.60	Bag Canvas RM14.10	Waterproof Bag RM53.10
Topi RM21.20	Bag Passport RM14.60	Mug Seramik RM17.20
Memo Pad RM10.40	Payung SPUME RM32.90	Auto Mug MARMORIS RM17.80
T-Shirt Alphabet RM42.00	T-Shirt UMT Est RM35.50	IMBAS LIHAT BELI

MARMORIS OUTLET : 011-58623277

marmorisoutletumt

- Program Iftar on the Deck @ RV Discovery UMT telah diadakan pada bulan Ramadan 1442H selama 10 hari yang turut menyumbang kepada penajaan hasil kepada universiti.



Program Iftar on the Deck @ RV Discovery UMT

- Program Monsoon Camp UniKidz UMT Siri 1/2021 yang telah diadakan pada 27 hingga 29 Disember 2021 bertempat Kampus UMT, Kampus Bukit Kor dan Jeti Duyong Marina Resort. Ia merupakan program yang memberi peluang kepada pelajar-pelajar sekolah untuk merasai sendiri kehidupan di kampus UMT.




Slot Latihan Pelayaran



Slot Lawatan & Pembelajaran Simulator Kapal



Slot Lawatan Hatcheri AKUATROP



Slot Lawatan & Pembelajaran Galeri INOS



Slot Pembelajaran Young Scientist



Slot Lawatan & Pembelajaran Taman Herba, Bukit Kor

INISIATIF PENJIMATAN

Pengurusan kewangan yang lestari bukan sahaja dilihat dari segi keupayaan menjana pendapatan, malah melalui pengurusan perbelanjaan yang cekap dan berhemah. Pada tahun 2021 UMT telah mengeluarkan Pekeliling Bendahari

berkenaan Bajet 2021 yang menguatkuasakan pelaksanaan beberapa inisiatif dan rasionalisasi perbelanjaan berhemah.

Antara inisiatif dan rasionalisasi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Pengurangan Elaun

Pengurangan elaun pentadbiran dan elaun gantian kenderaan pegawai yang layak dari 3% hingga 15%.

Manfaat telefon bimbit dan bayaran balik bil telefon

Semakan semula had nilai telefon dan bayaran balik bil telefon.

Pindaan kadar elaun perbatuan

Kadar bagi setiap 1 km dikurangkan daripada RM0.85 kepada RM0.65.

Keraian pejabat

Penyediaan makanan dan minuman untuk mesyuarat dalaman yang tidak melibatkan wakil agensi luar diminimumkan.

Kadar maksimum bayaran hotel

Kadar maksimum untuk bayaran hotel ditetapkan bagi pegawai bergred 54 dan ke atas adalah sebanyak RM400 semalam.

BANTUAN KEWANGAN PELAJAR

UMT sentiasa cakna dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan pelajar terpelihara. Pelbagai usaha dan saluran bantuan kewangan kepada pelajar UMT telah disediakan.

Dermasiswa Endowmen UMT 2021

Dermasiswa Endowmen UMT merupakan salah satu penajaan dana endowmen UMT berbentuk bantuan kewangan minima sebanyak RM3,000.00 setahun bertujuan untuk membantu meringankan keperluan pembelajaran dan sara hidup pelajar sepanjang tempoh pengajian.

Sumber kewangan dermasiswa ini adalah hasil sumbangan staf UMT, sumbangan dana daripada institusi kewangan dan perbankan serta sumbangan individu luar.

Pada tahun 2021, sejumlah RM145,500.00 dana dermasiswa endowmen telah dimanfaatkan oleh 21 orang pelajar.

AGIHAN MANFAAT DERMASISWA ENDOWMEN UMT

TAWARAN DERMASISWA (RM894,000; MANFAAT 19 PELAJAR)	
Sesi 2017/2018	RM63,000 8 Pelajar
Sesi 2018/2019	RM220,500 27 Pelajar
Sesi 2019/2020	RM268,500 40 Pelajar
Sesi 2020/2021	RM196,500 33 Pelajar
Sesi 2021/2022	RM145,500 21 Pelajar



PECAHAN AGIHAN DERMASISWA KPD PELAJAR MENGIKUT NEGERI		
BIL	NEGERI	BIL PELAJAR
1	KELANTAN	55 (43%)
2	TERENGGANU	26 (20%)
3	PAHANG	7 (5%)
4	KEDAH	11 (9%)
5	JOHOR	8 (6%)
6	PERAK	5 (4%)
7	NEGERI SEMBILAN	3 (2%)
8	SABAH	5 (4%)
9	MELAKA	3 (2%)
10	KUALA LUMPUR	1 (1%)
11	SELANGOR	4 (3%)
12	SARAWAK	1 (1%)
	JUMLAH	129 (100%)

Agihan Manfaat Dermasiswa Endowmen UMT Dari Tempoh 2017 sehingga 2021

Wakaf Ilmu UMT

UMT telah melaksanakan projek wakaf berfokus iaitu Wakaf Air Sabil dan Van Wakaf Ilmu UMT. Secara keseluruhannya, jumlah kutipan Wakaf Ilmu UMT bagi tahun 2021 telah meningkat sebanyak 57% iaitu RM61,290.00 berbanding RM38,954.00 pada tahun 2020. Warga UMT yang membuat sumbangan wakaf secara tetap juga meningkat kepada 68 orang berbanding 40 orang sebelum ini. Jumlah terkumpul dana Wakaf Ilmu UMT setakat 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM892,457.30.

Zakat

Pada tahun 2021 UMT telah menerima sumbangan zakat berjumlah RM1,305,852.59. Jumlah sumbangan yang diterima meningkat sebanyak 226% berbanding tahun 2020 iaitu RM400,393.00. Penyumbang utama terdiri daripada Lembaga Tabung Haji, Etiqa General Takaful Berhad, Perumahan Kinrara Berhad, Bank Kerjasama Rakyat dan MAIDAM melalui pulangan dua perlapan Zakat Pendapatan Staf UMT.

**ZAKAT**

KEDUDUKAN TERIMAAN ZAKAT MENGIKUT PENYUMBANG

SUMBANGAN ZAKAT 2021		
BIL.	AGENSI	JUMLAH (RM)
1.	Lembaga Tabung Haji	750,000.00
2.	Etiqa General Takaful Berhad	200,000.00
3.	MAIDAM	164,865.59
4.	Perumahan Kinrara Berhad	140,000.00
5.	Bank Rakyat Gong Badak	30,000.00
6.	Lain-lain	20,987.00
JUMLAH		1,305,852.59



KESIMPULAN

Pendapatan UMT pada tahun 2021 mencatatkan peningkatan sebanyak 3.37% manakala perbelanjaan pula menurun sebanyak 0.64% berbanding tahun sebelumnya. Selain bergantung kepada geran kerajaan sebagai sumber utama, UMT juga terus komited melaksanakan program-program penjanaaan pendapatan demi memastikan kedudukan kewangan yang lestari bagi menyokong operasi universiti. Di samping itu, kebajikan kewangan pelajar yang memerlukan juga sentiasa diberi keutamaan melalui sumbangan zakat dan dermasiswa.



Fakta dan Angka

Jumlah Pendapatan:

**RM260.41
JUTA**

Jumlah Perbelanjaan:

**RM246.27
JUTA**

Nilai Aset:

**RM734.09
JUTA**

Terimaan Sumbangan Zakat:

**RM1.31
JUTA**

Jumlah Terkumpul Dana Wakaf Ilmu:

RM892,457.30



Jabatan Audit Negara

Malaysia

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 49.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Terengganu atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Malaysia Terengganu atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju,

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 14 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Universiti Malaysia Terengganu perlu menyelenggara rekod daftar aset dengan kemas kini bagi memastikan setiap aset dapat dikenal pasti secara fizikal. Rekod daftar aset hendaklah selari dengan rekod kewangan bagi memastikan penyediaan penyata kewangan adalah tepat.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DR. NOR HAIZA BINTI ABD AZIZ@JUNED)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
23 JUN 2022




ISI KANDUNGAN
PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

<u>Bil</u>	<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
1	Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah UMT	-
2	Perakuan Oleh Pegawai Utama	-
3	Penyata Kedudukan Kewangan	1
4	Penyata Prestasi Kewangan	2
5	Penyata Perubahan Ekuiti	3-4
6	Penyata Aliran Tunai	5
7	Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar	6-7
8	Nota-Nota Kepada Akaun	8-49

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **TAN SRI DATO' SERI SHAMSUL AZHAR BIN ABBAS** dan **PROFESOR DATO' DR. MAZLAN BIN ABD GHAFFAR** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Universiti Malaysia Terengganu pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,




NAMA : **SHAMSUL AZHAR BIN ABBAS**

GELARAN : **TAN SRI DATO' SERI**

TARIKH : 02 MAR 2022

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : **MAZLAN BIN ABD GHAFFAR**

GELARAN : **PROFESOR DATO' DR.**

TARIKH : 02 MAR 2022

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

Saya, **AZIZAH BINTI HASAN (No.KP: 770401-11-5732)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama di atas iaitu }
AZIZAH BINTI HASAN }
di Kuala Terengganu }
di Negeri Terengganu }
pada }
28 FEB 2022


.....
BENDAHARI

Di hadapan saya,

.....
PESURUHJAYA SUMPAH
66/44, TAMAN SRI INTAN,
JALAN SULTAN OMAR
20300 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	2021	KUMPULAN 2020	2021	UNIVERSITI 2020
		RM	RM	RM	RM
ASET					
Aset Semasa					
Tunai di Tangan dan Wang di Bank	4	7,810,763	4,638,170	6,859,610	3,324,397
Pelaburan Jangka Pendek	5	15,600,000	28,150,000	15,600,000	28,150,000
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	6	261,750,000	275,900,000	261,750,000	275,900,000
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	7	6,611,024	5,766,309	5,131,055	5,202,481
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	8	1,419,254	2,506,603	1,419,254	2,506,603
Lain-Lain Belum Terima	9	743,832	666,237	743,832	1,066,237
Wang Cagaran dan Prabayar	11	805,139	948,866	763,657	830,018
Percukalan		36,125	-	-	-
Inventori	12	-	39,497	-	-
Jumlah Aset Semasa		294,776,137	318,615,682	292,267,408	316,979,736
Aset Bukan Semasa					
Aset Cukai Tertunda	13	112,898	79,590	-	-
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	8	9,442,611	7,680,974	9,442,611	7,680,974
Lain-Lain Belum Terima	9	2,215,710	2,025,938	2,215,710	2,025,938
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	14	-	-	1,381,715	3,700,000
Saham Keutamaan Boleh Tebus	15	-	-	400,000	-
Pelaburan Lain	16	107,662	107,253	-	-
Hartanah, Loji Dan Peralatan	17	411,135,959	384,703,773	407,562,292	381,223,966
Pembinaan Dalam Kemajuan	18	15,679,214	16,527,898	15,679,214	16,527,898
Aset Tak Ketara	19	625,605	637,868	619,999	630,491
Jumlah Aset Bukan Semasa		439,319,659	411,763,294	437,301,541	411,789,267
JUMLAH ASET		734,095,796	730,378,976	729,568,949	728,769,003
LIABILITI					
Liabiliti Semasa					
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	20	10,559,209	7,801,127	8,389,598	6,319,784
Lain-Lain Belum Bayar	21	1,352,522	279,504	1,352,522	279,504
Percukalan	22	-	6	-	-
Pinjaman Bank	23	75,051	88,691	-	-
Manfaat Pekerja	24	1,068,828	930,586	1,068,828	930,586
Jumlah Liabiliti Semasa		13,055,610	9,099,914	10,810,948	7,529,874
Liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman Bank	23	2,276,579	2,337,990	-	-
Manfaat Pekerja	24	4,472,261	2,973,004	4,472,261	2,973,004
Geran Tertunda	25	103,240,463	130,019,415	103,240,463	130,019,415
Liabiliti Cukai Tertunda	13	-	8,913	-	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		109,989,303	135,339,322	107,712,724	132,992,419
JUMLAH LIABILITI		123,044,913	144,439,236	118,523,672	140,522,293
ASET BERSIH		611,050,883	585,939,740	611,045,277	588,246,710
ASET BERSIH/EKUITI					
KUMPULAN WANG MENGURUS	26	33,935,610	41,069,032	33,935,610	41,069,032
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	27	382,931,302	362,422,033	382,931,302	362,422,033
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	28	15,217,146	13,008,606	15,217,146	13,008,606
KUMPULAN WANG KHAS	29	128,092,953	121,299,425	125,774,668	121,299,425
KUMPULAN WANG TABUNG LAIN	30	20,931,436	18,537,842	20,931,436	18,537,842
KUMPULAN WANG KURSUS DAN SEMINAR	31	5,173,880	4,945,490	5,173,880	4,945,490
KUMPULAN WANG KOLEJ KEDJAMAN	32	7,858,083	7,908,792	7,858,083	7,908,792
KUMPULAN WANG ENDOWMEN	33	19,223,152	19,055,490	19,223,152	19,055,490
SYARIKAT SUBSIDIARI		(2,312,679)	(2,306,970)	-	-
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI		611,050,883	585,939,740	611,045,277	588,246,710

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2021	2020	2021	2020
PENDAPATAN		RM	RM	RM	RM
Urus Niaga Pertukaran	34	38,481,631	37,082,476	34,875,679	35,758,816
Urus Niaga Bukan Pertukaran	35	220,969,333	213,819,535	220,969,333	213,822,535
Lain-lain Pendapatan	36	962,675	1,033,876	805,489	733,737
JUMLAH PENDAPATAN		260,413,639	251,935,887	256,650,501	250,315,088
PERBELANJAAN					
Emolumen	37	136,857,768	132,955,581	136,313,314	132,630,180
Perkhidmatan, Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	38	27,419,262	30,353,346	27,454,682	30,603,742
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		7,416,210	13,435,152	7,406,284	13,432,151
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	39	42,639,636	40,369,291	39,436,373	38,767,602
Biasiswa dan Dermasiswa		2,967,528	5,407,822	2,967,528	5,407,822
Pemberian Bantuan Aktiviti Pelajar		399,142	1,487,670	399,142	1,487,670
Kenaan Cukai dan Duti		558,348	458,277	441,516	458,277
Gantikan Cuti rehat		2,715,750	2,721,307	2,715,750	2,721,307
Susut Nilai dan Pelunasan	17 & 19	19,786,713	15,855,239	19,751,852	15,808,075
Hutang Ragu	10	83,663	221,484	83,663	176,800
Bayar Balik dan Hapus Kira		2,748,710	1,779,795	2,748,710	1,779,795
Rosot/nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	17	38,203	128,758	38,203	-
Kerugian Atas Pelaburan Anak Syarikat	14	-	-	2,318,285	-
Kerugian Atas Pelaburan Lain	16	5,440	-	-	-
Kerugian Atas Penilaian Hartanah Pelaburan		-	191,942	-	-
Perbelanjaan Lain		2,637,255	2,492,586	2,697,872	2,394,109
JUMLAH PERBELANJAAN		246,273,628	247,858,250	244,773,174	245,667,530
Lebih Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		14,140,011	4,077,637	11,877,327	4,647,558
Percukaian	22	42,221	55,943	-	-
Lebih Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		14,182,232	4,133,580	11,877,327	4,647,558

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Mengurus	Kumpulan Wang										Syarikat Subsidiari	Jumlah		
		Pembangunan		Penyediaan		Klas	Tabung Lain		Kursus dan Seminar		Kolej Kedaman			Endowment	
		RM	RM	RM	RM		RM	RM	RM	RM					
2021															
Pada 1 Januari 2021		41,069,032	362,422,033	13,008,606	121,299,425	18,537,842	4,945,490	7,908,792	19,055,490	(2,306,970)	585,939,740				
Pelarasan Tahun Lepas		-	-	-	-	-	-	-	-	-	7,671				
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		(2,708,134)	9,837,743	(640,134)	6,492,328	1,332,908	(214,437)	(72,324)	167,662	(13,380)	14,182,232				
Pelarasan Dalam Tahun		-	10,671,526	-	-	-	249,714	-	-	-	10,921,240				
Pindahan Antara Kumpulan Wang	41	(4,425,288)	-	2,848,674	301,200	1,060,686	193,113	21,615	-	-	-				
Baki Pada 31 Disember 2021		33,935,610	382,931,302	15,217,146	128,092,953	20,931,436	5,173,880	7,858,083	19,223,152	(2,312,679)	611,050,883				
2020															
Pada 1 Januari 2020		58,667,538	350,804,371	6,544,139	118,306,904	17,964,215	4,132,472	8,720,713	18,458,900	(1,763,231)	581,835,921				
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		(14,541,328)	11,617,662	117,781	8,457,517	(684,229)	(106,121)	(810,414)	596,690	(513,978)	4,133,580				
Pindahan Antara Kumpulan Wang		(3,057,178)	-	6,346,686	(5,464,596)	1,257,856	919,139	(1,507)	-	-	-				
Kesan Perubahan Dalam Ekuiti		-	-	-	-	-	-	-	-	-	(29,761)				
Baki Pada 31 Disember 2020		41,069,032	362,422,033	13,008,606	121,299,425	18,537,842	4,945,490	7,908,792	19,055,490	(2,306,970)	585,939,740				

Nota-nota yang diandalkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan Wang													
	Mengurus		Pembangunan		Penyelidikan		Khas	Tabung Lain		Kursus dan Seminar		Kolej Kediaman	Endowment	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2021														
Pada 1 Januari 2021	41,069,032	362,422,033	13,008,606	121,299,425	18,537,842	4,945,490	7,908,792	19,055,490	588,246,710					
Lebih / (Kurangkan) Pendapatan Atas Perbelanjaan	(2,708,134)	9,837,743	(640,134)	4,174,043	1,332,908	(214,437)	(72,324)	167,662	11,877,327					
Pelarasan Dalam Tahun	-	10,671,526	-	-	-	249,714	-	-	-					
Pindahan Antara Kumpulan Wang	(4,425,288)	-	2,848,674	301,200	1,060,686	193,113	21,615	-	10,921,240					
Baki Pada 31 Disember 2021	33,935,610	382,931,302	15,217,446	125,774,668	20,931,436	5,173,880	7,858,083	19,223,152	611,045,277					

[illegible]

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebihan sebelum cukai	14,140,011	4,077,637	11,877,327	4,647,558
Pelarasan bukan tunai :				
Hasil daripada Geran	35 (170,735,398)	(169,706,731)	(170,735,398)	(169,706,731)
Pelunasan Geran/Pemberian Modal Direalisasikan	35 (43,823,808)	(37,800,028)	(43,823,808)	(37,800,028)
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	17 19,606,851	15,675,086	19,573,758	15,628,465
Susutnilai Aset Tak Ketara	19 179,865	180,153	178,094	179,610
Rosotnilai/Penjajasan nilai hartanah,loji dan peralatan	17 38,203	127,280	38,203	-
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan/Aset Tak Ketara	1,429,162	201,348	1,429,162	201,348
Rosotnilai Pelaburan dalam Anak Syarikat	-	-	2,318,285	-
Rosotnilai Pelaburan Lain	16 5,440	-	-	-
(Keuntungan)/Kerugian Pelarasan Nilai Saksama Hartanah Pelaburan	(108,512)	191,942	-	-
Pelupusan Pelaburan Dalam Anak Syarikat	-	1	-	-
Pelarasan tahun terdahulu	7,671	-	-	-
Faedah diterima	34 (7,137,292)	(9,874,036)	(7,131,413)	(9,874,036)
Belanja Faedah	109,038	67,504	-	-
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	1,499,257	1,613,015	1,499,257	1,613,015
(Untung)/Rugi daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan/Aset Tak Ketara	17,809	28,640	17,809	27,162
(Kurangan) Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	(184,771,703)	(195,218,189)	(184,758,754)	(195,083,637)
Perubahan Modal Kerja :				
Pergerakan Bersih dalam Belum Terima	(1,239,270)	2,895,770	(403,867)	2,116,565
Pergerakan Bersih dalam Belum Bayar	3,569,343	4,378,007	3,281,075	4,541,781
Cukai yang dibayar	(6)	(41,373)	-	-
Aliran Tunai Digunakan Bagi Aktiviti Operasi	(182,441,636)	(187,985,785)	(181,881,546)	(188,425,291)
TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(18,590,889)	(18,485,093)	(18,572,448)	(18,345,557)
Tambahan Pembinaan Dalam Kemajuan	18 (17,054,887)	(12,807,015)	(17,054,887)	(12,807,015)
Pembelian Aset Tak Ketara	(167,602)	(241,468)	(167,602)	(234,771)
Faedah Diterima	7,131,443	9,874,036	7,131,443	9,874,036
Terbitan Saham Keutamaan Boleh Tebus	400,000	-	-	-
Saham Keutamaan Boleh Tebus	(400,000)	-	(400,000)	-
Tunai Bersih Diguna Dalam Aktiviti Pelaburan	(28,681,935)	(21,659,540)	(29,063,494)	(21,513,307)
TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Terima Geran	187,780,253	222,150,914	187,780,253	222,150,914
Pembiayaan Bon	-	(100,000)	-	-
Dividen Dibayar	-	-	-	-
Pinjaman Bank	(75,051)	(22,173)	-	-
Belanja Faedah	(109,038)	(74,757)	-	-
Tunai Bersih Diguna Dari Aktiviti Pembiayaan	187,596,164	221,953,984	187,780,253	222,150,914
(Pengurangan)/Penambahan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	(23,527,407)	12,308,659	(23,164,787)	12,212,316
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	308,688,170	296,379,511	307,374,397	295,162,081
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	285,160,763	308,688,170	284,209,610	307,374,397
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:				
Pelaburan Jangka Pendek	5 15,600,000	28,150,000	15,600,000	28,150,000
Simpangan Tetap (Al-Mudharabah)	6 261,750,000	275,900,000	261,750,000	275,900,000
Tunai di Tanggah dan Wang di Bank	4 7,810,763	4,638,170	6,859,610	3,324,397
	285,160,763	308,688,170	284,209,610	307,374,397

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PENYATA PERBANDINGAN BAJET & AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DESEMBER 2021

	Jumlah Bajet (RM)		Amaun Sebenar	RM	Varian
Asal	a	Akhir	RM	d=b-c	%
		b	c		e=(d/b*100)
Penerimaan					
Pembelian Kerajaan	184,843,000	184,843,000	172,242,100	12,600,900	6.82%
Yuran	18,450,000	18,450,000	16,552,249	1,897,751	10.29%
Faedah	7,250,000	7,250,000	3,477,220	3,772,780	52.04%
Lain-lain Hasil	507,000	507,000	2,446,225	(1,539,225)	-169.71%
Jumlah Penerimaan	211,450,000	211,450,000	194,717,794	16,732,206	7.91%
Perbelanjaan					
Gaji & Upahan	98,996,000	97,796,000	92,936,895	4,859,105	4.97%
Elauun Tetap	23,494,000	23,494,000	23,348,883	145,117	0.62%
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	15,073,000	16,273,000	16,065,038	207,962	1.28%
Elauun Lebih Masa	2,000,000	2,000,000	1,631,868	368,132	18.41%
Faedah Kewangan	3,421,000	3,421,000	3,274,482	146,518	4.28%
Jumlah Emolumen	142,984,000	142,984,000	137,257,166	5,726,834	4.01%
Perbelanjaan Perjalanan & Sara Hidup	2,000,000	834,212	632,396	201,816	24.19%
Pengangkutan Barang-Barang	20,000	20,000	16,087	3,913	19.57%
Perhubungan & Utiliti	9,500,000	6,815,954	5,717,531	1,098,423	16.12%
Sewaan	4,810,000	4,763,792	4,161,932	601,860	12.63%
Bekalan Bahan Mentah & Bahan Untuk Penyelenggaraan & Pembalakan	2,000,000	663,789	598,512	65,277	9.83%
Bekalan & Bahan-Bahan Lain	7,600,000	7,888,537	7,107,203	781,334	9.90%
Penyelenggaraan & Pembalakan Kecil Yang Dibeli	7,819,000	9,404,952	8,470,220	934,732	9.94%
Perkhidmatan Iktisfas & Hospitaliti	25,517,000	26,509,270	24,064,531	2,444,739	9.22%
Jumlah Perkhidmatan & Bekalan	59,266,000	56,900,506	50,768,412	6,132,094	10.78%
Harta Modal	500,000	1,516,686	1,478,801	37,885	2.50%
Blasiswa, Dermasiswa & Bantuan Pelajaran	1,800,000	2,325,000	2,089,027	235,973	10.15%
Pemberian Dalam Negeri	2,400,000	2,113,370	1,884,892	228,478	10.81%
Jumlah Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	4,200,000	4,438,370	3,973,919	464,451	10.46%
Bayaran-bayaran Lain	4,500,000	3,210,438	2,891,122	319,316	9.95%
Jumlah Perbelanjaan	211,450,000	209,050,000	196,369,420	12,680,580	6.07%

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET & AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Nota Bagi Penyata Perbandingan Bajet & Amaun Sebenar

Bajet UMT telah diluluskan atas asas tunai bagi tempoh kewangan daripada 1 Januari sehingga 31 Disember 2021. Bajet asal telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 15 Disember 2020 merangkumi geran kerajaan yang telah diluluskan selepas pembentangan bajet negara di Parlimen serta anggaran sumber dalaman yang disasarkan bagi tahun 2021.

Bajet dan penyata kewangan UMT disediakan menggunakan asas yang berlainan. Bajet disediakan mengikut asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akrual. Jumlah sebenar di dalam penyata kewangan telah dinyatakan semula pada asas tunai berdasarkan kepada dana mengurus. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet universiti hanya menjurus kepada bajet mengurus sahaja.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet & Sebenar dan jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti di bawah:

Perkara	Operasi RM	Pembiayaan RM	Pelaburan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar setanding seperti yang dikemukakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar	(171,895,307)	172,242,100	(1,998,419)	(1,651,626)
Perbezaan masa	-	-	-	-
Perbezaan asas	(9,986,241)	15,538,153	(27,065,073)	(21,513,161)
Perbezaan entiti	-	-	-	-
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	(181,881,548)	187,780,253	(29,063,492)	(23,164,787)

1. MAKLUMAT AM DAN AKTIVITI UTAMA

- a. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah ditubuhkan melalui Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) [P.U (A) 27/ 2007 berdasarkan S.6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012).
- b. Aktiviti utamanya ialah mengendalikan program pengajian dalam bidang sains tulen, sains gunaan, sains sosial, teknologi dan pengurusan sumber alam untuk menghasilkan graduan dalam bidang tersebut ke arah menyumbangkan pasaran guna tenaga dan pembangunan negara.
- c. Pada 31 Disember 2021, UMT mempunyai kakitangan berjumlah 1,810 orang manakala jumlah enrolmen pelajar ialah seramai 9,999 yang terdiri daripada 1,493 pelajar ijazah lanjutan, 8,017 pelajar ijazah pertama, 251 pelajar diploma dan 238 pelajar asasi.
- d. Penyata Kewangan UMT yang berakhir 31 Disember 2021 telah dibentangkan dan diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 2 Mac 2022.

2. DASAR PEMATUHAN

a. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ini merupakan Penyata Kewangan peralihan kedua yang disediakan berdasarkan MPSAS. UMT telah memilih beberapa pengecualian atau peruntukan yang dibenarkan oleh MPSAS berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran beberapa item di dalam Penyata Kewangan. UMT akan mengiktiraf dan mengukur item-item tersebut di dalam tempoh tiga tahun bermula daripada tarikh pemakaian MPSAS.

b. Mata Wang

Penyata Kewangan UMT disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

3. DASAR PERAKAUNAN

a. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali disebut sebaliknya di dalam penyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah.

b. Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan UMT dan entiti yang dikawalnya. Entiti yang dikawal adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktiviti mereka.

Entiti yang dikawal disatukan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan. Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan entiti yang dikawal yang diambil alih atau dilupuskan di dalam tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata prestasi kewangan yang disatukan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh kuat kuasa pelupusan mengikut kesesuaian. Aset-aset dan liabiliti entiti yang dikawal dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama bahagian Kumpulan dalam aset bersih entiti yang dikawal yang diambil alih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif yang timbul dalam penyatuan.

Urus niaga antara Kumpulan, baki serta keuntungan tidak direalisasi dihapuskan semasa penyatuan dan penyatuan penyata kewangan mencerminkan urus niaga luaran sahaja. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tidak boleh diperolehi semula.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan entiti yang dikawal adalah perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan dalam aset bersih beserta dengan sebarang baki muhibah yang belum dilunaskan dan perbezaan pertukaran.

Kepentingan minoriti dalam penyata kedudukan kewangan disatukan terdiri daripada minoriti daripada nilai saksama aset dan liabiliti dikenal pasti yang diperolehi pada tarikh pengambilalihan bahagian minoriti dalam perubahan ekuiti entiti yang dikawal sejak itu.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama kecuali yang dinyatakan di dalam nota yang berasingan.

c. Piawaian Yang Belum Berkuatkuasa Dan Tidak Digunapakai Awal

Tiada piawaian yang belum berkuatkuasa dan tidak digunapakai awal di dalam penyata kewangan ini yang akan memberi kesan kepada dasar-dasar perakaunan sedia ada yang digunapakai oleh UMT.

d. Pengiktirafan Pendapatan

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

- i) Yuran pengajian diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan. Hanya yuran semester yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diambil kira sebagai hasil.
- ii) Faedah simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.
- iii) Pendapatan sewa diiktiraf apabila invoice/bil dikeluarkan kepada penyewa.
- iv) Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan.

Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- i) Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.
- ii) Pendapatan denda diiktiraf atas dasar penerimaan. Denda pecah kontrak diiktiraf sebagai pendapatan apabila surat tuntutan dikemukakan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang UMT.
- iii) Sumbangan luar yang diterima daripada organisasi luar untuk membiayai aktiviti UMT diiktiraf apabila pendapatan itu diterima kecuali terdapat keperluan untuk diiktiraf sebaliknya.

e. Penghutang

- i. Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan.
- ii. Peruntukan Hutang Ragu yang dibuat adalah berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan berdasarkan sifat, status dan pengumuran hutang-hutang tersebut.
- iii. Peruntukan ini dibuat bagi tempoh hutang yang melebihi 1 hingga 5 tahun dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

- iv. Hutang lapuk dihapuskan setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa Universiti. Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

f. Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai, jika ada. Didefinisikan sebagai barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan dan bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.
- ii. Buku-buku perpustakaan tidak dipermodalkan.
- iii. Hartanah, Loji dan Peralatan akan dinyah iktiraf apabila tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan kepada UMT. Sebarang kerugian atau keuntungan daripada pelupusan aset-aset tersebut dikira berdasarkan kepada perbezaan di antara hasil jualan dan nilai dibawa.

g. Aset Tak Ketara

- i. Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti dan mempunyai nilai RM3,000 atau lebih. Pemerolehan aset tak ketara yang boleh dikenalpasti melalui hak penggunaan tanah dan harta intelektual, termasuk yang diperolehi melalui penggabungan perniagaan, adalah diiktiraf sebagai aset

dan diukur pada kos, ditolak pelunasan terkumpul dan rosotnilai terkumpul, jika ada.

- ii. Aset tak ketara akan dinyah iktiraf apabila tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan kepada UMT. Sebarang kerugian atau keuntungan daripada pelupusan aset-aset tersebut dikira berdasarkan kepada perbezaan di antara hasil jualan dan nilai dibawa.

h. Pelunasan/Susut nilai

- i. Tanah milik bebas tidak dilunaskan manakala tanah pajakan dilunaskan samarata mengikut tempoh pajakan.
- ii. Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaan aset berkenaan.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :-

	(%)
Bangunan	2
Loji dan Jentera	20
Peralatan Pejabat & Perabot dan Kelengkapan	20-25
Kenderaan	5-20
Kemudahan/Infrastruktur	5
Aset Tetap Lain	20
Peralatan Kolam	10

- iii. Pelunasan bagi aset tidak ketara adalah menggunakan kaedah garis lurus pada kadar 20% atau berdasarkan kepada anggaran tempoh yang dinyatakan secara perundangan.

- iv. Kaedah susutnilai yang diguna pakai akan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tahun kewangan dan, jika terdapat perubahan signifikan dalam jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dalam aset tersebut.

i. Pembinaan Dalam Kemajuan

i. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

ii. Perolehan Peralatan

Perolehan Peralatan adalah akaun untuk merekodkan peralatan dan bekalan yang dibayar secara berperingkat yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Apabila siap, kosnya dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan.

j. Inventori

Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa inventori. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu.

k. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara.

I. Liabiliti Cukai Pendapatan

Universiti Malaysia Terengganu adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai di dalam penyata kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun dan dikira mengikut kadar cukai pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaaian tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak berbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila Syarikat mempunyai hak yang sah disisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

m. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Kumpulan dan Universiti menggunakan kaedah tidak langsung di dalam menyediakan Penyata Aliran Tunai.

Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit bank serta pelaburan mudah cair yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan dan sedia untuk ditukarkan kepada tunai tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

n. Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen

di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Kumpulan hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:-

Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai pelaburan dipegang hingga matang apabila Kumpulan mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:-

- i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- ii) Pembayaran tertunggak;
- iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta

Kumpulan telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

o. Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisui liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Kumpulan hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:-

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas

tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

p. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

i) Aset Penajaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebih penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Kumpulan akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian

yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

q. Peruntukan Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik.

Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

r. Transaksi Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing pada mulanya dicatatkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh transaksi. Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, pertukaran mata wang asing bagi item monetari diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berkenaan. Item bukan monetari pada permulaannya didominasi dalam mata wang asing, yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan. Semua perbezaan kadar pertukaran diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

s. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada pekerja. Bayaran gantian cuti rehat (GCR) tahun berikutnya diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa.

ii. Manfaat Jangka Panjang

Manfaat jangka panjang adalah bayaran GCR yang diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang telah meningkatkan hak mereka ke atas bayaran GCR tersebut pada masa hadapan.

Pengiraan manfaat pekerja jangka panjang adalah mengambilkira andaian berdasarkan Syarat Persaraan Pilihan di bawah Seksyen 12 Akta 227/239 sepertimana berikut:

- 1) Pekerja tetap yang telah disahkan jawatan;
- 2) Telah diluluskan pemberian Taraf Berpencen;
- 3) Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
- 4) Mempunyai tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun.
- 5) GCR diambil pada bilangan sebenar manakala pada tahun berikutnya GCR dikumpul sebanyak 5 hari setahun.
- 6) Jumlah GCR terkumpul semua pekerja adalah pada jumlah maksimum 160 hari.

iii. Pelan Sumbangan Terancang

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan. Oleh itu, apabila pembayaran bagi pelan ini dilakukan, maka pihak UMT tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan.

t) Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak UMT sahaja dan tidak mengambilkira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

**u) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama
Ketidakpastian Anggaran**

Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

Kerugian Rosot nilai bagi Belum Terima

Kumpulan menilai setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Kumpulan menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 4 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan

nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

v) Aset infrastruktur

